



0222-47

SELEPAS

ALFATHIR

ALFATHIR

SAS

Penelitian dan Pengajaran
di Universitas Pendidikan Indonesia
1971

1911
MAY 10
1911

1911

1911
MAY 10

1911
MAY 10
1911

THE UNIVERSITY OF CHICAGO
LIBRARY

1950

THE UNIVERSITY OF CHICAGO
LIBRARY

1950

1950

1950

1950



17-5880

SELEPAS

MAHATHIR

PELUANG

PAS

Ahmad Lutfi Othman

**Penerbitan Pemuda
Kuala Lumpur
1992**

**SELEPAS
MAHATHIR
PELUANG
PAS**

Ahmad Lutfi Othman

**19 AUG 1994
NASKAH PEMULIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

PENERBITAN PEMUDA
50, Jalan 31/48,
Taman Dato' Senu,
51000 Kuala Lumpur

Cetakan Pertama 1992
© Ahmad Lutfi Othman

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Rekabentuk kulit: Azhar Mahmud

Diatur huruf oleh INTACT
Muka Taip Teks: New Baskerville
Saiz Taip teks: 10/12 poin

APB
712370

M
320.9595
AHM

*untuk
ibu
isteri dan anakku,
dan buat almarhum bapa*

KANDUNGAN

Pendahuluan	VI
1. Menyusuri Pergolakan Dalaman Umno	1
2. Pecah dan Perintah Warisan Dr Mahathir	11
3. Perpecahan Umno Yang Menghancurkan	25
4. Kelangsungan Umno Melalui Konsep Pelindungan; Mampukah PAS Menggantikannya?	35
5. PAS dan Dimensi Islam Di Malaysia	53
6. Mendekati Bukan Islam; Jangan Berleengah Lagi!	71
7. Barisan Kepimpinan PAS Belum Ampuh?	85
8. Mengapa Jamaah-Jamaah Islam Menjauhi PAS?	95
9. ABIM dan PAS: Adik Yang Menderhaka?	107
10. Perjuangan Islam Tidak Bermusim	127
11. Meniti Asas Perjuangan PAS	135
12. Kekuatan Yang Tertimbus	143
13. Kemantapan Sumber Kewangan Dan Peningkatan Prestasi Parti	151
14. Persiapan Menghadapi Cabaran	161
15. Perjuangan PAS Tidak Harapkan Kemenangan?	171
16. Menggubal Dasar Yang Konkrit	179
17. Hentikan Reaksi Pimpinlah Tindakan	185
18. Keperluan Mencipta Sejarah	191
19. Melihat Politik Melayu Dari <i>Lagu Setia</i>	215

PENDAHULUAN

Buku-buku yang diterbitkan mengenai Dr Mahathir Mohamad agak banyak juga, tetapi jarang yang mengaitkannya dengan parti-parti pembangkang. Tidak dipastikan bila beliau akan meletakkan jawatan atau mengakhiri tugasnya sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno - sudah tentu tarikhnya semakin dekat - saya cuba melihat masalah dari sudut yang agak berbeza. Antaranya dengan mengemukakan peluang yang mungkin dapat dimanfaatkan oleh PAS, satu-satunya saingan Umno yang terus mencabar parti pemerintah itu. Hujah yang saya kemukakan mungkin longgar dan andaian yang dibuat boleh dipersoalkan, tetapi itu bukan masalah besar, proses perbincangan dan perbahasan di negara kita mesti digalakkan. Kita sebenarnya mempunyai khazanah pemikiran yang kaya dan beragam serta begitu menarik sekiranya wujud tradisi perbincangan yang terbuka serupa itu.

Dalam tulisan ini saya mungkin menyinggung banyak pihak; maaf saya pohonkan. Saya seperti orang lain juga, ingin turut memberikan sumbangan memajukan gerakan Islam khususnya dalam percaturan politik tanahair. Tugas ini begitu besar, dan tentu tidak terpicul bebanan berat ini, apatah lagi menyentuh sebuah parti politik ulung dalam negara kita, PAS, yang telah menempuh seribu satu pengalaman, manis dan pahit, dengan pengorbanan besar dari pemimpin sehingga ahli biasa, dan doa mereka yang

bersimpati dengannya. Anggaplah tulisan ini sebagai usaha anak muda yang mentah dalam dunia penulisan dan baru sahaja berjinak-jinak dengan alam perjuangan.

Terima kasih buat rakan-rakan yang memberi idea, Puan Siti Hawa Sam Sam yang memberi galakan, Sdr Azhar Mahmud yang merekabentuk dan atur huruf, Sdri Zamiah Abd Ghani yang menterjemah, Sdr Zin Mahmud, Ketua Editor *Dunia Islam*, yang menyumbangkan tulisannya, juga inspirasi dari kekentalan semangat pendukung PAS dari semua peringkat. Tanpa ini semua, siapalah saya untuk menyusun buku kecil ini.

AHMAD LUTFI OTHMAN,
Editor Majalah *Dunia Islam*,
Kuala Lumpur; 6 Ogos 1992



1

MENYUSURI PERGOLAKAN DALAMAN UMNO

Perletakan jawatan Datuk Musa Hitam sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, berikutan krisisnya secara terbuka dengan Dr Mahathir Mohamad, yang diluahkan melalui suratnya pada 27 Januari 1986, sebelum bertolak ke Davos, Switzerland, adalah petanda yang jelas bahawa era baru politik orang-orang Melayu bermula. Secara terang, penentangan terhadap kepimpinan Dr Mahathir dizahirkan, di antara ahli-ahli Umno sendiri, dan suasana ini kemudiannya membiasakan mereka dengan kritikan dan kecaman, sehinggalah "dile-tupakan" pada April 1987, dengan gabungan yang lebih mantap, Team B, melalui pemilihan Majlis Kerja Tertinggi Umno - khususnya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.

Umno sememangnya mempunyai sejarah perselisihan dalaman yang menarik, khususnya jika ditinjau selepas era Tun Razak, malah sewaktu kepimpinan Tun Razak, Umno bergolak dengan begitu hebat sekali. Bagaimanapun,

selepas Dr Mahathir berjaya membuatkan Tun Hussein Onn menarik diri secara terhormat dari kepimpinan Umno, umum melihat kesepaduan Umno, terutama dengan gandingan 2M, Mahathir dan Musa, dua sahabat lama yang pernah disingkir dari Umno zaman Tunku Abdul Rahman. Kemenangan BN menguasai 132 kerusi Parlimen daripada 154 kerusi yang dipertandingkan dalam Pilihanraya Umum 1982 juga dikaitkan dengan imej baru kepimpinan 2M itu, yang menonjolkan dedikasi 2M untuk memerangi korupsi, mewujudkan pentadbiran kerajaan yang lebih cekap dan berkhidmat untuk rakyat. Pengundi-pengundi kelas menengah dan terpelajar dikatakan tertarik dengan kepimpinan 2M ini.

Dalam pada itu, untuk mengandaikan masalah dalaman Umno kembali reda tentunya boleh dipertikai. Ini kerana pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden Umno, antara Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah, pada Julai 1981, membibitkan perpecahan dalaman yang lebih serius dan membarah. Secara tidak langsung Dr Mahathir dikatakan terlibat berkempen untuk Musa. Kumpulan Tengku Razaleigh tentu tidak dapat menerima hakikat ini kerana difahamkan telah "termeterai" perjanjian tidak rasmi, bahawa selepas Dr Mahathir, calon yang akan ke jawatan no. 1 itu ialah Tengku Razaleigh sendiri. Tengku Razaleigh menjadi Naib Presiden yang kanan berdasarkan pemilihan 1978. Beliau menjadi Naib Presiden sejak tahun 1975, ahli Majlis Tertinggi sejak 1963, dan Menteri Kewangan sejak 1976. Beliau juga pernah mengetuai Petronas, Pernas, pengasas ASN dan pengerusi pertama Bank Bumiputera.

Dalam pertandingan 1981 tersebut, Musa mendapat 722 undi berbanding dengan Tengku Razaleigh yang mendapat 517 undi. Sekali lagi pada tahun 1984, Musa mengekalkan kedudukannya selaku Timbalan Presiden

dengan mengalahkan dua calon lain. Musa mendapat 744 undi, sementara Tengku Razaleigh, 501 dan Datuk Harun Idris, 34 undi. Dalam Ucapan Presiden pada perhimpunan Umno 1984, secara jelas Dr Mahathir meminta perwakilan tidak menukar pemimpin (tentunya Musa) tanpa alasan yang kuat: "Kita tidak perlu mengganti pemimpin semata-mata kerana ini diizinkan, atau kerana ingin memberi kemenangan kepada calon kita. Sudah tentu jika proses penggantian ini akan membawa kesan yang buruk dan memecahbelahkan parti, adalah lebih baik jika kita mengelakkan diri daripada mempraktikkan demokrasi hanya kerana demokrasi. ... Jangan sekali-kali begitu sayang kepada seseorang hingga sanggup Umno dipecahbelahkan. Jangan ada *personality cult* dan *parochialism* dalam Umno."

Di waktu Musa Hitam membuat keputusan mengundurkan diri dari Kabinet, difahamkan ramai anggota Kabinet berpihak kepadanya. Maknanya, langkah Musa itu sebenarnya satu strategi untuk meletakkan Dr Mahathir dalam kedudukan yang genting dan dianggap oleh pihak yang rapat dengan Dr Mahathir sebagai percubaan mengambil alih kuasa. Bagaimanapun Dr Mahathir berjaya menangkis segala pertuduhan yang dihadapkannya oleh Musa dengan mendedahkan dan membuktikan bahawa sebenarnya tindakan Musa meletakkan jawatan itu disebabkan rasa tidak puas hati mengekalkan Tengku Razaleigh di dalam Kabinet. Meskipun diakui sebahagian besar alasan Musa itu benar, iaitu tidak boleh lagi bersama Dr Mahathir kerana tidak mendapat keyakinan dan Dr Mahathir ada regu lain yang lebih sesuai, namun semua itu tertolak dengan pendedahan Dr Mahathir itu.

Kemasukan bekas Presiden ABIM, Anwar Ibrahim, ke dalam Umno menjelang Pilihanraya Umum 1982, dan kemudiannya menjadi anak emas Dr Mahathir, jika dilihat

sokongan kuat terhadapnya melalui jawatan-jawatan Kabinet, menyebabkan krisis dalaman Umno semakin serius. Populariti Anwar dan kenaikannya secara mendadak dalam kerajaan memberikan saingan sengit kepada Musa. Cabaran Syed Hamid Albar untuk penggal ketiga Anwar mempertahankan jawatan Ketua Pemuda Umno dilihat sebagai *proxy* Musa. Anwar yang baru melewati usia 30-an, waktu itu dilihat mempunyai peluang yang baik menggantikan Musa, yang sudah melewati usia 50-an, sekiranya Dr Mahathir kekal dengan jawatan Perdana Menteri dalam waktu yang agak lama. Golongan-golongan tertentu yang rapat dengan Anwar menyebarkan khabar bahawa antara pertentangan Musa dengan Dr Mahathir ialah sikap Musa yang tidak boleh menerima Rancangan Penerapan Nilai-nilai Islam. Ada pula yang melihat perletakan jawatan Musa bahawa daripada angkaranya mencetuskan Peristiwa Memali, November 1985 dan termakbulnya doa PAS. (Difahamkan hampir kesemua tokoh-tokoh utama yang terlibat dengan Peristiwa Memali menghadapi "tragedi" tersendiri dalam kehidupan mereka).

Gabungan Musa Hitam dan Tengku Razaleigh, bersama-sama, antara lain, Rais Yatim, Abdullah Ahmad Badawi, Harun Idris, Shahrir Abd Samad, Radhi Sheikh Ahmad, Rahmah Othman dan beberapa orang lagi timbalan menteri memberikan tentangan paling hebat, sepanjang sejarah Umno, dalam pemilihan kepimpinan parti itu, April 1987. Pertandingan Majlis Kerja Tertinggi Umno ini, dilihat oleh penganalisa politik selesai, lebih hebat dan lebih menarik daripada pilihanraya umum negara. Isu-isu yang ditimbulkan, personaliti yang terlibat, liputan media khususnya akhbar-akhbar utama, radio dan televisyen dieksploitasi semaksima mungkin, mencetuskan suatu senario yang menarik minat seluruh rakyat. Rasanya, tidak ada di mana-mana negara demokrasi berparlimen, pemilihan kepimpinan parti berlaku seperti pertandingan

MKT Umno 1987 itu.

Dr Mahathir menggunakan sepenuhnya kemudahan dan keistimewaannya sebagai Perdana Menteri untuk berkempen. Dengan menggunakan jet eksekutif Perdana Menteri beliau menjelajah negara melakukan serangan balas, di samping menggerakkan jabatan kerajaan, badan berkanun yang berkaitan, dan institusi penting di peringkat negeri. Kementerian Kewangan, Kementerian Kerja Raya, MIDA (Malaysian Industrial Development Authority) dan Bank Negara secara jelas dan terbuka mengemukakan fakta dan data untuk menolak segala hujah lawan - Team B. Masing-masing berlumba membuktikan kumpulan mereka akan menjadi pelindung kepada orang-orang Melayu, malah dikaitkan dengan ancaman Zionis dalam kempen Team A.

Perkara ini tidak begitu sukar untuk dijelaskan; perwakilan Umno bukan setakat memilih pemimpin tertinggi mereka tetapi mereka sedang memilih Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Habuan di sebalik pemilihan itu begitu besar dan mewah. Namun yang lebih penting untuk kita tinjau ialah perebutan kuasa itu mendedahkan kepada umum suatu kempen besar-besaran, secara terbuka dan meluas, di segenap peringkat, yang membongkar penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa kepimpinan negara oleh mereka sendiri. Ini suatu perkara baru bagi orang-orang Melayu kerana parti pembangkang Melayu yang kuat pun, seperti PAS, tidak pernah mengkritik kerajaan dengan isu-isu sebegitu rupa, lengkap dengan data dan fakta yang boleh dipercayai kesahihannya.

Dari satu sudut, orang-orang Melayu yang selama ini taksub dengan pemimpin-pemimpin Umno, dan tidak pernah terfikir bahawa pemimpin-pemimpin mereka boleh berkelakuan sebegitu rupa, mula melihat realiti sebenar dunia politik Melayu. Kritikan yang begitu keras, tajam

dan berbisa, malah tidak beradab dihamburkan di mana-mana terhadap kepimpinan Umno; sesuatu yang amat jarang didengar oleh mereka. Sebelum itu, selain DAP, kritikan terhadap kerajaan tidak tepat ke sasarannya ataupun hanya "di permukaan" sahaja kerana tidak disokong oleh maklumat yang meyakinkan. Tetapi, apabila menteri-menteri kanan Kabinet sendiri, khususnya Musa Hitam, bekas Timbalan Perdana Menteri dan Tengku Razaleigh, bekas Menteri Kewangan pertama dari kalangan Umno, mendedahkan satu demi satu penyelewengan kerajaan, dakwaan mereka tidak boleh disangkal lagi, yang boleh dipertikai hanya niat dan tujuan mereka sahaja.

Dr Chandra Muzaffar melihat, dengan adanya cabaran Tengku Razaleigh dan Musa terhadap pemimpin tertinggi Umno, bererti "amalan taat kepada pemimpin utama sudah tidak berpengaruh. Kata pepatah, "Melayu pantang derhaka" tidak boleh digunakan lagi dalam konteks politik Umno. Ia menjadi suatu titik perubahan dalam sejarah politik Melayu. "Ternyata bahawa taatsetia tanpa soal kepada pemimpin - taatsetia yang melarang pemimpin utama dicabar, dikritik dan dijatuhkan secara demokratik - telah dikuburkan dalam pemilihan Umno pada 24 April 1987. ... Yang anehnya, seorang anak raja - dengan tidak sengaja - menamatkan penguasaan suatu ciri feodal".

Melihat keputusan pemilihan itu, sebanyak 48.5 peratus perwakilan menentang Dr Mahathir, dengan kelebihan majoriti hanya 43 undi (undi Mahathir, 761 dan undi Tengku Razaleigh sebanyak 718), Umno telah terbahagi dua. Namun ucapan-ucapan perwakilan Umno selepas pertandingan ini menunjukkan mereka tidak mahu Umno terus berpecah dan mengharapakan Dr Mahathir menggunakan pengaruh dan kuasanya untuk merapatkan jurang yang terbina. Bagaimanapun, dirujuk kepada tindakan Dr Mahathir selepas itu - memecat kesemua

pemimpin-pemimpin Team B dari Kabinet - menunjukkan Dr Mahathir bersedia menghadapi sebarang tentangan kemudiannya. Tiga menteri dan empat timbalan menteri digugurkan pada 30 April 1987, lebih kurang seminggu selepas pemilihan. Sebelum itu, Tengku Razaleigh (Menteri Perdagangan dan Perindustrian) dan Rais Yatim (Menteri Luar Negeri) yang gagal merebut salah satu jawatan Naib Presiden, meletakkan jawatan dari Kabinet. Sememangnya Dr Mahathir mempunyai kuasa untuk memilih regu Kabinetnya, tetapi memandangkan kemenangannya begitu tipis, dan menteri-menteri dari Team B juga mendapat sokongan yang ramai dari perwakilan, tindakan pengguguran itu semakin menegangkan lagi suasana.

Episod-episod selepas itu, khususnya melalui siri pilihanraya kecil, bermula di Johor Bahru, merencanakan percaturan politik tanahair. Pengharaman Umno, pada 4 Februari 1988, yang dicadangkan sendiri oleh kumpulan Dr Mahathir, bertujuan membersihkan Umno dari pengaruh Tengku Razaleigh, dan kemungkinan diadakan semula pemilihan MKT Umno kerana disahkan terdapat perwakilan tidak sah yang mengundi. Pemecatan Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas dan dua orang lagi hakim Mahkamah Agung dirancang sendiri oleh Dr Mahathir, dengan bantuan sepenuhnya dari Yang di-Pertuan Agong, juga bertujuan untuk menyelamatkan kedudukan Dr Mahathir sebagai Presiden Umno dan Perdana Menteri Malaysia.

Kemenangan Datuk Shahrir Abd Samad pada Ogos 1988 mengalahkan calon Umno Baru, setelah beliau bertanding semula berikutan perletakan jawatannya untuk menunjukkan protes kepada Dr Mahathir sendiri, adalah penerusan kepada pertarungan Team A - Team B 1987 dahulu. Musa sendiri memainkan peranan penting melalui rakaman video yang ditayangkan kepada pengundi;

Almarhum Tunku Abd Rahman juga aktif berkempen, dan Dr Mahathir terpaksa memberi reaksi dan ucapannya itu disiarkan sepenuhnya oleh media elektronik. Namun kemarahan rakyat terhadapnya makin memuncak. Dan buat pertama kalinya calon "Umno" asal (Shahrir) mengadakan hubungan tidak langsung dengan DAP, yang menyebabkan majoriti pengundi Cina berpihak kepada Shahrir. Calon PSRM, Razak Ahmad, yang pada pilihanraya 1986 memberikan saingan sengit kepada Shahrir, hilang wang pertaruhan. Ini menunjukkan pengundi Johor Bahru memang benar-benar ingin menyampaikan mesej yang jelas kepada Dr Mahathir. Dan sememangnya, dalam pilihanraya kecil selepas itu, Dr Mahathir tidak lagi turun berkempen!

Tetapi dalam pilihanraya kecil Ampang Jaya, Januari 1989, calon Bebas (Semangat 46 kemudiannya), Harun Idris tewas kepada calon MCA, dipercayai berpunca dari keengganan majoriti pengundi Cina menyokong bekas Menteri Besar Selangor, yang dikatakan berperanan besar dalam tragedi berdarah 13 Mei 1969. Keadaan agak berubah selepas itu, apabila Musa dan Shahrir kembali semula ke pangkuan Umno selepas kekalahan di Ampang Jaya. Pengaruh "Team B" semakin merosot dan kemampuannya untuk menarik pengundi Cina boleh dipertikai kerana imej DAP selama ini dipamerkan sebagai "*chauvinist*" dan anti-Melayu. Perkembangan selepas itu, khususnya kemunculan Angkatan Perpaduan Ummah dan Gagasan Rakyat menjelang Pilihanraya Umum 1990 tidak perlu dihurai di sini.

Apa yang ingin ditekankan ialah, adakah pergolakan dalaman Umno yang agak ketara sekarang, selepas Tengku Razaleigh disingkirkan dan Musa tidak berada di barisan kepimpinan, akan mencetuskan suatu senario yang dapat dimanfaatkan dengan lebih baik oleh parti-parti pembangkang, terutama sekali PAS. Buku ini cuba menganalisa

peluang yang bakal timbul dari senario itu nanti, dengan perubahan kepimpinan tertinggi, iaitu selepas Dr Mahathir tidak lagi memimpin Umno.

Tumpuan diberikan kepada PAS kerana sejarah politik tanahair membuktikan bahawa hanya PAS yang mampu memberikan saingan terhadap Umno. Meskipun dari segi penguasaan kerusi Parlimen, kemampuan PAS begitu kerdil, tetapi secara umumnya, kehadiran PAS di pentas politik Malaysia begitu terasa, terutama melihat kekebalannya menghadapi serangan bertubi-tubi dari Umno. Ramai pemimpin-pemimpinnya meninggalkan parti, yang lain pula, terutama pemimpin-pemimpin mudanya, sering ditahan ISA dalam keadaan-keadaan yang "memerlukan", dan kemampuan kewangannya begitu terhad, namun potensi yang ada padanya, terutama sekali imej sebagai Parti Islam, sudah cukup memberikan sinar harapan yang tidak kunjung padam untuknya menerajui kepimpinan negara ini.

THE UNIVERSITY OF CHICAGO
DEPARTMENT OF CHEMISTRY
RESEARCH REPORT NO. 1000
1955

1. Introduction
2. Experimental
3. Results
4. Discussion
5. Conclusions
6. References
7. Appendix

2

PECAH DAN PERINTAH: WARISAN DR MAHATHIR

Bab ini akan melihat kemungkinan-kemungkinan yang berlaku dalam Umno, khususnya selepas era Mahathir. Apakah Umno akan mengalami satu lagi babak cemas dalam hayatnya, yang baru sahaja menjangkau empat tahun selepas diharamkan pada 1988, terutama apabila ditinjau krisis dalaman yang dijangka semakin parah dalam pemilihan kepimpinan Umno 1993 nanti? Sekiranya berlaku perpecahan, apakah akan berulang tindakan-tindakan penyingkiran, sama ada secara drastik atau berperingkat-peringkat, oleh pihak yang menang ke atas pihak kalah, seperti yang berlaku oleh Dr Mahathir dahulu? Kalau tidak pun penyingkiran, mungkinkah berlaku tekanan atau layanan yang buruk kepada pihak yang tewas?

Ataupun apakah akan berulang – seperti yang ditunjukkan oleh Tengku Razaleigh dan Rais Yatim – pengunduran secara terhormat oleh tokoh-tokoh yang kalah dalam pertandingan itu nanti? Mungkinkah parti Semangat 46

akan menjadi alternatif? Dan sekiranya berlaku perpecahan dalaman Umno yang serius - selepas era Mahathir - apakah pemimpin utama Umno ketika itu mampu mempertahankan keutuhan dan kekuatan Umno sebagai parti Melayu terbesar, ataupun perpecahan itu menjadi seperti barah, yang akan terus bernanah sehingga pemilihan berikutnya, ataupun ada tindakan-tindakan seperti yang dilakukan oleh Musa Hitam, meletakkan jawatan dari Kabinet sebagai tanda protes terhadap pemimpin tertinggi parti?

Andaian-andaian ini perlu diberikan perhatian kerana pengharaman Umno pada tahun 1988, dan sebelum itu - sepanjang tahun 1987 - perpecahan yang paling serius dalam sejarah Umno, nampaknya seperti tidak memberikan keuntungan kepada PAS. (Kecuali dapat memerintah semula Kelantan bersama Semangat 46, hampir empat tahun kemudiannya). Orang-orang Melayu, yang dalam termangu-mangu menghadapi tragedi itu, tidak memberikan tumpuan dan harapan terhadap PAS sebagai pengganti kepada Umno. PAS diakui mempunyai banyak kelemahan bagi menampilkan dirinya atau menonjolkan imejnya sebagai penyelamat dan pelindung kepada orang-orang Melayu. Kekuatannya masih terbatas di Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan bahagian Utara Perak. Di banyak kawasan yang lain, PAS langsung tidak menggugat Umno dan masih dikenali dengan imej negatif. Penulis MGG Pillai berpendapat: "Sebelum PAS bercakap mengenai tampuk kekuasaan, ia harus memenangi hati dan pemikiran orang-orang Melayu dahulu. ... PAS masih jauh ketinggalan dalam usaha menggantikan Umno Baru sebagai teraju kepimpinan bangsa Melayu." (Huraian mengenai konsep pelindung ini akan dijelaskan, hasil pemerhatian kami terhadap buku *Pelindung?*, karya Dr Chandra Muzaffar).

Kita bermula dengan meninjau sepintas lalu faktor-

faktor yang menyebabkan Tengku Razaleigh - Musa Hitam mencabar Dr Mahathir - Ghafar Baba. Di samping itu turut sama regu Abdullah Ahmad Badawi, Rais Yatim, Shahrir Samad (tokoh-tokoh seperti Harun Idris tidak begitu penting lagi) di pihak Tengku Razaleigh menentang regu Anwar Ibrahim, Sanusi Junid (meskipun tidak bertanding sebarang jawatan ketika itu tetapi pengaruhnya tidak boleh diketepikan) di pihak Mahathir. Tokoh lain yang bertanding jawatan Naib Presiden ketika itu, Wan Mokhtar Ahmad dan Ramli Ngah Talib tidak mempunyai keistimewaan; Ramli bertanding bagi pihak Team A, dengan mengepikan Sanusi, hanyalah untuk mendapatkan undi dari negeri Perak, sementara Wan Mokhtar telahpun tewas dalam pemilihan Naib Presiden, 1990. Tinjauan ini penting untuk kita menduga masa depan Umno selepas era Mahathir, yang berkemungkinan menghadapi susur galur perpecahan yang hampir sama.

Selain cita-cita peribadi dan hasrat untuk memperolehi kuasa – suatu perkara biasa dalam politik – faktor-faktor berikut mungkin turut memainkan peranan:

1. Corak kepimpinan Dr Mahathir - beliau dikatakan bersikap autoritarian, dan jarang mengadakan rundingan di kalangan kepimpinan parti atau kepimpinan kerajaan untuk membincangkan polisi-polisi dan perkara-perkara penting.
2. Beliau bergantung kepada sebuah "klik" untuk membuat sesuatu keputusan – dengan mengeneipkan Majlis Tertinggi Umno dan Kabinet.
3. Dalam beberapa persoalan masyarakat, beliau membuat keputusan yang tidak demokratik – umpamanya isu pembuangan sisa radioaktif di Papan dan isu kekalahan parti Berjaya di Sabah. Beliau juga mengetatkan beberapa

undang-undang yang tidak demokratik - contohnya Akta Penerbitan (1984) dipinda untuk mengetatkan kawalan ke atas penerbitan dan Akta Rahsia Rasmi (1986) dipinda untuk mengawal pengaliran maklumat.

4. Dr Mahathir gagal memberi penjelasan yang meyakinkan kepada rakyat tentang penyelewengan kewangan yang berlaku dalam dasawarsa 80-an - umpamanya skandal BMF, UMBC, Pan-EI, Maminco, Sports Toto dan KWSP-Makuwasa.

5. Kredibiliti moral beliau juga menurun kerana beliau dikatakan memperkayakan segelintir individu menerusi dasar penswastaaan kerajaan. Para pengkritik beliau berpendapat penswastaaan hanya menguntungkan beberapa individu dan kumpulan, dan bertentangan dengan kepentingan umum.

6. Dr Mahathir dikatakan mengabaikan kepentingan beratus-ratus ahli perniagaan Bumiputera yang mengalami kerugian akibat kemelesetan ekonomi dan mengabaikan siswazah-siswazah Bumiputera yang menganggur akibat kemelesetan ekonomi.

7. Walaupun ketika ekonomi meleset antara tahun 1984-1986, Dr Mahathir asyik dengan projek-projek gergasi beliau seperti Proton Saga dan Perwaja yang dikatakan merugikan rakyat.

8. Dr Mahathir mengabaikan perniagaan dan industri kecil, beliau lebih mengutamakan perniagaan besar, industri besar dan bandar-bandar besar. Lebih serius, beliau kurang memberi perhatian kepada ekonomi desa.

9. Selain kecenderungan beliau terhadap "kebesaran", Dr Mahathir juga melancarkan beberapa projek mewah

yang membazirkan wang rakyat – seperti projek Jambatan Pulau Pinang, Dayabumi, Langkawi dan sebagainya.

10. Dasar-dasar ekonomi Dr Mahathir juga dikatakan menjadi punca hutang luar negara meningkat kepada sebanyak 50 bilion. Tambahan pula, nilai matawang Malaysia lebih merosot.

Kritikan-kritikan terhadap Dr Mahathir ini ada kesannya kerana beberapa faktor – antaranya kemelesetan ekonomi. Kemelesetan ekonomi yang telah membawa kesan negatif terhadap sebahagian kelas pekerja menengah Melayu dan anggota-anggota kelas menengah Melayu telah menjadikan golongan-golongan ini makin tidak puas hati. Ahli-ahli Umno kini lebih tinggi tahap pendidikan mereka, berasal daripada pelbagai lapisan masyarakat dan lebih beraneka dari segi karier dan pekerjaan. Mereka lebih terdedah kepada masyarakat antarabangsa. Sebahagian ahli Umno juga sudah mengalami proses perbandaran. (Rujuk *Pelindung?*, Dr Chandra Muzaffar)

Dr Mahathir (1990) mengulas cabaran terhadap kepimpinannya itu: “Tiga orang Presiden mengetuai parti Umno tanpa sebarang cabaran yang bersungguh-sungguh. Tidak adanya cabaran tidak bererti pemimpin dahulu tidak ada kelemahan sama sekali. Tidak adanya cabaran adalah kerana tokoh-tokoh yang berkebolehan dalam parti tidak sanggup mencabar pemimpin yang sedia ada pada masa itu. Perpaduan parti dianggap lebih penting daripada cita-cita besar mana-mana tokoh.”

Tengku Razaleigh dalam “ucapan dasarnya” sebagai calon Presiden Umno di Hotel Regent, 19 April 1987, meletakkan tema “Menentang Kemunggaran Politik dan Ekonomi”. Selain mengimbau nostalgia kepimpinan bekas-bekas Presiden Umno yang lalu, iaitu Tunku Abdul Rahman, Tun Razak dan Tun Hussein Onn, dan kekecewaannya

terhadap penyimpangan Mahathir dari kepimpinan tradisi dalam Umno, Tengku Razaleigh menjelaskan senario kepimpinan Mahathir: "Di bidang politik, kita perhatikan kemungkar-kemungkar tersebut menjelma dalam gaya kepimpinan yang semakin diktatorial dan otokratik yang semakin enggan berunding dan semakin enggan mendengar pendapat dan teguran-teguran yang membina, yang semakin ternoda dengan amalan-amalan pilih kasih yang menyebabkan parti berpuak-puak dan yang semakin tercemar dengan tabiat menyebarkan fitnah serta menimbulkan rasa syak wasangka dan cemburu yang mengancam perpaduan sosial dan keutuhan ukhawah.

"Kemungkar-kemungkar ekonomi pula semakin jelas terpampang dengan hasil-hasil perancangan ekonomi yang tidak teliti mengenai projek-projek tertentu; kecenderungan menumpukkan kekayaan kepada segelintir golongan yang sentiasa dirasuk nafsu tamak dan haloba yang tidak mengenal batas, skandal-skandal kewangan dan perniagaan semakin berleluasa sama ada secara terselindung, atau secara samar-samar mahupun secara berterus terang. Peluang-peluang ekonomi di kalangan Bumiputera sendiri tidak lagi diagihkan dengan adil dan saksama. Perancangan yang tidak teliti dan pelaksanaan yang tidak sistematik mengenai projek-projek tertentu, telah menyebabkan hutang negara semakin bertumpuk-tumpuk, pertumbuhan ekonomi semakin rendah dan kadar pengangguran semakin menggerunkan."

Bagaimana pula dengan alasan Musa mengundurkan diri dari Kabinet? Dalam suratnya kepada Dr Mahathir, sebelum berlepas ke Davos, beliau memberikan beberapa sebab, antaranya: "Pertama, prinsip saya berkhidmat dan menjalankan tugas berasaskan kepercayaan penuh, komitmen dan dengan sukacita hati saya. Komitmen sudah merosot kerana tidak dipercayai dan kegembiraan sudah

menjadi duka. Kedua, walaupun saya buat sesuatu dengan cara apa pun, saya akan membuatnya dengan takut-takut ditohmah atas motif kepentingan politik saya sendiri. Ketiga, kenyataan-kenyataan umum beberapa orang menteri dan saudara sendiri (Dr Mahathir) atas pihak-pihak tertentu yang cuba "memecah-belah, menjatuhkan kerajaan, serta kita tahu siapa dia di dalam dan di luar parti" yang mencemarkan nasib baik saudara (Dr Mahathir) sebagai Perdana Menteri dan kata-kata khusus bahawa "*Doctor cannot work together with Musa anymore but cannot do anything because Musa is too powerful now ...*". Semua ini menekan fikiran saya. Tambah lagi aktiviti-aktiviti komando-komando dengan rancangan-rancangan khusus mereka merisaukan fikiran saya atas potensi dan bahaya kita berpecah-belah dan saya dilibatkan."

Sebelum itu, dalam suratnya kepada Dr Mahathir, bertarikh 5 Julai 1984, Musa membantah pelawaan Dr Mahathir kepada Tengku Razaleigh untuk melantiknya sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian, selepas Musa berjaya menewaskan Tengku Razaleigh dalam pemilihan Timbalan Presiden, untuk kali keduanya. Hujahnya, Tengku Razaleigh akan menggunakan kedudukannya di kementerian tersebut untuk kepentingan politiknya, dan ini tentu menyukarkan laluan Musa. Musa menjelaskan beberapa kemungkinan apa yang akan dilakukan oleh Tengku Razaleigh:

1. *He shall use it to the full by giving out the following perks to his followers and would-be followers — Import permits (cars, materials, etc.), licenses for businesses (MTI looks after Register of Companies); licenses and control/supervision of manufacturing ventures.*
2. *He shall have a very strong hold on the take-overs, purchases, distributions, approvals over companies wanting to divest or trans-*

fer shares either ordinarily or to comply to the NEP.

3. *He shall choose, recommend, suggest Malaysian (Malay, more important) partners to foreign investors wishing to invest in Malaysia.*
4. *He shall control the licensing and supervision of the distribution trade.*
5. *He shall choose, recommend, suggest names of individuals for the distribution of shares.*
6. *He shall not only continue to have the support of the monied group but widen it greatly to the general business (Malay especially) community.*
7. *PATRONAGE would be a plenty to those of his choice. And MON DIEU he shall have the greatest opportunity ever to prepare himself for his political future even better than Finance! Finance only give his prestige influences and the ability to give tender, licenses, etc. to a very limited top lucky few who would be use their influence to get support for him. But MTI would give him direct access to the actual Umno voters in the widest way ever!*

Shahrir Abd Samad ketika mengimbau kembali pertandingan 1987 (rujuk wawancara dengannya dalam *Dunia Islam*, Jun 1992) menyalahkan kepimpinan Dr Mahathir yang mengenenepikan terus falsafah politik yang diwariskan oleh Tun Razak dan mengkritik amalan pilih kasih Dr Mahathir: "Siapa yang paling rapat dengan Dr Mahathir dialah akan dipilih. Tun Daim masuk Kabinet bukan kerana dia yang paling pintar dalam hal ekonomi tetapi kerana dia rapat dengan Dr Mahathir. Ketika itu sudah berubah dari pakatan satu kumpulan kepada hanya seorang (yang memimpin)... Soal ekonomi Melayu, politik Melayu sudah tidak penting lagi. Dr Mahathir bertindak

mengikut caranya, ikut apa yang dia hendak buat. Faktor dominan sekarang dalam politik negara hanya satu sahaja - Dr Mahathir. Apa yang berlaku padanya, apa yang difikirkannya, itulah yang menentukan masa depan negara. Tidak ada lagi apa yang dikatakan satu kumpulan di mana Perdana Menteri sebagai bapa. Berlakulah persaingan merebut populariti supaya dilantik ke jawatan lebih tinggi oleh Perdana Menteri."

Musa Hitam dan Shahrir Abd Samad masih memegang teraju kepimpinan di peringkat bahagian, di Johor. Walaupun Musa sudah mengumumkan akan terus bersara dari politik, tetapi banyak pihak di dalam Umno membuat spekulasi Musa akan kembali semula, ketika saat yang memerlukan nanti. Musa masuk Umno Baru, pada Februari 1989, selepas kekalahan Harun Idris dalam pilihanraya kecil Ampang Jaya; secara kebetulan, waktu itu Dr Mahathir dimasukkan ke Hospital Besar Kuala Lumpur, menjalani pembedahan kecemasan jantungnya! Shahrir memohon masuk Umno Baru, bulan berikutnya. Pengaruh kedua-dua tokoh ini di Johor tidak boleh diketepikan begitu sahaja. Mereka juga memberikan saham besar kepada kemenangan BN di Johor dalam pilihanraya 1990; sekurang-kurangnya dengan tidak terus bersama Tengku Razaleigh, walaupun tidak berkempen sepenuhnya untuk BN, Johor tidak menjadi Kelantan kedua. Undi yang diperolehi Semangat 46, tanpa Musa dan kumpulannya, boleh dibanggakan; 16 kerusi DUN yang ditandingi Semangat 46 mendapat peratusan undi melebihi 30%, lapan darinya melebihi 40%. Dalam hal ini Dr Mahathir terhutang budi kepada Musa!

Bagaimana pula dengan keadaan sekarang, yang tentunya unjuran daripada apa yang berlaku selepas Umno Baru diwujudkan. Apakah mungkin berulang kisah lama, di mana Dr Mahathir terus mengamalkan gaya kepimpinan

yang sama, mengenyepikan sesiapa yang disukainya dan melayan bagai anak emas tokoh-tokoh kesayangannya? Penentangan Tengku Razaleigh terhadap Dr Mahathir, antaranya berpunca, seperti yang dijelaskan, dari rasa tidak puas hatinya kepada Dr Mahathir menolak kompromi yang terdahulu. Begitu juga Musa, yang menyedari semakin dipencilkan. Merujuk kepada tiga orang Naib Presiden Umno sekarang, termasuk Timbalan Presiden Umno sendiri, keadaan itu tidak jauh bezanya. Dr Mahathir ternyata, secara terang-terangan, mahukan Perdana Menteri selepasnya ialah Anwar Ibrahim, bukan Ghafar Baba, bukan Abdullah Ahmad Badawi, bukan Sanusi Junid.

Nasib yang menimpa Abdullah Badawi, bekas calon Naib Presiden Team B, dan telahpun memenangnya, tidak akan dilupakan dalam sejarah Umno. Dr Mahathir terus mengenyepikannya walaupun mendapat mandat dari perwakilan Umno, selepas kembali semula ke dalam Umno; perlantikannya sebagai Menteri Luar dilihat begitu lewat dibuat. Sewaktu ucapan perasmian di Perhimpunan Agung Umno, yang akan memilih kepimpinan tertinggi parti, pada 30 November 1990, Dr Mahathir secara tidak langsung memberi sokongan kepada Anwar dan cuba memperkecilkan Abdullah Badawi.

Bagaimanapun dalam sejarah pemilihan kepimpinan Umno, ia satu perkara biasa, tetapi selalunya berpunca dari itu, parti dilanda krisis. Dalam pemilihan pucuk pemimpin Umno, Jun 1975, Presidennya, Tun Abd Razak juga memberi sokongan kepada calon-calon Naib Presiden, iaitu Ghafar Baba, Tengku Razaleigh dan Dr Mahathir sendiri, dan mengenyepikan calon-calon yang lain, Harun Idris, Jaafar Albar, Hamzah Abu Samah, Ghazali Shafie dan Ghazali Jawi. Menurut Subky Latif dalam bukunya *Suka Duka Politik Tun Razak*: "Lama sebelum perhimpunan itu orang-orang yang diketahui mengelilingi Perdana Menteri itu

telah menyampaikan maklumat secara langsung mahupun tidak, agar Umno memilih Encik Ghafar Baba, Tengku Tan Sri Razaleigh dan Dr Mahathir. Perkhabaran itu tiba ke pengetahuan kebanyakan ahli Umno tetapi mereka tidak sah apakah perkhabaran itu benar-benar datangnya dari lubuk hati Tun Razak. Dalam ucapan dasar Tun Razak pada perhimpunan itu, orang ramai mendengar dengan sah bahawa benar Tun Razak mahukan tiga nama itu menang. Beliau memuji tiga nama itu dan tidak pula menyebut tentang jasa dan kebaikan lain-lain calon. Peserta perhimpunan itu bersorak tanda tidak setuju bila Tun Razak menyebut nama-nama itu. ... Orang mula meragui Tun Razak kerana tidak membincangkan ucapan dasarnya dengan pemimpin-pemimpin dalam Majlis Kerja Tertinggi parti. Dan kedua beliau dengan sendirinya menjadikan dirinya memihak atau ketua bagi satu kumpulan tertentu dalam partinya sendiri.”

Sementara dalam muqadimah ucapannya, Dr Mahathir membidas Tengku Razaleigh dan kumpulannya yang menentang kepimpinan parti, pada tahun 1987, dan ia tentunya termasuk Abdullah Badawi sendiri. Dr Mahathir menekankan, dalam para keempat ucapannya: “Liku-liku dan cabaran yang telah kita hadapi semenjak kemenangan besar pada tahun 1986 tidak diduga oleh sesiapa pada ketika itu. Biasanya sebuah parti politik yang begitu berjaya dalam pilihanraya tidak akan menghadapi apa-apa masalah dalaman. Hanya kekalahan yang teruk sahaja yang memaksa parti membuat perubahan dan menukar kepimpinan. Tetapi sepertimana kita semua maklum, ada percubaan untuk menukar kepimpinan belumpun genap setahun selepas kemenangan besar parti kita dalam pilihanraya.” Di akhir ucapannya, Dr Mahathir mengingatkan: “Hari ini kita akan memilih pemimpin-pemimpin parti. ... Undilah mereka yang mempunyai rekod khidmat yang baik.” Dalam pemilihan itu, Anwar Ibrahim yang mendapat 108

pencalonan memperolehi 1067 undi; Abdullah Ahmad Badawi yang mendapat hanya 25 pencalonan memperolehi 953 undi; Sanusi Junid yang mendapat 44 pencalonan memperolehi 750 undi; Wan Mokhtar Ahmad yang mendapat 35 pencalonan memperolehi 735 undi.

Mengenai Sanusi Junid pula, yang bermusuh dengan Anwar Ibrahim sejak sekian lama – semenjak zaman muda-muda dulu lagi – layanan istimewa Dr Mahathir tentunya makin menyakitkan hati beliau. Walhal dahulu dialah antara yang paling rapat dengan Dr Mahathir, lama sebelum Anwar masuk Umno. Sanusi difahamkan amat terkilan apabila Anwar ditukarkan ke Kementerian Kewangan, hanya sebagai tempat latihan terakhir untuk ke jawatan PM, sedangkan beliau tetap di Kementerian Pertanian. Sekurang-kurangnya beliau juga patut ditukar ke Kementerian Pendidikan, salah satu kementerian kanan, yang dilihat wajar diisi oleh pemimpin kanan Umno. Pihak yang rapat dengan Sanusi melihat rombakan Kabinet itu didalangi oleh Anwar, yang sentiasa akan memastikan peluang Sanusi untuk melonjak ke atas tersekat. Ramai pihak percaya, Anwar dan Sanusi akan terus bersaing dan tidak boleh digandingkan; masing-masing akan cuba menamatkan kerjaya politik saingan mereka.

Pergolakan ini menjadi lebih serius apabila ia membabitkan Ghafar Baba, pemimpin veteran Umno, yang dijemput semula ke Kabinet selepas Musa meletakkan jawatan. Harapan Ghafar menjadi PM mungkin tidak tercapai sekiranya usaha menaikkan Anwar, dengan dukungan Dr Mahathir berjaya. Ketegangan antara Ghafar dan Anwar bukan rahsia lagi; Dr Mahathir lebih yakin dan percaya dengan Anwar, jika dilihat kepada banyaknya keistimewaan yang diberikannya kepada Anwar. Keadaan ini dihangatkan lagi apabila Sanusi Junid lebih rapat pula dengan Ghafar. Cuma masa sahaja yang akan menentukan persaingan ini

sampai ke kemuncaknya; mungkin apabila salah seorang dari Dr Mahathir atau Ghafar meninggal dunia.

Shahrir Abd Samad cuba menjelaskan mengenai kepimpinan Umno selepas Dr Mahathir: "Saya rasa semuanya bergantung kepada siapa yang hidup lama. Kalau Dr Mahathir hendak serahkan pada Encik Ghafar seperti Tun Hussein Onn serahkan kuasa kepada Dr Mahathir, masih boleh dilakukan lagi. Tetapi saya rasa Dr Mahathir tidak akan berbuat begitu. Perkiraan saya, siapa yang umurnya lebih panjang. Kalau Encik Ghafar pergi dulu, saya rasa akan timbul masalah. Kalau Dr Mahathir pergi dulu, timbul juga masalah dalam parti. Akan bergaduh juga. Tanpa kami, tanpa Datuk Musa, tanpa Tengku Razaleigh, masih ada pergolakan besar dalam Umno."

Dalam bab berikutnya kita akan cuba menganalisa, apakah perpecahan Umno ini, akan memberikan keuntungan kepada parti-parti pembangkang, khususnya PAS, satu-satunya saingan terdekat Umno. Atau benarkah, seperti anggapan sesetengah pihak, Umno dengan pendekatan pragmatiknya, meskipun dilanda perpecahan dalaman, tetapi tidaklah sampai mengakibatkan parti itu tidak lagi diterima sebagai parti utama orang-orang Melayu. Berhadapan dengan musuh, Umno akan kembali bersatu; pihak yang tidak terpilih akan tetap mendapat habuan, sekurang-kurangnya untuk menjaganya dari melompat ke parti lawan. Ataupun, seperti juga pendapat tokoh-tokoh tertentu, PAS tidak akan kuat hanya kerana kelemahan yang ada pada Umno; PAS harus kuat dengan kekuatan yang dibinanya sendiri.

The first part of the paper is devoted to the study of the asymptotic behavior of the solutions of the system (1) as $t \rightarrow \infty$. It is shown that the solutions of the system (1) tend to zero as $t \rightarrow \infty$ if and only if the matrix A is stable. The second part of the paper is devoted to the study of the asymptotic behavior of the solutions of the system (1) as $t \rightarrow \infty$. It is shown that the solutions of the system (1) tend to zero as $t \rightarrow \infty$ if and only if the matrix A is stable.

In the third part of the paper, we study the asymptotic behavior of the solutions of the system (1) as $t \rightarrow \infty$. It is shown that the solutions of the system (1) tend to zero as $t \rightarrow \infty$ if and only if the matrix A is stable. The fourth part of the paper is devoted to the study of the asymptotic behavior of the solutions of the system (1) as $t \rightarrow \infty$. It is shown that the solutions of the system (1) tend to zero as $t \rightarrow \infty$ if and only if the matrix A is stable.

3

PERPECAHAN UMNO YANG MENGHANCURKAN

Pemimpin-pemimpin Umno sentiasa menekankan perlunya tradisi dipertahankan, supaya jawatan-jawatan tertinggi parti, Presiden dan Timbalan Presiden, tidak dipertandingkan. Walaupun Tun Hussein Onn pernah dicabar dalam pemilihan Umno 1978, Tun Hussein ketika itu hanya sebagai pemangku Presiden dan ditentang oleh seorang ahli biasa, bekas Ketua Penerangan Umno, satu jawatan yang dilantik. Cabaran sengit yang menghancurkan tradisi ini, yang diterajui oleh Tengku Razaleigh dan Musa Hitam - adalah paling hebat dalam sejarah Umno - cuba dikendurkan atau mahu dihapuskan sama sekali, secara tidak langsung, dengan pemberian undi bonus kepada setiap tokoh yang mendapat pencalonan dari bahagian-bahagian Umno Baru. Bagaimanapun, umum menjangkakan, selepas era Dr Mahathir, perebutan jawatan tertinggi Umno akan berulang. Belum pun Dr Mahathir mengundurkan diri, difahamkan Naib Presiden terkanan, Anwar Ibrahim bercita-cita besar mencabar Ghafar Baba; cuma

belum sampai masa yang sesuai.

Masa depan Anwar tidak menentu sekiranya Ghafar menjadi Perdana Menteri. Sebagai Naib Presiden paling kanan, yang mendapat undi terbanyak dalam pemilihan 1990, ia bukanlah suatu satu tradisi dalam Umno untuk menempah tempat sebagai tokoh no. 2 dalam parti. Dr Mahathir yang dilantik oleh Tun Hussein sebagai Timbalan Perdana Menteri bukannya Naib Presiden terkanan. Dan Anwar sendiri pun sebenarnya tidak memburu jawatan TPM, beliau nampaknya ingin mendaki terus ke puncak, iaitu menggantikan Dr Mahathir. Walaupun tidak dinafikan pengaruhnya semakin besar dalam Umno, dilihat urutan jawatan-jawatan penting dalam Kabinet yang disandangnya, tetapi dengan ketiadaan Dr Mahathir nanti, kedudukannya tidaklah begitu istimewa sangat dibandingkan dengan Abdullah Badawi dan Sanusi Junid. Hubungannya dengan Raja-Raja Melayu difahamkan dingin, dan tidak mustahil perkara ini dijadikan isu besar musuh-musuh politik beliau untuk menyainginya nanti. Ia bukan sekadar melibatkan Sultan Kelantan, malahan Raja-Raja Melayu keseluruhannya. Meskipun beliau tidak melakukan perubahan Islami di Kementerian Kewangan, yang membimbangkan orang-orang Cina, tetapi imejnya dahulu, sebelum masuk Umno, akan dipamerkan semula oleh pencabarnya nanti.

Senario yang ada dalam Umno sekarang cukup menarik - tiada pengganti yang jelas kepada Dr Mahathir. Dan ketiga-tiga Naib Presiden Umno adalah tokoh-tokoh muda, dari utara tanahair; mungkin dalam pemilihan seterusnya komposisi ini bertukar. Umno sebenarnya kehilangan barisan kedua kepimpinan dengan tersingkirnya Tengku Razaleigh dan tersisihnya Musa Hitam. Keadaan yang sama pernah dilalui di zaman Tun Razak. Selepas Tun Razak menjadi Presiden Umno, buat pertama kali sejak

1951, apabila Tunku mengambilalih jawatan Presiden Umno dan melantik Tun Razak sebagai Timbalan Presiden, tidak ada pengganti yang nyata kepada Tun Razak. Kedua-dua timbalan Tun Razak - Tun Dr Ismail dengan diikuti Tun Hussein Onn tidak dianggap sebagai bakal Presiden parti. Tun Dr Ismail lebih tua daripada Tun Razak dan keadaan kesihatan beliau tidak menentu. Tun Hussein Onn juga menghadapi masalah kesihatan. Begitupun, lebih penting lagi, Tun Razak dijangka akan berkuasa untuk, sekurang-kurangnya, sepuluh tahun lagi. Tiada siapa menduga bahawa beliau sendiri tidak sihat. Ini bererti antara tahun 1970 dan 1975 masih tidak pasti siapa akan muncul sebagai "bakal pengganti."

Di kala itu muncullah "cabaran secara halus" dari Datuk Harun Idris, Menteri Besar Selangor dan Ketua Pemuda Umno, yang mula mengkritik pelaksanaan dasar-dasar kerajaan khususnya yang menyentuh kepentingan orang-orang Melayu. Pemuda Umno merasakan tidak cukup usaha dibuat bagi membolehkan orang-orang Melayu memegang jawatan eksekutif dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Pemimpin-pemimpin tertinggi Umno bertindak balas terhadap kritikan-kritikan ini dengan memberi amaran kepada Pemuda Umno supaya tidak menjadi pendesak dalam Umno. Sebenarnya Datuk Harun telah memasuki medan pertandingan bagi jawatan Presiden yang sangat diidamkannya itu.

Menurut Subky Latif (1976), perselisihan antara Tun Razak dengan Harun Idris dikatakan bermula dalam tahun 1972, juga menjelang pemilihan Naib-naib Presiden Umno. Enam calon bertanding. Mereka ialah Sardon Jubir, Ghafar Baba, Dr Mahathir Mohamad, Syed Nasir Ismail, Hussein Onn dan Ghazali Shafie. "Dalam pemilihan itu didapati perwakilan negeri Selangor secara bersatu tidak mengundi Ghazali Shafie dan hasilnya beliau tewas. Harun dikatakan

telah melakukan suatu yang menyekat peluang Ghazali Shafie yang sebelum itu adalah seorang yang sangat diperhatikan sebagai tokoh yang mempunyai masa depan politik yang baik. Ketika itu orang tidak terfikir bahawa Hussein Onn dan Ghafar Baba mungkin menjadi orang yang paling hampir untuk menggantikan Tun Razak. Orang yang diagakkan oleh banyak pihak ialah Ghazali Shafie. Dan Tun Razak sendiri mempunyai keyakinan yang penuh kepada beliau. Tun Razak bunyinya sangat kecewa dengan perbuatan itu dan mulai memandang serong kepada Harun.”

Bagaimanapun soal kedudukan Tun Razak sendiri dalam parti dan kerajaan tidak timbul. Harun atau sesiapa yang lain tidak pernah mempersoalkan kewibawaan dan pengaruh dominan Tun Razak. Sesungguhnya, kedudukan Tun Razak tidak terganggu dan tidak dapat digugat. Objek pertentangan dalam parti ialah soal “bakal pengganti”. Namun, Tun Razak menganggap pendirian Harun sebagai ancaman kepada kepimpinan beliau dan memastikan yang Harun gagal menyandang jawatan Naib Presiden Umno dalam pemilihan Jun 1975.

Begitu juga yang berlaku sekarang. Selepas Dr Mahathir menang tipis – hanya 43 undi – menewaskan Tengku Razaleigh, April 1987, dan kemudiannya Tengku Razaleigh disingkirkan melalui pengharaman Umno dan pembentukan Umno Baru, ahli-ahli Umno tidak lagi memikirkan untuk menjatuhkan Dr Mahathir. Yang menjadi tumpuan, siapakah “bakal pengganti” beliau? Ini tidak bermakna pemimpin-pemimpin Umno kesemuanya bersetuju dengan Dr Mahathir; imej Dr Mahathir sebagai “bapa” ketika menerajui Umno memang tidak pernah wujud, apatah lagi sebagai faktor penyatu. Dalam pemilihan Timbalan Presiden Umno, tahun 1981 dan 1984, beliau telah memihak kepada Musa Hitam, dan membuatkan

pengikut-pengikut Tengku Razaleigh "menyimpan dendam" padanya. Perlantikan ke jawatan-jawatan penting, sama ada dalam Kabinet ataupun dalam pentadbiran kerajaan dan lembaga-lembaga tertentu jelas menunjukkan beliau mengamalkan sikap pilih kasih dan menganak-tirikan pihak yang tidak disukainya. Segala tindakannya itu mengakibatkan masalah yang lebih parah dalam Umno untuk masa-masa akan datang. Pihak-pihak yang tidak berpuas hati, termasuk timbalannya sendiri, Ghafar Baba, dan naib-naibnya, Sanusi Junid dan Abdullah Badawi, tentu tidak akan duduk diam begitu sahaja.

Imej "bapa" ini terlalu sukar untuk dilihat pada mana-mana tokoh selepas Dr Mahathir, khususnya tokoh-tokoh muda Umno, termasuk Ghafar Baba. Ahli-ahli Umno terpaksa mengakui bahawa parti mereka telah terbahagi; tidak mungkin akan lahir dalam waktu yang singkat ini, Presiden parti yang boleh dianggap sebagai "bapa", yang menjadi rujukan kepada semua ahli-ahli Umno. Sesiapa pun yang dilantik akan memihak kepada kumpulan tertentu kerana kejayaannya menerajui Umno itu sendiri bergantung rapat dengan sokongan mereka. Sementelahan pula terdapat strategi golongan tertentu yang memasuki Umno hanya untuk memastikan Anwar menjadi Perdana Menteri, dan serentak dalam masa yang sama menghancurkan pihak seteru Anwar. Mungkin Anwar sendiri tidak begitu gemar dengan pendekatan itu kerana jika silap langkah ia boleh menikam belakangnya.

Mengenai konsep "bapa" ini Subky Latif menghu-
raikannya dengan begitu menarik: "Pertubuhan politik seperti ini, istimewa bagi bangsa Asia yang mudah tersinggung, adalah perlu mempunyai "bapa". Inilah yang berlaku kepada Mahatma Gandhi dan Nehru bagi India, Mao Tze-tung bagi China atau Ho Chi Minh bagi bangsa Vietnam. Pemimpin-pemimpin ini telah meletakkan diri

masing-masing pada satu tempat yang istimewa dalam parti masing-masing. Mereka tidak memihak kepada mana-mana kumpulan dalam partinya. Kiranya berlaku krisis sesama anggota parti, maka mereka boleh datang mengadu kepada ketua parti yang tidak memihak itu bagi mendapatkan pertimbangan. Krisis adalah perkara yang tidak mudah dielakkan oleh mana-mana pertubuhan. Lazimnya krisis dapat diselesaikan sesama sendiri. Dalam keadaan pihak yang bertentangan tidak dapat bertolak ansur, orang ketiga atau orang tengah yang dihormati oleh kedua-dua pihak boleh menyelenggarakan satu usaha gencatan permusuhan.”

Pertentangan kem-kem dalam Umno sekarang tidak boleh dirahsiakan lagi, dan Dr Mahathir sendiri, secara tidak langsung, menggalakkan kem-kem seumpama itu. Mungkin menjadi gaya kepimpinan beliau yang gemar kepada “pecah dan perintah” dalam semua hal yang dihadapinya. Siapa yang tidak dipecahkannya? Para hakim, peguam, kesatuan sekerja, malah Raja-Raja Melayu tidak lepas dari gaya tersendiri Dr Mahathir itu. Dan beliau tentu tidak mengecualikannya kepada pemimpin-pemimpin Umno sendiri. Musa Hitam dan Tengku Razaleigh telah berjaya dipisahkan, dan kesannya begitu positif kepada kerjaya politik Dr Mahathir. Begitu juga sekarang, siapa tahu, Dr Mahathir sendiri merancang supaya Ghafar dan Anwar bertelingkah, berselisih dan berpecah untuk memantapkan sendiri kedudukannya. Seperti pada tahun 1981, di mana secara sulit Dr Mahathir menggalakkan Musa bertanding menentang Tengku Razaleigh.

Sekarang kita telah sampai kepada satu persoalan penting; apakah perpecahan, permusuhan dan persengketaan ini akan mengakibatkan Umno bertambah lemah? Mungkin ada pihak yang akan menidakkannya. Hujah mereka, walaupun Umno hancur selepas pemilihan

24 April 1987, Dr Mahathir berjaya membina semula kekuatan Umno dan keahliannya dikatakan semakin meningkat meskipun sebahagian ahlinya menyertai Semangat 46. Hari demi hari, pemimpin-pemimpin Team B, kemudiannya pemimpin-pemimpin Semangat 46 dan pendukungnya perlahan-lahan beralih kepada Umno. Jika parti yang diharamkan itu pun berjaya dipulihkan, dan menang pula dalam Pilihanraya Umum 1990, bagaimana pula kekuatan Umno Baru sekarang boleh dilemahkan, walhal yang akan berselisih selepas ini tidaklah sehebat pertarungan Dr Mahathir - Tengku Razaleigh.

Sekali pandang memang diakui kebenaran hujah seumpama itu; bagaimanapun agak menarik juga kalau kita lihat pandangan lain. Dr Mahathir sebenarnya melakukan banyak perkara, yang rasanya tidak tergamak oleh orang lain, hatta pemimpin-pemimpin Umno sendiri, untuk bertindak sebegitu rupa bagi menyelamatkan kedudukannya dalam Umno dan kerajaan. Pertama, mewujudkan suasana ketegangan kaum bagi menjelmakannya sebagai pelindung orang-orang Melayu, hingga mengakibatkan tangkapan lebih 100 orang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Oktober 1987. Kemudiannya, mencadangkan sendiri, melalui peguam, supaya Umno diharamkan di mahkamah supaya dapat membersihkan golongan yang tidak menyokong beliau dengan menubuhkan parti baru - Umno Baru - yang keanggotaannya terpilih, dan dalam masa yang sama menolak permohonan kumpulan Tengku Razaleigh menubuhkan parti baru, yang juga ada hubungan, dari segi nama, dengan Umno. Selepas itu, Dr Mahathir menghancurkan institusi kehakiman yang bebas, serta memecat Ketua Hakim Negara dan dua Hakim Mahkamah Agung kerana bimbang Umno akan dipulihkan semula, melalui rayuan kumpulan 11. Inilah tindakan yang cukup tragis. Tanpa segan silu beliau menggunakan seluruh jentera

kerajaan untuk memastikan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepadanya, terutama semasa beliau menjadi Perdana Menteri tanpa parti. Upacara-upacara “angkat sumpah taat setia” ini disiarkan melalui televisyen. Banyak lagi tindakan seterusnya, yang mungkin menarik untuk ditinjau dalam kesempatan lain.

Ada beberapa faktor istimewa dalam kes yang dilalui oleh Dr Mahathir ini; antaranya kesediaan Tengku Razaleigh dan Rais Yatim menarik diri dari Kabinet dan penubuhan Semangat 46 serta faktor Dr Mahathir sendiri. Soalnya, apakah selepas ini pemimpin yang kalah dalam pertarungan Umno akan berundur dari Kabinet dengan sukarela? Rasanya tidak. Jika begitu, tentunya mereka akan terus di dalam Umno, menyusun strategi demi strategi untuk menumpaskan seteru politiknya. Dengan itu, tidak akan timbul penubuhan parti baru; yang kalah juga menyedari risiko besar apabila keluar dari Umno yang menjanjikan kuasa, status dan kemewahan itu. Pengalaman rakan-rakan dalam Semangat 46 cukup memeritkan. Mereka terpaksa menanggung tekanan yang lebih hebat daripada apa yang diterima oleh PAS. Peluang perniagaan ditutup, bank-bank diarah mengambil tindakan dan mereka terpaksa menyesuaikan hidup sebagai seorang ahli atau pemimpin parti pembangkang, yang dilayan seperti warganegara kelas dua dalam negara ini. Kemungkinan mereka menyertai Semangat 46 dirasakan tipis seandainya S46 masih di tahap sekarang; hanya menonjol di Kelantan, tetapi di tempat-tempat lain menghadapi masalah besar untuk berkembang.

Tetapi bagi kumpulan yang menang pula, mereka tidak mampu menyingkirkan begitu sahaja golongan yang kalah, seperti yang dilakukan oleh Dr Mahathir. Ini kerana penguasaan mereka dalam agensi-agensi yang penting tidak sehebat Dr Mahathir, dan kalau dirujuk kepada Naib-naib Presiden yang ada, semuanya masih muda dan pengaruh

mereka belum lagi mencengkam dengan kuat. Satu lagi faktor ialah ahli-ahli Umno baru sahaja menghadapi perpecahan yang serius, jadi seboleh-bolehnya pergolakan dalaman itu akan dibendung dan tidak dizahirkan secara jelas; ia akan merebak dari dalam seperti barah, yang akan memuncak apabila tiba saat yang sesuai. Kempen secara senyap akan bertambah rancak, surat-surat layang terus disebarkan dengan lebih giat dan lebih profesional. Amalan pilih kasih peninggalan Dr Mahathir nampaknya terpaksa dilanjutkan oleh sesiapa sahaja pengganti beliau, demi menjaga hati pendukung mana-mana kumpulan.

Apa yang ingin saya tunjukkan ialah perpecahan Umno selepas ini tidak sama dengan perpecahan Umno di zaman Tun Razak, Tun Hussein dan juga Dr Mahathir sendiri. Sejarah membuktikan perpecahan itu dapat dibendung, dan walaupun berkecai di zaman Dr Mahathir, namun dengan kemampuan pemimpin-pemimpin Umno perpecahan itu tidaklah sampai menggugurkan keyakinan majoriti masyarakat Melayu terhadap Umno. Tetapi, selepas era Dr Mahathir, di mana Umno akan dipimpin oleh, sama ada Ghafar Baba atau Anwar Ibrahim atau Abdullah Badawi atau Sanusi Junid, kesemua mereka tidak segagah dan seberani Dr Mahathir menghadapi cabaran ganas nanti. Keempat-empat mereka tidak boleh lagi dianggap sebagai “bapa” dalam Umno. Masing-masing akan cabar mencabar, khususnya Anwar dan Sanusi!

Sesungguhnya masyarakat akan memerhati setiap lakonan Umno ini. Mereka mungkin boleh ditipu dalam satu-satu ketika tertentu, melalui media massa utama yang sepenuhnya dikuasai pemerintah, tetapi kita jangan memperlekehkan pemikiran masyarakat kini. Mereka boleh dan mampu menilai setiap perilaku tokoh-tokoh Umno. Sekiranya Umno terus diancam masalah yang serius dan “melayakan” ini, hingga “sakit mata” masyarakat Melayu

menatapnya, tidak mustahil sokongan yang diberikan sekarang boleh ditarik balik. Ketaatsetiaan masyarakat Melayu sudahpun dihancurkan oleh Tengku Razaleigh - Musa; regu ini berjaya menanamkan pemikiran kritis terhadap kepimpinan Umno. Benar, ia ada pasang surutnya, tetapi yang lebih penting dari itu, sejauhmanakah pemimpin-pemimpin pembangkang, khususnya PAS dapat mengambil kesempatan penuh berharga ini. Kesempatan akan sentiasa datang dan pergi, cuma mereka yang bersedia, berwibawa dan berkemampuan sahaja dapat "menangkap" kesempatan ini dan kemudiannya mencipta sejarah baru.

4

KELANGSUNGAN UMNO MELALUI KONSEP PELINDUNG; MAMPUKAH PAS MENGGANTIKANNYA?

Teras politik di zaman feudal ialah taatsetia tanpa soal kepada pemerintah, dan sebagai balasan pemerintah memberi perlindungan kepada rakyat yang diperintah. Amat sukar untuk menafikan bahawa konsep taatsetia ada pertaliannya dengan ketiadaan peristiwa pemberontakan dan penderhakaan menentang seseorang raja di zaman dahulu. Ini dibuktikan oleh berbagai peristiwa ketidakadilan dan penindasan, kezaliman dan kekejaman yang diterima oleh mangsa-mangsanya tanpa sebarang sungutan, kerana mereka tidak sanggup mengengkari pemerintah, kerana itu sudah dikira menderhaka. Bagaimanapun ia bukan satu-satunya faktor mengapa tidak berlakunya pemberontakan, kerana sistem kesultanan Melayu pada keseluruhannya tidaklah bersifat penindas dan masih berpegang kepada Islam.

Memandangkan golongan yang mengharap taatsetia tanpa soal ialah pemerintah dan kelas pemerintah, maka

sikap ini pada dasarnya wujud dalam proses psikologi pemerintah atau kelas pemerintah itu sendiri - tidak terhad di zaman feudal sahaja. Apabila British memperkenalkan Sistem Residen, bermula di Perak menerusi Perjanjian Pangkor 1874, dan kemudiannya di Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang, British tidak menamatkan sistem kesultanan. Sultan-Sultan kekal, begitu juga hubungan antara Sultan-Sultan dengan rakyat. Kerajaan adalah atas nama Sultan-Sultan. Bagaimanapun Britishlah yang memerintah, Sultan-Sultan sekadar menjadi patung. Di negeri-negeri di mana British mengenakan sistem penasihat kepada Sultan - seperti di Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Johor, Sultan-Sultan pada keseluruhannya lebih berkuasa daripada Sultan-Sultan di negeri-negeri yang mempunyai sistem residen.

Dalam keadaan itu, ikatan taatsetia di antara Raja-Raja Melayu dengan rakyat dikekalkan. British mempergunakan "keistimewaan" ini untuk memudahkannya merangka dan melaksana berbagai dasar yang diisytiharkan di atas nama Sultan dan kononnya demi faedah rakyat. Tetapi pada hakikatnya polisi-polisi ini hanya mengembangkan kepentingan kuasa kolonial dan dalam pada itu memusnahkan kesejahteraan rakyat biasa. British amat beruntung daripada hubungan taatsetia buta ini.

Bagaimanapun gagasan Malayan Union yang dikemukakan oleh British menunjukkan British tidak menjangka bahawa struktur sosial Melayu, yang mereka sendiri membantu untuk mengekalkannya akan menimbulkan penentangan balik. Taatsetia tanpa soal kepada para pemerintah dan tanggapan para pemerintah sendiri mengenai peranan mereka sebagai pelindung masyarakat Melayu menyebabkan sebarang percubaan untuk menjadikan raja-raja umpama patung angguk pasti ditentang. Inilah salah satu sebab utama yang membolehkan orang-

orang Melayu digembeling dengan begitu berkesan sekali untuk menentang Malayan Union.

Selain itu, peristiwa Malayan Union juga membolehkan sekumpulan pentadbir dan kaum bangsawan untuk mengukuhkan kepimpinan mereka ke atas pergerakan nasionalis Melayu. Sebelum Perang Dunia Kedua wujud berbagai kumpulan pejuang Melayu seperti ahli reformis Islam, cerdik-pandai tempatan dan elit-elit tradisional (pentadbir dan bangsawan). Antara kesemua kumpulan ini, golongan elit tradisionallah yang paling kurang mengambil berat akan isu-isu penting seperti kemiskinan, jurang perbezaan ekonomi, kekurangan peluang pendidikan kepada orang kebanyakan dan sebagainya yang dihadapi oleh masyarakat Melayu. Sebahagian besar anggota kumpulan ini berasal dari peringkat atasan masyarakat dan mempunyai pertalian dengan Sultan dan keluarga diraja.

Namun ada juga kalangan pentadbir yang berasal dari peringkat masyarakat rendah. Sebahagian besar mereka ini mendapat pendidikan di Maktab Melayu Kuala Kangsar yang mulanya diasaskan untuk pelajar-pelajar Melayu dari kelas atasan. Beberapa anggota golongan pentadbir-bangsawan ini berkhidmat dalam Majlis-Majlis Negeri dan Majlis Persekutuan yang dibentuk oleh British. Di sana mereka membangkitkan isu-isu yang lebih menyentuh kepentingan strata elit dalam masyarakat, bukan kepentingan masyarakat Melayu luar bandar. Keprihatinan utama mereka ialah soal peningkatan peluang untuk menyertai perkhidmatan awam, kenaikan pangkat, kelebihan skop pendidikan tinggi bagi anak-anak mereka dan sebagainya. Semasa tahun-tahun 30-an mereka menubuhkan persatuan-persatuan Melayu di beberapa buah negeri dengan restu Sultan dan galakan aktif dari British. Seperti dijangka, persatuan-persatuan ini berorientasikan

kepentingan strata elit - dan British. Sebenarnya, seluruh golongan pentadbir-bangsawan menjadi penyokong setia pemerintahan kolonial British - cuma sekali-sekala ada di antara mereka yang mengkritik satu dua aspek dasar-dasar British yang tidak begitu penting.

Golongan inilah yang kemudiannya memimpin perjuangan menentang Malayan Union pada tahun 1946 dan seterusnya menerajui Umno. Sesungguhnya mereka telah muncul sebagai pemimpin seluruh masyarakat Melayu. Mungkin struktur feodal masyarakat banyak mempengaruhi penerimaan mereka sebagai pemimpin pada tahun 1946 dan selepasnya. Dalam sebuah masyarakat yang memandang tinggi pada kedirajaan, yang menganggap hak memerintah sebagai warisan raja-raja dan golongan bangsawan dan kuasa sebagai milik semulajadi elit-elit tradisional, hanya mereka dari strata berkenaan sahaja yang dapat berharap untuk diterima sebagai pemimpin masyarakat. Dalam ertikata lain tidak mungkin ada sebarang kumpulan lain yang berupaya menggembeling masyarakat Melayu pada tahun 1946 itu. Kisah Malayan Union membuktikan bahawa sebuah kumpulan yang bertalian dengan istana, yang ada hubungan dengan kedirajaan, juga dapat menuntut kesetiaan masyarakat Melayu.

Satu lagi isu penting dalam Malayan Union ialah pemberian taraf warganegara kepada masyarakat bukan Melayu yang baru bermaustautin dengan syarat-syarat yang sangat liberal. Rakyat Melayu bimbang kalau-kalau ia akan menjejaskan kedudukan mereka di negara ini dan menjadikan mereka sebuah masyarakat yang tidak penting; kebimbangan ini bertambah runcing akibat kelemahan ekonomi mereka. Salah satu resolusi di kongres Umno, Mac 1946, menyebut bahawa kewarganegaraan setaraf dengan hak-hak yang sama, tanpa mengambil kira soal kaum atau agama akan memusnahkan "Kewujudan Negeri-

Negeri Melayu Islam yang bebas dan bangsa Melayu serta merampas hak-hak warisan Melayu”.

Rasa bimbang dan takut ini menimbulkan suatu perasaan tidak selamat dan resah gelisah yang paling serius pernah mereka alami. Perlindungan dicari-cari dalam suasana tidak selamat yang menggugat, maka keperluan mendapat pelindung menjadi nyata. Dalam masyarakat Melayu tradisional Sultran-Sultan dianggap pelindung utama dengan berbagai wakil pada peringkat-peringkat bawah yang juga berperanan selaku pelindung. Di zaman kolonial, Sultan-Sultan masih dianggap pelindung, bezanya kini para penasihat British juga dianggap membantu memberi perlindungan. Namun, apabila timbul isu Malayan Union, British dianggap sudah melepaskan peranannya sebagai pelindung; dan dirasakan bahawa Sultan-Sultan sendiri sudah menghampakan mereka kerana menyetujui rancangan tersebut pada mulanya. Dalam kekosongan itulah golongan pentadbir-bangsawan muncul sebagai pelindung. Apabila golongan pentadbir-bangsawan bertindak selaku pelindung, mereka berbuat demikian sebagai pelindung dalam tradisi feudal. Mereka anggap diri mereka sebagai pelindung dalam tradisi tersebut, dan demikian juga anggapan masyarakat.

Malayan Union seperti suatu titik perubahan yang penting dalam evolusi konsep taatsetia tanpa soal. Sebarang ikhtiar untuk menganalisis konsep ini dari perspektif masyarakat tradisional mesti berkesudahan dengan Malayan Union. Sebarang analisa ke atas konsep ini dalam hubungannya kepada zaman moden ini mesti bermula dengan Malayan Union. Selepas itu semakin jelaslah Sultan-Sultan menjadi hanya pemimpin simbolik sedangkan pemimpin sebenarnya (kepimpinan substantif) ialah kepimpinan Umno; bagaimanapun kepimpinan Umno menyokong penuh konsep sistem diraja. Dan dalam

peristiwa Malayan Union, rakyat tidak menarik kembali taatsetia apabila Sultan-Sultan gagal melindungi kepentingan mereka. Selepas itu timbullah cadangan, Sultan-Sultan perlu dijadikan raja berperlembagaan.

Bagaimanapun imej pelindung kepada Dato' Onn, ketua pergerakan anti-Malayan Union dan Presiden pertama Umno terjejas apabila pada tahun 1950 Dato' Onn menyarankan agar penduduk bukan Melayu dibenar menjadi ahli Umno yang setaraf. Pengkritik-pengkritik Dato' Onn berpendapat ini akan membinasakan kedudukan Melayu; beliau mula dianggap mengancam kedudukan Melayu. Beliau dikira sudah tidak berupaya berperanan selaku pelindung. Dato' Onn sendiri sedar beliau tidak lagi dianggap pelindung masyarakat Melayu, lalu meletakkan jawatan. Namun ini tidak bererti taatsetia tanpa soal tidak lagi menjadi faktor dalam hubungan antara pemerintah dengan yang diperintah. Ahli-ahli Umno bertaatsetia sepenuhnya dalam apa jua perkara kepada Dato' Onn sewaktu beliau menjadi Presiden parti. Mereka menurut rentak beliau tanpa sebarang rungutan - kecuali apabila timbul soal keahlian bukan Melayu dalam Umno yang mereka anggap mengancam kedudukan Melayu. Maknanya, taatsetia tanpa soal ada syaratnya: pemimpin perlu menjamin keselamatan kedudukan rakyat Melayu dalam hubungan dengan keadaan masyarakat bukan Melayu - taatsetia tanpa soal sebagai ganjaran untuk perlindungan bangsa.

Selepas kemerdekaan, beberapa peristiwa politik menarik untuk diulas, dalam hubungan meneguhkan imej Umno sebagai pelindung orang-orang Melayu. Pada tahun 1959, Presiden MCA, Dr Lim Chong Eu menuntut supaya partinya dibenarkan bertanding 40 daripada sejumlah 104 kawasan Parlimen. MIC sudah dijanjikan tiga kerusi, Umno akan mendapat 61 kerusi. Pemimpin-pemimpin Umno

berpendapat tuntutan ini mencabar peranan Umno dalam Perikatan dan ia boleh mengancam kedudukan politik Melayu. Sebenarnya, beginilah gambaran yang disampaikan kepada seluruh masyarakat Melayu yang berdiri teguh di belakang kepimpinan Umno dalam menghadapi isu ini. Tunku Abdul Rahman enggan memenuhinya tuntutan MCA itu dan akhirnya MCA terpaksa menerima kehendak Umno. MCA diperuntukkan 31 kerusi. Dengan itu, sekali lagi Umno berjaya mengukuhkan imejnya sebagai pelindung kedudukan politik Melayu.

Peristiwa berikutnya membabitkan Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura dan partinya, Parti Tindakan Rakyat (PAP) apabila Singapura menjadi sebahagian daripada Persekutuan Malaysia dari September 1963 hingga Ogos 1965. Lee Kuan Yew dengan berani dan terbuka, khususnya dalam Konvensyen Perpaduan Malaysia dengan cogan kata "Malaysian Malaysia", mempersoalkan kedudukan politik Melayu. Pemimpin-pemimpin Umno dan *Utusan Melayu* yang dimiliki sebahagian besarnya oleh orang-orang Umno menentang keras Lee Kuan Yew dan PAP. Akhirnya Tunku mengambil keputusan menyingkirkan Singapura daripada Persekutuan pada 9 Ogos 1965. Umno dan mungkin masyarakat Melayu seluruhnya menganggap penyingkiran ini sebagai langkah melindungi kedudukan politik Melayu. Sekali lagi, kepimpinan Umno menjadi penyelamat dan pelindung. Peristiwa ini menjadi justifikasi terbaru bagi taatsetia total kepada kepimpinan Umno.

Kekalahan Perikatan yang begitu teruk dalam Pilihanraya Umum 1969, meskipun berjaya mengekalkan majoriti di Parlimen dengan memenangi 67 kerusi berbanding 89 kerusi sebelumnya, juga memberi peluang Umno mengerah taatsetia orang-orang Melayu kepadanya. Dalam pilihanraya itu, Perikatan kehilangan Pulau Pinang,

Kelantan terus di bawah PAS dan hampir-hampir kehilangan Terengganu, Perak dan Kedah. Di Selangor, keputusannya seri, Perikatan mendapat 14 kerusi daripada sejumlah 28 kerusi DUN. Perhatian serta-merta tertumpu ke Selangor, kekuatan pembangkang-seluruhnya bukan Melayu - menyamai kekuatan Perikatan, kebanyakannya Melayu. Timbul kebimbangan kuasa politik Melayu terancam: Seorang pemimpin Cina parti pembangkang bukan Melayu yang utama di Selangor, DAP, bercadang menggunakan satu peruntukan dalam perlembagaan berhubung kelayakan warganegara bukan Melayu untuk memegang jawatan Menteri Besar bagi membolehkannya membentuk kerajaan negeri. Ini membuatkan masyarakat Melayu bertambah bimbang. Ia semakin meruncing dengan perarakan parti pembangkang bukan Melayu di Kuala Lumpur, sehingga tercetusnya rusuhan kaum, tiga hari selepas pilihanraya. Mereka memaparkan poster-poster dan kata-kata seperti, "Melayu sudah tumbang", "Melayu tidak lagi berkuasa", "Kuasa sekarang di tangan kita", "Kuala Lumpur sekarang kepunyaan Cina", "Melayu boleh balik kampung", "Negeri ini bukan milik Melayu", "Kami hendak usir keluar orang Melayu".

Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman dikatakan bertanggungjawab terhadap peristiwa berkenaan kerana sikapnya yang terlalu bertolak ansur dan "memberi muka" kepada masyarakat bukan Melayu. Bagi orang-orang Melayu, mereka sudah merasakan pemimpin-pemimpin Umno tidak lagi boleh diharapkan untuk mempertahankan kepentingan Melayu. Inilah yang menyebabkan sebahagian besar pengundi Melayu mengundi PAS, yang dianggap pembela kedudukan Melayu yang lebih berupaya daripada Umno. Peristiwa ini menyebabkan timbulnya desakan secara meluas supaya Tunku meletakkan jawatan; Tunku tidak lagi patut memimpin Umno kerana beliau gagal melindungi kedudukan politik Melayu. Seperti Dato' Onn, Tunku

sekarang dianggap sudah menyimpang dari falsafah asas perlindungan, sudah melepaskan peranannya selaku pelindung. Maka, pada September 1970, Tunku meletakkan jawatan sebagai Presiden Umno dan Perdana Menteri.

Perletakan jawatan Tunku sekali lagi memperlihatkan unsur-unsur yang menjadi asas psikologi dalam hubungan antara pelindung dengan yang dilindungi. Mula-mula timbul anggapan tentang ancaman luar, yakni ancaman bukan Melayu. Kemudian timbul perasaan tidak selamat, kegelisahan kaum. Seterusnya dirasakan bahawa pelindung gagal melindungi golongan yang harus dilindungi. Taatsetia kepadanya hilang secara mendadak. Maka terpaksa beliau mengundur diri. Tidak ada pemimpin yang berupaya mengekalkan kedudukannya bila berhadapan dengan tentangan yang timbul akibat perkiraan kaum, walau betapa taat sekalipun para pengikutnya suatu ketika dulu. Pengganti Tunku, yang dianggap pelindung baru, ditaati secara total. Suasana yang menyelubungi Tun Razak ketika beliau muncul sebagai Presiden baru Umno dan Perdana Menteri, sokongan padu yang diberi oleh Umno dan beberapa kumpulan Melayu kepada beliau, sanjungan dan kasih sayang terhadap beliau serta keyakinan para pengikut terhadap beliau sebagai "pejuang ajaib" bagi pihak masyarakat Melayu membuktikan perkara ini.

Banyak daripada langkah-langkah dasar yang dilaksanakan oleh Tun Razak dalam beberapa tahun sejak beliau menjadi PM jelas bertujuan melindungi apa yang dianggap kedudukan Melayu, seperti hak-hak keistimewaan orang Melayu, bahasa Melayu, kedaulatan Raja-Raja Melayu, Dasar Pelajaran Kebangsaan, Dasar Ekonomi Baru. Gambaran begini membolehkan pemimpin-pemimpin Umno ini mengharapkan taatsetia yang tidak terhingga bukan sahaja dari kalangan ahli Umno tetapi juga dari masyarakat Melayu seluruhnya sehingga PAS, musuh ketat

Umno, cuba menyesuaikan diri kepada suasana baru ini, yang akhirnya menjadi parti komponen BN.

Sesungguhnya sifat kemajmukan Malaysia telah dimanipulasi oleh pemimpin-pemimpin Umno. Katakan peratusan penduduk bukan Melayu di negara ini amat kecil, yakni peratusan penduduk Melayu sangat tinggi, maka amat sukar untuk menimbulkan soal cabaran bukan Melayu. Sesungguhnya, penduduk bukan Melayu sudah tidak akan mencabar keutamaan politik dan kebudayaan Melayu memandangkan peratusan masyarakat mereka yang kecil itu. Dalam keadaan ini sukar bagi pemimpin Umno untuk berperanan sebagai pelindung masyarakat Melayu daripada ancaman luar.

Di dalam Umno sendiri, konsep taatsetia dan pelindung ini dijaga dengan rapi. Dalam hampir setiap ucapan dalam perhimpunan Umno, dari tahun 1957 hingga 1970, Tunku menekankan pentingnya taatsetia tanpa soal kepada pemimpin. Orang-orang yang lebih setia secara otomatik dianggap anggota yang lebih baik dalam parti atau kabinet. Sifat-sifat lain seperti kecekapan, kebolehan atau kejujuran kurang diberi pertimbangan. Tunku pernah menukarkan Abdul Aziz Ishak, Menteri Pertanian dan Koperatif ke kementerian lain kerana cadangannya mengenai beberapa projek pembangunan luar bandar bercanggah dengan pemikiran Tun Razak, yang ketika itu Timbalan Perdana Menteri yang tidak berbelah bagi taatsetianya kepada Tunku. Tunku menyifatkan Abdul Aziz sebagai penderhaka dan akhirnya Aziz Ishak meletakkan jawatan.

Begitu juga dengan Tun Razak, faktor penting dalam ucapannya kepada ahli-ahli Umno ialah "unsur taatsetia kepada pemimpin". Rujukan kepada kepimpinan yang tidak "menyeleweng" serta "sanggup berkhidmat kepada

kepentingan parti, bangsa dan negara” boleh dianggap semata-mata sebagai retorik untuk menyelimuti suatu sentimen tradisional yang dihidupkan semula sebagai sikap yang moden dan demokratik. Cabaran Ketua Pemuda Umno, Dato’ Harun Idris secara halus kepada kepimpinan Tun Razak mengenai pelaksanaan dasar-dasar kerajaan untuk orang Melayu juga membuktikan hal ini; Tun Razak menganggap pendirian Harun sebagai ancaman kepada kepimpinan beliau dan memastikan Harun gagal menyandang jawatan Naib Presiden Umno dalam pemilihan parti, Jun 1975. Ketiga-tiga Naib Presiden yang terpilih dikatakan saat taat kepada beliau iaitu Ghafar Baba, Tengku Razaleigh Hamzah dan Dr Mahathir Mohamad.

Begitu juga semasa Dr Mahathir baru menjadi PM dan timbul siapa yang layak untuk menjadi timbalannya. Menurut pemerhati politik, sebenarnya Tengku Razaleigh, berdasarkan kedudukannya dalam Umno, harus terus dilantik menjadi Timbalan Presiden. Ini dipersetujui oleh Dr Mahathir dalam suatu pertemuan dengan Tun Hussein, yang turut dihadiri oleh Tengku Razaleigh. Tetapi Dr Mahathir tidak mematuhi persetujuan ini, kemungkinan besar kerana beliau berpendapat Tengku Razaleigh berfikiran bebas dan sukar dikawal. Maka secara sulit Dr Mahathir menggalakkan Musa Hitam bertanding menentang Tengku Razaleigh. Musa masa itu adalah Menteri Pelajaran dan Naib Presiden Umno yang ketiga sejak tahun 1978. Beliau sangat rapat dengan Dr Mahathir khususnya bila dipecat dari jawatannya dalam Umno, bersama Dr Mahathir, berikutan tragedi 13 Mei. Para perwakilan Umno sedar Musa adalah calon pilihan Dr Mahathir. Menyokong Musa bererti menyokong Dr Mahathir dan ini dapat memastikan hubungan baik antara PM dan timbalannya. Tetapi faktor lebih berkesan yang membawa kemenangan Musa ialah faktor kaum. Musa ditonjolkan sebagai pelindung kaum, sebagai wira kaum -

hanya beliau yang boleh melindungi kepentingan Melayu. Dan ini lebih berkesan dengan kempen-kempen bahawa Tengku Razaleigh, kononnya, adalah calon jutawan Cina yang pro-Cina, yang tidak mampu melindungi kepentingan Melayu. Tengku Razaleigh dikatakan hanya mementingkan wang, sesiapa yang boleh menyampaikan hajatnya itu (tentunya orang-orang Cina) mereka akan dibantu dan diberi sokongan. Ini bermakna pengaruh dan kedudukan Dr Mahathir sebagai Presiden Umno dan PM tidak begitu berkesan di banding dengan sentimen mengenai perlunya perlindungan, dan perlunya pelindung.

Di bidang ekonomi, konsep pelindung tajaan Umno ini lebih menonjol kerana lebih melibatkan keseluruhan orang Melayu, dan dimaktubkan dalam Perlembagaan seperti perkhidmatan awam, perdagangan, pemberian biasiswa dan hak milik tanah. Ditambah pula dengan kedudukan orang Melayu yang kebanyakannya miskin. Perlindungan bukanlah untuk membebaskan orang Melayu dari belenggu kemiskinan tetapi terus menjadikan mereka penduduk miskin supaya konsep pelindung ini dapat terus dimantapkan dari masa ke semasa. Sesungguhnya anggapan bahawa masyarakat Melayu adalah miskin dan perlu dilindungi daripada masyarakat bukan Melayu yang kaya merupakan satu unsur psikologi kepimpinan Umno sehingga kini. Dr Mahathir Mohamad (1978) menyifatkan orang-orang Cina sebagai bahagian yang sangat gemuk dalam kembar siam, manakala satu bahagian lagi dikatakan terdiri dari orang Melayu yang sangat kurus. Tunku juga sering menganggap orang-orang Melayu sebagai peniaga yang berjaya dibanding dengan orang-orang Melayu yang dianggap petani dan nelayan miskin.

Walaupun adanya Dasar Ekonomi Baru serta berlaku perubahan lain dalam kepimpinan dan rancangan asas, falsafah kepimpinan Umno kekal serupa jua. Ia terus

mengekalkan ciri-ciri utama ekonomi pasaran yang penuh saingan dengan campur tangan kerajaan yang lebih meluas demi kepentingan Melayu. Begitu juga peruntukan tempat di institusi-institusi pengajian tinggi untuk masyarakat Melayu dan Bumiputera lain berdasarkan sistem kuota, dapat dilihat pendekatan yang serupa. Bagaimanapun ia tidak melibatkan usaha menyelesaikan kepincangan asas dalam sistem ekonomi yang melibatkan penduduk Melayu.

Konsep perlindungan kedudukan ekonomi Melayu ini didasari oleh perasaan bahawa tanpa peluang dan kuota istimewa masyarakat Melayu tidak dapat bersaing. Apabila diterima kenyataan bahawa masyarakat Melayu "lemah" berbanding masyarakat lain, bahawa mereka belum lagi boleh berdiri sendiri, bahawa mereka "tidak dapat bersaing", maka wajar mereka dilindungi. Apatah lagi anggapan terhadap ciri-ciri orang Melayu yang negatif dilanjutkan terus, seperti kurang inisiatif, kurang sifat ingin tahu, kurang rasionaliti, kurang buah fikiran yang asli, kurang daya imiginasi, kurang realisme, kurang keyakinan diri, kurang ketekunan, kurang kesungguhan, lemah daya tahan, lemah daya saing, tidak menghiraukan kehidupan duniawi, tidak tahu menghargai masa, tidak berani mengambil risiko, tidak dapat memandang jauh, malas, serta bersikap boros.

Sifat-sifat budaya yang dianggap penghalang utama kemajuan ini, dieksploitasi oleh pemimpin-pemimpin Umno untuk menonjolkan imejnya sebagai orang-orang yang berupaya menghapuskan sifat-sifat tersebut bagi menguatkan lagi kedudukan mereka dalam masyarakat. Umno juga mendakwa sekiranya perlindungan tidak diberi, masyarakat Melayu akan tewas dalam saingannya dengan kaum-kaum lain. Sekali lagi, sifat persaingan dalam sistem kapitalis meyakinkan masyarakat Melayu bahawa hujah-hujah kepimpinan Umno ini benar. Para pemimpin Umno cuba melahirkan anggapan bahawa setiap bentuk aktiviti

ekonomi untuk masyarakat Melayu ada kaitannya dengan "kedudukan istimewa". Sebagai balasan perlindungan, kepimpinan Umno mengharapkan taatsetia tanpa soal dari kalangan yang telah mendapat faedah daripada perlindungan dalam lapangan ekonomi. Sebarang kritikan akan serta merta disifatkan sebagai "tidak mengenang budi". Usaha-usaha itu tidak dilihat sebagai kewajiban sebarang kerajaan yang baik untuk meningkatkan pendapatan golongan miskin, dan wang yang digunakan adalah kepunyaan orang ramai - maka, rakyat berhak mengadili pemimpin-pemimpin yang diamanahkan untuk menentukan nasib rakyat.

Namun pemimpin-pemimpin Umno tidak merasa begitu. Mereka tidak melihat pembangunan sebagai hak rakyat. Mereka menganggap wang orang ramai sebagai wang kepunyaan parti yang berkuasa atau mungkin kepunyaan diri mereka sendiri sebagai individu dalam sebuah gabungan, yang menggunakan wang ini demi kepentingan rakyat dengan perasaan murah hati, sebagaimana perasaan seorang dermawan. Terdapat juga peristiwa-peristiwa di mana kepimpinan Umno meminta supaya ditunjukkan dahulu taatsetia sebelum bantuan kerajaan diberi. Ini menunjukkan ia mengancam untuk menyekat bantuan kerajaan jika mereka yang berkenaan tidak menunjukkan kesetiaan. (Pada tahun 1969, Tun Razak mengisytiharkan peruntukan khas sebanyak \$548 juta kepada Kelantan jika penduduknya menyokong Umno). Oleh kerana keterikatan politik dan taatsetia ini begitu kuat sebagai syarat utama sebelum bantuan diberikan, ramai ahli-ahli perniagaan tulen diabaikan. Jadi tidaklah menghairankan bahawa sehingga kini pedagang Melayu Kelantan masih merupakan masyarakat pedagang Melayu yang paling teguh dalam negara. Masyarakat pedagang Melayu Kelantan telah berkembang menerusi ketekunan mereka sendiri.

Keadaan yang sama juga digunakan bila berhadapan dengan kritikan para pelajar Melayu yang semakin bertambah di universiti, ekoran dasar-dasar kerajaan mengutamakan orang Melayu - pemimpin-pemimpin Umno merasa tidak senang dan marah. Tun Razak ketika menyuarakan rasa kesalnya terhadap pelajar-pelajar Melayu yang terlibat dengan demonstrasi Disember 1974, mengaitkannya dengan usaha kerajaan membantu pelajar-pelajar Melayu tersebut. Pindaan Akta Universiti pada 1975 adalah bertujuan memaksa para pelajar supaya bertaatsetia tanpa soal kepada kepimpinan negara. Begitu juga dengan ahli-ahli akademik; Dr Mahathir menyuarakannya dengan jelas sekali: "Sebenarnya hampir semua peserta Bumiputera di Konvensyen ini (Konvensyen Ekonomi Bumiputera di Universiti Kebangsaan Malaysia), sama ada mereka berada di atas atau di bawah pentas ini, telah mendapat faedah daripada Dasar Ekonomi Baru. ... Sungguh bertentangan dengan Islam kalau kita tidak mengendahkan pemberian yang kita perolehi dan sebaliknya mengutuk pemberi (kerajaan), lebih-lebih lagi memandangkan kita (Bumiputera) miskin dan memerlukan bantuan."

Faktor kebudayaan juga menjadi isu penting dalam konsep pelindung ini. Pengkritik Tunku selepas tragedi 13 Mei berpendapat sikap tolak ansur Tunku mengenai perlaksanaan bahasa Melayu dalam pentadbiran dan pendidikan menjadi salah satu gambaran kegagalan beliau selaku pelindung. Kebangkitan Tun Razak dan kumpulannya dikenali dengan komitmen yang tegas dan tidak bertolak ansur dalam hal tersebut. Ini mendekatkan kepimpinan Umno kepada ahli-ahli Umno dan masyarakat Melayu. Penganugerahan Pingat Hang Tuah dan Tun Fatimah juga mencerminkan hasrat pemimpin-pemimpin Umno supaya sikap taatsetia Hang Tuah tanpa soal diteladani oleh jenerasi muda; begitu juga dengan sistem anugerah pingat oleh Raja-Raja Melayu.

Ada yang mengharapkan pertumbuhan kelas menengah Melayu yang lebih kritis dan terbuka pemikiran mereka akan mencabar konsep pelindung Umno ini. Bagaimanapun di atas nama "melindungi kepentingan Melayu", kelas menengah Melayu yang baru lahir ini telah dengan berkesan sekali ditarik masuk oleh golongan pemerintah khususnya berhadapan dengan cabaran-cabaran baru yang setengahnya ditimbulkan oleh elit bukan Melayu. Tetapi ramai dari golongan kelas menengah Melayu ini secara sukarela masuk Umno memandangkan tarikan status, kuasa dan kekayaan. Sesungguhnya Umno menyediakan "lubuk emas".

Cabaran-cabaran baru di zaman Dr Mahathir dibincangkan dalam bahagian berasingan. Cabaran yang diketuai Tengku Razaleigh dan Musa Hitam merupakan fenomena baru yang cukup menarik; begitu juga dengan usaha memulihkan keyakinan ahli Umno dan rakyat keseluruhannya kepada Dr Mahathir selepas Umno diharamkan. Meskipun Dr Mahathir dilihat gagal berperanan sebagai pelindung orang-orang Melayu, tetapi beliau mampu menonjolkan imej parti Umno Baru sebagai parti pemerintah, parti kerajaan, parti yang melindungi kepentingan Melayu dan menjamin masa depan orang-orang Melayu perlu dicurahkan taatsetia yang tidak berbelah bagi - tanggapan ini masih kuat di kalangan masyarakat Melayu, Umno adalah kerajaan, yang merupakan pelindung bangsa. Kerajaan sebagai pelindung - inilah rahsia kekuatan Umno selama ini.

Tetapi, dalam berperanan sebagai pelindung Melayu, Umno menghadapi suatu keadaan baru. Prestasi Umno akan dinilai dengan teliti. Persoalan-persoalan baru - yang kurang perkauman sifatnya telah meresapi pemikiran masyarakat Melayu. Itulah sebabnya isu-isu seperti penswastan, rasuah, kebebasan, kehakiman, penyalah-

gunaan ISA dan sebagainya telah mula menjadi bahan perbincangan di antara Umno Baru dan parti-parti Melayu dalam pembangkang. Sekiranya isu-isu politik yang berhubung kait dengan soal keadilan, kebenaran dan kebebasan, yang di luar perspektif kaum, menjadi lebih penting, tanggapan mengenai perlindungan kaum juga mungkin berubah. Mungkin sebuah parti politik seperti Umno akan diukur dan dinilai berasaskan kepada keupayaannya melindungi dan mempertahankan keadilan, kebenaran, kebebasan dan nilai-nilai sejagat yang lain.

Apakah pada suatu hari nanti pelindung keadilan akan menggantikan kaum? Sebaliknya, apakah benar pelindung kaum tidak dapat digantikan dengan pelindung keadilan sejagat kerana dalam masyarakat berbilang kaum, keadilan, lazimnya dilihat dari segi kaum? Bagaimanapun keadaan ini memberikan peluang besar kepada PAS untuk membuktikan bahawa PAS mampu melindungi rakyat dengan naungan keadilan. Soalnya, bersediakah pemimpin-pemimpin PAS merebut peluang ini?

Sumber: *Pelindung?*, Dr Chandra Muzaffar, 1992



5

PAS DAN DIMENSI ISLAM DI MALAYSIA

Madinah zaman Rasulullah s.a.w. merupakan sebuah negara yang bersatu, kukuh dan teguh. Ketua Negara Madinah adalah Rasulullah s.a.w. dan kekuasaan politik adalah sepenuhnya berada di tangan Nabi Muhammad s.a.w.

Selain itu, kedudukan Rasulullah s.a.w. sebagai ketua keagamaan dan ketua kerohanian juga adalah jelas dan tidak ada pertikaian.

Sementara itu, aktivis-aktivis Islam di negara Madinah adalah merupakan sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. yang bersatu dan mempunyai ukhuwwah tinggi di antara satu sama lain.

Umat Islam Madinah pula memberi sokongan dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada Rasulullah s.a.w. walaupun di antara mereka tidak begitu berilmu.

Rakyat Negara Madinah yang bukan Islam juga memberi ketaatan yang penuh kepada Rasulullah s.a.w. tanpa ragu-ragu atau persoalan.

Di sini dapat digariskan empat dimensi Negara Islam Madinah. Dimensi-dimensi itu adalah:

1. Ketua negara, Rasulullah s.a.w.
2. Ketua kerajaan, Rasulullah s.a.w.
3. Ketua ulama, Rasulullah s.a.w.
4. Ketua gerakan Islam, Rasulullah s.a.w.

Semasa zaman Khalifah Ar-Rasyidin, para khalifah yang juga bergelar Amirul Mukminin itu meneruskan dimensi-dimensi yang ada dalam pemerintahan Rasulullah s.a.w. Sungguhpun begitu, terdapat pihak yang menyatakan bahawa ketua kerohanian zaman Khalifah Ar-Rasyidin tidak berada dalam tangan para khalifah kerana tokoh yang dikatakan paling berilmu adalah Sayidina Ali (k.w.j). Sayidina Ali juga dikatakan ketua kerohanian dan semua aliran mengambil salasilah ilmu mereka hingga Sayidina Ali dan seterusnya kepada Rasulullah s.a.w..

Pada zaman Khalifah Ar-Rasyidin, mula timbul para pemberontak. Yang pertama memberontak adalah golongan yang enggan membayar zakat pada zaman Khalifah Abu Bakar As-Siddiq. Beliau dengan tegas menumpaskan golongan ini. Pemberontakan juga timbul semasa zaman Khalifah Uthman. Keadaan ini berlarutan sehingga zaman Khalifah Ali dan membawa kepada tumbangnyanya institusi Khalifah Ar-Rasyidin. Aktivis-aktivis Islam turut berpecah kepada tiga golongan iaitu Khawarij, Syiah dan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Jadi semasa pemerintahan Khalifah Muawiyah, khalifah pertama Ummayyah dan khalifah pertama selepas

tumbangnya Khalifah Ar-Rasyidin, dimensi-dimensi pemerintahan Islam sudah berubah. Negara Islam Madinah telah berubah kepada Negara Islam Damsyik.

Perubahan-perubahan dimensi itu adalah seperti berikut dengan merujuk hanya kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai umat Islam yang menerima pemerintahan Khilafah Ummayyah:

1. Ketua negara, Khalifah.
2. Ketua kerajaan, Khalifah.
3. Ketua ulama, ulama-ulama.
4. Ketua gerakan Islam, ulama-ulama.

Apabila Khalifah Ummayyah tumbang atas kebangkitan Bani Abbasiyyah dengan kerjasama golongan Syiah, Negara Islam berpecah dua. Kerajaan Ummayyah berpindah ke Andalusia sementara Negara Islam diterajui oleh Khilafah Abbasiyyah dari Baghdad. Dimensi-dimensi Negara Islam tidak banyak berubah. Bagaimanapun, oleh kerana gerakan Tasauf (Sufi) mula mendapat tempat dalam masyarakat, bidang kerohanian diterajui oleh tokoh-tokoh Sufi dan gerakan tarekat mereka. Di penghujung pemerintahan Khilafah Abbasiyyah, kekuasaan khalifah semakin lemah dan kekuasaan sebenar terletak pada panglima-panglima yang mempunyai kekuatan tentera. Maka bermulalah institusi kesultanan dalam Islam. Pada mulanya, sultan itu merupakan gabenor-gabenor yang memerintah wilayah-wilayah Islam bagi pihak khalifah. Dalam keadaan sedemikian, merekalah yang mempunyai kekuasaan sebenar. Apabila Mongol memusnahkan Baghdad, institusi Khilafah Abbasiyyah dipindahkan dari Baghdad ke Kaherah dan kekuasaan sebenar terletak pada Kesultanan Mamluk. Berikut adalah dimensi-dimensi Negara Islam pada penghujung Khilafah Abbasiyyah.

1. Ketua negara, Khalifah.
2. Ketua kerajaan, sultan-sultan yang berkuasa.
3. Ketua ulama, ulama-ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah.
4. Ketua gerakan Islam, ulama-ulama jihad seperti Ibn Taimiyah.

Selepas tumbanganya Khilafah Abbasiyyah, kesultanan Seljuk meneruskan institusi khilafah dan mengisytiharkan diri mereka sebagai Khilafah Uthmaniyyah. Khilafah ini meneruskan dimensi-dimensi yang ada. Masa ini jugalah muncul berbagai kesultanan yang baru di wilayah-wilayah yang baru memasuki dunia Islam. Di antaranya adalah kesultanan-kesultanan yang berada di Alam Melayu. Kesultanan yang paling terkenal di sini adalah Kesultanan Melaka. Kesultanan ini mengiktiraf pihak berkuasa di Istanbul sebagai Khalifah dan ketua umat Islam. Sementara itu, Khilafah Uthmaniyyah juga menganggap Kesultanan Melaka adalah sebahagian daripada dunia Islam yang umatnya diizinkan menunaikan fardhu haji di Tanah Suci Makkah yang berada dalam kekuasaan mereka. Sungguhpun begitu Khilafah Uthmaniyyah tidak mempunyai apa-apa kekuasaan terhadap Melaka. Dimensi-dimensi pemerintahan Islam di Alam Melayu adalah seperti berikut:

1. Ketua negara, Sultan Melaka.
2. Ketua kerajaan, Sultan Melaka.
3. Ketua ulama, ketua ulama seperti Qadi Yusuf pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud Shah.
4. Ketua gerakan Islam, ulama-ulama.

Keadaan ini terus berlaku walaupun kemudiannya Khilafah Uthmaniyyah tumbang. Kesultanan-kesultanan di seluruh dunia termasuk di Alam Melayu terus hidup. Walaupun mereka tidak begitu kuat tetapi mereka boleh dianggap sebagai waris kepada institusi Khalifah.

Menjelang kemasukan Inggeris ke Tanah Melayu, terdapat tujuh kesultanan di sini iaitu Kesultanan Johor, Kesultanan Pahang, Kesultanan Terengganu, Kesultanan Kelantan, Kesultanan Kedah, Kesultanan Perak dan Kesultanan Selangor.

Semasa penjajahan British, dimensi kekuasaan negeri-negeri Melayu turut berubah, ia menjadi:

1. Ketua negara, Sultan Melayu
2. Ketua kerajaan, residen British.
3. Ketua ulama, mufti.
4. Ketua gerakan Islam, ulama-ulama.

Maknanya semasa zaman penjajahan, buat pertama kali, tenaga kuasa kafir mendapat tempat dalam kerajaan Islam. Sementara itu, di Timur Tengah, usaha untuk memulihkan institusi khilafah diusahakan oleh ramai aktivis Islam termasuk Jamaluddin Al-Afghani. Bagaimanapun, usaha-usaha itu gagal dan Jamaludiin terpaksa menerima bahawa institusi Khilafah sudah berlalu. Apa yang mereka boleh lakukan sekarang adalah memperjuangkan tertegaknya pemerintahan Islam di atas keruntuhan kekuasaan Khilafah dan Kesultanan. Untuk itu, timbul gerakan tajdid. Gerakan yang menerima ilham dari perjuangan Ibnu Taimiyyah itu bukan saja menentang pihak Barat tetapi juga menentang golongan-golongan yang dianggap sebagai ahli bid'ah iaitu golongan Syiah dan Tarekat. Gerakan yang kemudian dikenali sebagai gerakan Salafi atau Kaum Muda muncul sebagai aliran Wahabi dan berjaya menguasai Semenanjung Arab dengan kerjasama keluarga Saud. Di peringkat intelektual, pemikiran Jamaluddin Al-Afghani berkembang hingga kepada pemikiran Muhammad Abduh, Rasyid Ridha dan mencorakkan gerakan Islam pimpinan Hassan Al-Banna yang bernama Ikhwanul Muslimin. Pemikiran-pemikiran mereka kesemuanya sampai ke Alam Melayu dan Tanah

Melayu. Dalam pada itu tarekat-tarekat yang menjadi benteng keutuhan kerohanian di dunia Islam terus merosot dan banyak di antaranya menjadi palsu hinggakan tidak dihormati di seluruh dunia Islam. Atas serangan-serangan daripada pemikiran Kaum Muda, tarekat sudah tidak menjadi popular dan lebih daripada itu, ia tidak dapat memberikan bimbingan kerohanian kepada masyarakat Islam.

Di Tanah Melayu, institusi kesultanan masih wujud walaupun kekuasaan sebenar berada di tangan British. Para ulama dan aktivis Islam yang sedar tentang perkara ini tentu tidak menerima keadaan kekuasaan kuffar ke atas wilayah-wilayah Islam ini. Di Indonesia (sebelum merdeka ia dipanggil sebagai Hindia Belanda), institusi kesultanan telah dimansuhkan. Para aktivis Islam dan ulama terpaksa menerima bahawa umat Islam juga seharusnya menyusun diri dalam bentuk persatuan atau pertubuhan secara moden dalam menghadapi dunia yang dikuasai oleh Barat. Mereka yang sedar kemudiannya menubuhkan Sareakat Islam untuk mempertahankan kepentingan-kepentingan rakyat tempatan dari penjajah. Di Malaya, tertubuh pula Kesatuan Melayu Muda (KMM). Selepas Perang Dunia Kedua, aktivis Islam termasuk beberapa ulama turut menyertai Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Mereka juga bertanggungjawab mmenubuhkan Hizbul Muslimin.

Pihak British kemudian bercadang memansuhkan institusi kesultanan seperti mana yang telah berlaku di banyak bahagian dunia Islam. Khilafah pun sudah tidak ada untuk melindungi kesultanan. Turki pun sudah menjadi republik sekular, maka selangkah lagi ke arah sekular hendak dilakukan ke atas Malaya. Bagaimanapun, cadangan Malayan Union telah membangkitkan kesedaran politik yang mendadak. Umat Melayu-Islam telah bangkit mempertahankan institusi kesultanan dan terbatalah hasrat British. Penggembelangan tenaga politik Melayu ini

membawa kepada terbentuknya Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Turut serta dalam Umno adalah PKMM dan aktivis-aktivis Hizbul Muslimin walaupun kemudian mereka keluar kerana kesal sebab Umno tidak mahu memperjuangkan kemerdekaan.

Persekutuan Tanah Melayu yang menggantikan Malayan Union membawa dimensi-dimensi berikut:

1. Ketua negara, Yang di-Pertuan Agong yang dipilih dari Sultan-sultan Melayu.
2. Ketua kerajaan, ketua parti politik yang mempunyai kerusi terbanyak di Dewan Rakyat iaitu Umno.
3. Ketua ulama, mufti negeri-negeri
4. Ketua gerakan Islam, ulama-ulama pondok.

Oleh kerana soal agama masih ditempatkan pada kerajaan negeri, maka adalah lebih sesuai untuk melihat dimensi-dimensi di peringkat negeri:

1. Ketua negeri, Sultan.
2. Ketua kerajaan, ketua parti politik yang mempunyai kerusi terbanyak di Dewan Undangan Negeri.
3. Ketua ulama, mufti.
4. Ketua gerakan Islam, ulama-ulama pondok.

Oleh kerana Umno tidak memperjuangkan Islam, maka sudah sewajarnya muncul dari parti tersebut, sebuah parti politik Islam yang boleh mendapatkan kuasa dari sistem yang ada. Sistem yang ada memberi peluang kepada ketua parti politik untuk menjadi ketua kerajaan. Dengan penubuhan Parti Islam Se Malaya (PAS), aktivis-aktivis Islam yang dahulunya bergabung di bawah PKMM dan Hizbul Muslimin telah turut serta. Ikut turut serta adalah ulama-ulama pondok yang selama ini menjadi ketua gerakan Islam tradisional. Selepas kemerdekaan Malaya, PAS berjaya bertapak di Kelantan dan Terengganu. Maka bagi negeri

Kelantan, ia mempunyai dimensi seperti berikut:

1. Ketua negeri, Sultan Kelantan.
2. Ketua kerajaan, pemimpin PAS.
3. Ketua ulama, mufti.
4. Ketua gerakan Islam, pemimpin PAS.

PAS menerima berbagai aliran perjuangan Islam dari luar negeri. Di antaranya adalah daripada parti Islam Indonesia, Masyumi, gerakan Islam Arab, Ikhwanul Muslimin dan gerakan Islam Pakistan, Jamaati Islam.

Kewibawaan PAS selaku parti yang mahu menegakkan pemerintahan Islam tercabar ketika ia menyertai Barisan Nasional. Di samping itu, timbul pula gerakan kesedaran baru Islam. Pemuda-pemuda ini menentang Barisan Nasional, dan dalam keadaan demikian mereka tidak dapat menerima PAS yang bersekolongkol di dalam barisan tersebut.

Gerakan di akhir 70-an ini memunculkan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) selaku pemimpin gerakan Islam. Maka dalam pemerintahan Tun Razak dan Hussein Onn, dimensi bagi Malaysia adalah seperti berikut:

1. Ketua negara, Sultan Melayu.
2. Ketua kerajaan, pemimpin Barisan Nasional, yang di dalamnya termasuk PAS.
3. Ketua ulama, mufti negeri-negeri.
4. Ketua gerakan Islam, pemimpin ABIM.

Semasa pentadbiran Hussein Onn, usaha mendekati dakwah oleh kerajaan sudah bermula. Dalam zaman beliau, telah juga diadakan Bulan Dakwah, Ekspo Pembangunan Islam dan penubuhan Pusat Islam.

Tetapi pentadbiran Dr Mahathir lah yang meman-

tapkan elemen Islam dalam kerajaan Malaysia. Kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam Umno merupakan satu langkah yang besar bagi gerakan Islam di Malaysia.

Ia juga membawa kepada dukungan daripada ABIM. Selain itu, Bahagian Hal Ehwal Agama Islam (Pusat Islam) di Jabatan Perdana Menteri telah diberi peranan yang besar untuk menjadi pemimpin bagi umat Islam di seluruh Malaysia tanpa terganggu dengan pentadbiran agama negeri-negeri yang berlainan di antara satu sama lain. Perlantikan ulama untuk memimpin Pusat Islam juga membawa dimensi baru dalam pemerintahan Malaysia.

Dalam perkembangan lain, kehadiran PAS di luar Barisan Nasional telah membolehkan parti itu memperolehi kembali suara-suara pembangkang dari golongan Islam. Lebih-lebih lagi dalam keadaan ABIM turut mendukung Barisan Nasional. Dalam waktu yang lain, pengaruh Revolusi Islam Iran telah membawa era baru kepada PAS yang bergelar Era Kepimpinan Ulama. Tokoh PAS yang popular setelah Anwar menyertai Umno adalah Ustaz Abdul Hadi Awang. Senario ini membawa dimensi-dimensi baru kepada Malaysia iaitu seperti berikut:

1. Ketua negara, Sultan Melayu.
2. Ketua kerajaan, pemimpin Barisan Nasional, yang di dalamnya termasuk bekas pemimpin ABIM.
3. Ketua ulama, menteri ulama yang bertanggungjawab dalam Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Perdana Menteri.
4. Ketua gerakan Islam, pemimpin PAS.

Apabila PAS melalui Angkatan Perpaduan Ummah memenangi Kelantan, maka dimensi-dimensi negeri itu adalah seperti berikut:

1. Ketua negeri, Sultan.
2. Ketua kerajaan, pemimpin PAS yang juga merupakan Ketua Dewan Ulama PAS.
3. Ketua ulama, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat.
4. Ketua gerakan Islam, pemimpin PAS.

Kemenangan PAS (melalui Angkatan Perpaduan Ummah) membuka lembaran baru bagi pemerintahan negeri Kelantan. Ia berbeza dengan pentadbiran PAS di Kelantan dahulu. Perbezaan terletak pada kedudukan ulama dalam pemerintahan. Di Kelantan kini, ketua kerajaan, ketua ulama dan ketua gerakan Islam adalah ulama.

Sultan juga mempunyai kedudukan istimewa dalam kerangka begini. Ini adalah kerana Sultan merupakan ketua agama dalam kerangka bahawa institusi kesultanan merupakan warisan bagi institusi Khilafah.

Institusi Khilafah yang telah tidak dapat dipertahankan adalah sukar untuk dipulihkan dalam zaman sekarang. Sekali ia dimansuhkan, maka institusi itu hilang begitu saja. Begitu juga dengan institusi kesultanan. Sekiranya institusi kesultanan dimansuhkan, maka jauhlah harapan untuk memulihkannya. Kalau dilihat dari sudut ideologi moden, tentulah institusi raja-raja itu merupakan suatu peninggalan feudalisme yang tidak sesuai pada zaman ini. Tetapi Raja-Raja Melayu bukan setakat raja-raja. Dan institusi kesultanan tidak seharusnya dilihat dari sudut ideologi moden. Institusi kesultanan seharusnya dilihat dari sudut Islam.

Islam sebagai komponen sistem pemerintahan negara terserlah dalam perlembagaan yang menyebut bahawa agama rasmi negara ini adalah Islam dengan Ketua Negara yang terdiri daripada sultan-sultan.

Kedudukan Islam dalam sistem pemerintahan ini kurang dihargai sedangkan penghargaan terhadapnya boleh membantu meningkatkan lagi syiar Islam di Malaysia. Di antara dua faktor ini, sistem kesultanan inilah yang lebih bermakna daripada perkara Islam sebagai agama rasmi.

Ini kerana sistem kesultanan merupakan suatu warisan pemerintahan Islam yang boleh disusur-galurkan kepada sistem Khilafah Islamiyyah yang sudah tidak wujud lagi. Walaupun kesultanan yang wujud hari ini adalah jauh berbeza daripada pemerintahan Islam yang dahulu tetapi dari segi warisan, ia tetap boleh dihubungkan dengan pemerintahan Islam.

Di sini perlu ditarik perhatian tentang sifat kesultanan Melayu. Kesultanan Melayu menjadi sebahagian daripada sistem pemerintahan Malaysia melalui sifatnya sebagai ketua-ketua negeri Melayu dan Majlis Raja-Raja. Di dunia hari ini terdapat 10 Raja-Raja Melayu yang memerintah iaitu di Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Selangor, Perak, Terengganu, Kelantan, Kedah, Perlis dan Brunei. Di antara Raja-Raja itu, kesemuanya dipanggil Sultan kecuali Raja Perlis dan Yang Di-pertuan Besar Negeri Sembilan. Kecuali Sultan Brunei, yang lain-lain itu menganggotai Majlis Raja-Raja Melayu. Dengan menjadi anggota Majlis tersebut, mereka berupaya untuk menjadi Yang di-Pertuan Agong yang membolehkan mereka memerintah seluruh Malaysia meliputi negeri-negeri yang tidak disebut sebagai negeri Melayu iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Pulau Pinang, Melaka, Sarawak dan Sabah.

Mungkin umum menganggap istilah raja dan sultan adalah sama. Tetapi sungguhpun istilah sultan itu bererti "yang mempunyai kuasa" tetapi konsep "raja" dan "sultan" adalah berbeza. Perbezaannya terletak terhadap nilai Islam yang diwarisi dengan istilah-istilah itu. Istilah "raja"

merujuk kepada asalnya dalam budaya Melayu yang mana konsep "raja" berasal dari kebudayaan India Hindu yang telah diserap ke dalam kebudayaan Melayu. Sementara konsep "sultan" berasal dari kebudayaan Islam yang turut telah diserap ke dalam kebudayaan bangsa ini.

Dalam keadaan ini, ramai pihak sering menyebut tentang asal-usul raja-raja Melayu dari segi kebudayaan pra-Islam iaitu Sri Wijaya dan Bukit Siguntang, Sumatera.

Kecenderungan untuk mencari asal-usul raja-raja Melayu kepada zaman pra-Islam adalah difahami kerana kefahaman konsep tersebut adalah menurut sudut kebangsaan Melayu. Sememangnya sebagai bangsa Melayu, keturunan raja-rajanya sudah tentu melalui pelbagai tamadun seperti Hindu, Buddha dan sebelum datangnya agama-agama.

Bagaimanapun apabila melihat dari sudut pemikiran dan kebudayaan, kesultanan Melayu mempunyai dua sifat. Pertama sifat Melayu, dan kedua sifat Islam. Dari segi Melayu, kesultanan Melayu berasal dari kebudayaan kerajaan Melayu dari sejak zaman Pagar Ruyung di Sumatera. Tetapi dari segi Islam, kesultanan Melayu mempunyai asal-usul dan warisan dari pemerintahan Khilafah Islamiyah.

Penghargaan institusi kesultanan menurut sudut Islam adalah terpulang kepada orang-orang Melayu. Sekiranya, orang-orang Melayu lebih mengutamakan adat-adat Melayu, maka kesultanan sudah tentu cenderung kepada amalan-amalan tradisional Melayu. Andaikata orang-orang Melayu menekankan soal-soal Islam, maka kesultanan Melayu juga akan cenderung kepada Islam. Dan jika orang-orang Melayu mengabaikan kesultanan Melayu, maka kesultanan ini akan terabai atau hilang.

Kesultanan Melayu yang ada boleh menjadi bertambah Islamik sekiranya anggota-anggota Raja-Raja Melayu turut mengambil berat tentang Islam. Andainya ada di antara mereka atau putera mereka yang menjadi ulama, sudah tentu ia dapat meningkatkan proses Islamisasi dalam institusi Kesultanan Melayu.

Atas kesedaran ini, PAS seharusnya membela institusi Kesultanan Melayu. Ciri-ciri Islam dan tanggungjawab kesultanan Melayu selaku ketua agama hendaklah sentiasa ditekan.

Tetapi sayangnya PAS tidak mempunyai hubungan langsung dengan Raja-Raja Melayu. Ini mungkin dari segi sejarah parti tersebut, PAS tidak begitu mengambil berat tentang institusi raja-raja. Ada dua perkara mengapa perkara ini berlaku:

Pertama, sebagai pewaris kepada PKMM, PAS tentu tidak mengutamakan institusi raja. PKMM memang merupakan parti anti-feudal. Sikap ini adalah kerana PKMM mengambil inspirasi dari Partai Nasional Indonesia (PNI) pimpinan Sukarno yang mendukung konsep republik. Jadi apabila Dr. Burhanuddin Al-Hilmy yang merupakan pemimpin PKMM menjadi pemimpin PAS, sudah tentu orientasi juga ke arah tidak menghargai institusi ini.

Faktor kedua adalah konsep pemerintahan dalam Islam. Dengan menurut pemikiran Ikhwanul Muslimin dan Jamaati Islami, sudah tentu gerakan Islam tidak begitu cenderung kepada raja-raja.

Tetapi konsep raja-raja dengan konsep kesultanan adalah berbeza. Lebih-lebih lagi bila diperhatikan bahawa Khilafah-khilafah Umayyah, Abbasiyyah dan Uthmaniyyah adalah kesemuanya bersifat pemerintahan turun-menurun.

Adalah suatu kebijaksanaan bagi pemerintah Melaka yang memeluk agama Islam untuk menggelar diri mereka Sultan, kerana ia mempunyai nilai-nilai agama tersendiri.

Tetapi apabila PAS memerintah Kelantan, maka ia sudah tentu terpaksa berhubung dengan Sultan. Dan ini telah menimbulkan jalinan baik di antara parti tersebut dan Sultan. Hubungan baik di antara parti dengan Sultan bukan saja terdapat di Kelantan. Ia juga wujud di Pahang dan Kedah. Persahabatan di antara PAS dan Semangat 46 selepas pembubaran Umno memberi peluang besar bagi PAS untuk mempunyai hubungan baik dengan Sultan. Ini kerana terdapat ramai tokoh Semangat 46 yang ada hubungan keluarga diraja.

Dalam keadaan sebegini, sudah seharusnya PAS meraikan upacara-upacara yang ada hubungan dengan Sultan, umpamanya Hari Ulang Tahun Keputeraan Sultan. Bukan saja Hari Keputeraan Sultan Kelantan sahaja yang patut dirayakan tetapi juga Sultan-Sultan yang lain. Sewajarnya hari tersebut dijadikan hari perayaan negeri dengan menekankan ciri-ciri Islam yang ada pada negeri-negeri. Sesungguhnya negeri-negeri Melayu masih mempunyai syiar Islam yang kuat berbanding dengan pentadbiran pusat.

Sehubungan ini, PAS di setiap negeri juga harus memberi perhatian dan menjalin hubungan baik dengan institusi-institusi yang duduk di bawah kekuasaan Sultan secara langsung. Institusi-institusi yang dimaksudkan ini adalah Majlis-majlis Agama negeri-negeri. Perkara ini menjadi lebih penting lagi apabila ia sememangnya ada hubungan dengan kepentingan umat Islam.

Seperti mana perlunya membela institusi Kesultanan Melayu, PAS juga perlu menekankan soal Melayu.

Penekanan soal Melayu ini bukan saja kerana itu merupakan satu cara penting bagi memenangi pilihanraya umum di negara ini tetapi ia merupakan suatu perkara yang tidak boleh diketepikan dalam perjuangan Islam di negara ini.

Bagaimanapun adalah jangan keliru antara memperjuangkan Melayu menurut kaca mata Islam dengan memperjuangkan Melayu menurut sudut pandangan asabiyah dan nasionalisme. Asabiyah mestilah ditolak kerana ia diharamkan oleh Islam. Nasionalisme adalah sebahagian daripada ideologi moden sekular yang bercanggah dengan Islam.

Tetapi memperjuangkan Melayu dari sudut bahawa ia merupakan bangsa Islam adalah juga sebahagian daripada perjuangan Islam di negara ini.

Soal perjuangan Melayu bukanlah suatu yang asing bagi PAS kerana kemenangannya dahulu adalah atas asas bahawa Melayu perlukan pembelaan dan Umno di dalam Perikatan telah gagal memenuhi aspirasi orang-orang Melayu. Sekarang adalah masa yang lebih wajar kerana Umno sedang menjunjung satu konsep baru tentang Melayu, atau apa yang disebut sebagai manusia Melayu Baru. Gagasan ini berkaitan dengan pembentukan "bangsa Malaysia" yang boleh menenggelamkan identiti bangsa Melayu - lebih-lebih lagi dengan kesedaran bahawa orang-orang Bumiputera Sabah bukan Islam telah dibenarkan menyertai Umno. Malah lebih jauh dari itu, satu gagasan yang mahu memperluaskan konsep Melayu sebagai meliputi rumpun Melayu boleh menghakiskan identiti Islam pada Melayu itu. Inilah yang perlu diperhatikan oleh PAS. PAS mestilah menegaskan bahawa Melayu adalah suatu bangsa Islam. Melayu bukanlah suatu konsep perkauman. Sesiapa yang beragama Islam dan tinggal di Malaysia boleh ditakrifkan sebagai Melayu. Siapa yang berketurunan Melayu

tetapi tidak mengamalkan cara hidup Islam tidak boleh ditakrifkan sebagai Melayu.

Sehubungan dengan isu-isu Melayu adalah soal isu bahasa Melayu dan kedudukan ekonomi Melayu. Sejak Era Kepimpinan Ulama, isu-isu Melayu tidak begitu menarik PAS lebih-lebih lagi apabila parti itu mula mengadakan rundingan dengan kaum Cina melalui gagasan CCC. Tetapi ancaman terhadap bahasa Melayu sudah tidak boleh diketepikan begitu saja. Keghairahan pihak berkuasa untuk mencapai Wawasan 2020, Melayu Baru dan bangsa Malaysia boleh mengorbankan bahasa Melayu. Kedudukan tulisan jawi yang terus merosot hendaklah dipertahankan supaya ia tidak terus punah. Begitu juga dengan perkembangan bahasa Melayu hendaklah dipelihara supaya ciri-ciri keislamannya terus wujud. Pengindonesiaan dan penginggerisan bahasa Melayu mestilah diambil perhatian.

Mengenai kedudukan ekonomi bangsa Melayu, PAS tidak boleh berlengah-lengah dan membiarkan dirinya dipatahkan oleh Umno. Secara ikhlas dan bukan saja kerana politik, PAS hendaklah memikirkan tentang kejayaan ekonomi orang-orang Melayu. Orang-orang Melayu akan lebih berjaya dan lebih diberkati sekiranya kerangka sistem ekonomi yang ia bergiat adalah suatu lapangan yang bersih dari kezaliman, penipuan, korupsi, riba dan penindasan. Inilah tanggungjawab parti politik Melayu yang mentadbir negara. Kejayaan ekonomi orang-orang Melayu bukan sekadar dapat menyaingi kaum lain dalam bidang tersebut. Kejayaan orang-orang Melayu adalah juga terletak pada kebersihan ekonomi orang-orang Melayu.

Lihatlah betapa besar kejayaan saudagar-saudagar Islam yang merantau dari Asia Barat dan Asia Selatan semasa zaman pemerintahan Melaka. Kejujuran mereka telah menyebabkan bukan saja mereka mengaut keuntungan

dengan berniaga di rantau ini malahan agama mereka iaitu Islam telah diterima oleh pemerintah dan rakyat tempatan.

Dalam apa hal pun, PAS hanyalah sebuah parti politik dalam kerangka untuk memerintah negara. Untuk ini, ia bersaing dengan Umno yang memerintah sekarang. Kalau kebanyakan undi Melayu-Islam pergi kepada PAS, maka parti ini boleh memegang pemerintahan negara.

PAS bukanlah sebuah gerakan subversif yang mahu menumbangkan kerajaan dan merosakkan segala institusi yang ada. Penerimaan PAS untuk berada dalam kerangka proses politik yang ada sudah cukup untuk menunjukkan bahawa parti ini hanya mahu menggantikan Umno sebagai pemerintah. Apabila PAS berjaya dalam proses pilihanraya Malaysia, maka dimensi negara ini akan berubah menjadi seperti berikut:

1. Ketua negara, tetap Yang di-Pertuan Agong.
2. Ketua kerajaan, pemimpin PAS (ulama).
3. Ketua ulama, ulama utama.
4. Ketua gerakan Islam, pemimpin PAS (ulama).

Nota: Dimensi-dimensi yang digariskan ditanggap secara umum sahaja, ia bukanlah muktamad dan masih boleh dibincangkan.

The first part of the document discusses the importance of maintaining accurate records of all transactions. It emphasizes that every entry should be supported by a valid receipt or invoice. This ensures transparency and allows for easy verification of the data.

In the second section, the author outlines the various methods used to collect and analyze data. These include direct observation, interviews, and the use of specialized software tools. Each method has its own strengths and limitations, and the choice of which to use depends on the specific requirements of the study.

The third part of the document provides a detailed overview of the data analysis process. This involves identifying patterns, trends, and anomalies within the collected data. Statistical techniques are often employed to quantify these findings and to test hypotheses. The goal is to derive meaningful insights from the raw data.

Finally, the document concludes with a summary of the key findings and a discussion of their implications. It highlights the challenges faced during the research process and offers suggestions for future work. The author expresses confidence in the reliability of the results and hopes that they will contribute to the field.

6

MENDEKATI BUKAN ISLAM; JANGAN BERLENGAH LAGI!

Untuk mendakwa negeri Kedah merupakan kubu kuat PAS, seperti Kelantan dan Terengganu, tentu ada pihak yang menafikannya. Tetapi Kedah mempunyai banyak keistimewaan tersendiri apabila dihubungkan dengan PAS. Antara episod penting perjuangan PAS di Kedah ialah Peristiwa Memali pada November 1985, yang mengorbankan Assyahid Ibrahim Libya dan anak-anak muridnya; tragedi Lubuk Merbau pada 18 Januari 1985, juga mengorbankan Othman Talib, seorang petugas pilihanraya PAS; demonstrasi petani menuntut kenaikan subsidi padi, mengakibatkan pimpinan utama PAS Kedah dikurung ISA; rampasan tanah milik PAS di Pokok Sena; Operasi Kenari yang menahan beberapa pemuda PAS di peringkat kawasan, juga di bawah ISA. Seolah-olah yang tertonjol dari peristiwa-peristiwa ini ialah kekentalan semangat ahli-ahli PAS Kedah dan keberanian mereka melakukan sesuatu yang tidak terduga serta sikap tidak mudah undur dalam perjuangan meskipun berhadapan dengan tentangan yang amat hebat.

Sokongan rakyat Kedah dalam pilihanraya kepada PAS juga bukan suatu fenomena baru; ketika PAS Kelantan hanya menguasai dua kerusi Dewan Undangan Negeri dan PAS Terengganu gagal sama sekali, pada tahun 1978, tetapi di Kedah PAS menang tujuh kerusi daripada 26 kerusi DUN, iaitu Jerlun, Anak Bukit, Langgar Limbong, Bukit Raya, Sik, Kupang dan Sala. Di peringkat Parlimen, PAS menguasai Kota Setar dan Baling. Pada pilihanraya 1978 itu juga, bekas Yang Dipertua Agung PAS, Datuk Mohd Asri Haji Muda, tentunya setelah melihat beberapa keistimewaan di Kedah, bertanding di Padang Terap.

Selain itu, Kedah juga melahirkan pimpinan politik yang berwibawa, seperti Almarhum Tunku Abdul Rahman, Dr Mahathir Mohamad, dan di pihak PAS, Yang Dipertua PAS Pusat sendiri, Ustaz Fadzil Mohd Noor juga adalah anak Kedah, begitu juga Setiausaha Agung PAS, Haji Abdul Halim Arsyat. Penonjolan Naib Presiden Umno, Sanusi Junid, wakil rakyat Jerlun-Langkawi (yang dikatakan regu Ghafar Baba) tidak boleh diketepikan begitu sahaja. Difahamkan, Umno Kedah selepas era Dr Mahathir menghadapi ketandusan kepimpinan yang amat ketara. Sanusi, dengan segala karenavanya, amat sukar menempatkan diri sebagai seorang bapa dalam kepimpinan Umno Kedah. Beliau juga bermasalah dengan Menteri Besar Kedah, Osman Arof. Yang lebih penting itu, apakah beliau mampu melepasi halangan Anwar Ibrahim di peringkat pusat.

Perhatian khusus diberikan kepada PAS Kedah, apabila membincangkan peluang PAS selepas era Dr Mahathir, adalah kerana Kedah tapak paling penting untuk PAS membuktikan kemampuannya memimpin masyarakat majmuk Malaysia. Kekuatan PAS di Kelantan, dan kemudiannya merebak ke Terengganu, walaupun mempunyai impak politik yang agak besar di peringkat

nasional, tetapi memandangkan komposisi penduduk yang tertumpu kepada masyarakat Melayu dan persekitaran sosio-budaya yang agak berbeza dengan kawasan Pantai Barat, menyebabkan pemantapan PAS di Kedah suatu keperluan segera. Momentum kemenangan PAS di Kedah, insya-Allah akan menjalar ke negeri-negeri yang pengaruh PAS tidaklah begitu baik, seperti Perak, Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Johor kerana terdapat beberapa persamaan sosio-budaya. Namun begitu, usaha ini akan berhadapan dengan halangan dan tentangan cukup sengit dari Umno. Segala kekeruhan dalam Umno Kedah akan dilupakan buat seketika sekiranya cabaran PAS boleh menggugat kedudukan mereka. Dan cukup malang sekiranya kepimpinan PAS Kedah tidak berjaya menampilkan kesatuan dan kepaduan yang ampuh dan mantap bagi menentang tanggungjawab besar ini.

Ada pemerhati yang melihat sikap keterbukaan rakyat Kedah, dibandingkan dengan Kelantan dan Terengganu, adalah asset yang cukup baik bagi PAS jika diolahnya dengan bijaksana. Semangat kenegeriannya tidaklah sekuat Kelantan dan Terengganu. Rakyat Malaysia juga tidak asing dengan kepimpinan anak Kedah, contohnya Almarhum Tunku Abdul Rahman dan Dr Mahathir sendiri. Bagaimanapun tidak dapat dipastikan apakah andaian ini benar atau hanya jangkaan sahaja. Corak kehidupan masyarakat di Kedah agak lebih kompleks dengan arus pembangunan yang ketara, tetapi dalam masa yang sama, Kedah masih kekal sebagai antara negeri termiskin. Diakui atau tidak, Dr Mahathir berjaya membawa satu perubahan dari sudut pembangunan di Kedah, sama ada mahu ditanggapi dari sudut mana pun, ia tetap suatu cabaran kepada PAS. Pertumbuhan bandar-bandar baru dan kawasan-kawasan perindustrian menandakan semakin ramai terbentuk golongan menengah Melayu di Kedah; Kedah juga dikenal dengan pondok-pondok pengajian Islam

tradisional dan sekolah agama rakyat kedua selepas Kelantan. Ia suatu senario yang cukup menarik dan cukup mencabar kepada kedudukan PAS.

Soal yang timbul sekarang, apakah selepas era Dr Mahathir, PAS Kedah dapat bangkit kembali. Ini berdasarkan kemerosotan sokongan kepada PAS dalam pilihanraya begitu menonjol sebaik sahaja Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri; seolah-olah Dr Mahathir itu faktor utama kekalahan PAS. Daripada tujuh kerusi DUN, tahun 1978, merosot kepada hanya dua kerusi, tahun 1982. Undi keseluruhan pada tahun 1978 sebanyak 40%, menurun kepada 33%, tahun 1982. Dalam Pilihanraya Umum 1986, di samping mempertahankan DUN Bukit Raya (Ustaz Fadzil Mohd Noor), dengan penambahan undi yang agak membanggakan (majoriti 2,215 – sebelum itu majoriti 346), PAS berjaya menawan semula Langgar dan Sala. Peratusan undi keseluruhan meningkat kepada 35.32.

Bagaimanapun, prestasi yang ditunjukkan oleh PAS bersama Semangat 46 dalam Pilihanraya Umum 1990 begitu mengejutkan; peratusan undi yang diraih oleh gabungan parti Angkatan Perpaduan Ummah itu merosot dari undi yang diberikan kepada PAS pada tahun 1986, iaitu PAS mendapat 24.09% dan Semangat 46, 10.09%. Jumlahnya 34.18%; merosot 1.14%. Majoriti BN bertambah di Langkawi, Tunjang, Jitra, Kuala Nerang, Alor Merah, Ayer Puteh, Yan, Jeneri, Bayu, Kupang, Pantai Merdeka, Merbau Pulas dan Bandar Baharu. PAS hanya berjaya mengurangkan majoriti BN di Jerlun, Pokok Sena, Alor Janggus dan Pengkalan Kundor. Kawasan DUN di mana PAS mampu memperolehi undi di atas 40 peratus daripada jumlah undi yang dikira sah ialah Jerlun (46.63%), Kuala Nerang (41.02%), Pokok Sena (45.09%), Langgar (46.34%), Alor Janggus (48.83%), Pengkalan Kundor (46.33%), Bukit Raya (54.57%), Sala (47.94%), Jeneri

(41.08%), Kupang (43.96%) dan bagi Semangat 46, di Derga (44.25%).

Apakah Semangat 46 langsung tidak mempunyai kekuatan dan pengaruh di Kedah (tentulah tidak munasabah), ataupun pengundi tradisi PAS telah beralih kepada BN, ataupun pengundi baru lebih cenderung kepada parti pemerintah, atau imej Dr Mahathir yang begitu menurun di negeri-negeri lain tetapi tetap menarik minat pengundi Kedah, atau masalah dalaman PAS cukup serius sehingga membantut gerak kerja yang amat memerlukan kecekapan dan ketangkasan sewaktu pilihanraya?

Dengan tidak mengenyepikan kemungkinan faktor-faktor tersebut memberi kesan kepada kemerosotan undi PAS, satu senario yang menarik di Kedah ialah kehadiran jumlah pengundi bukan Melayu yang menjadi pengundi penentu di banyak kawasan. Di Kedah, hanya ada tujuh kawasan DUN yang mempunyai peratusan pengundi Melayu melebihi 90 peratus iaitu Bukit Raya (90%), Kupang (91%), Jeneri (92.1%), Sala (90.9%), Langgar (92.7%), Kuala Nerang (93.6%) dan Langkawi (90.7%). Perkembangan ini jauh berbeza dengan komposisi pengundi di Terengganu; hanya lapan kawasan DUN daripada tiga puluh dua, yang mempunyai pengundi Melayu kurang daripada 95 peratus, iaitu Bandar (56.7%), Ladang (91%), Binjai (93.9%), Sura (86.9%), Paka (94.7%), Kemasik (91.6%), Chukai (78.9%) dan Bukit Bandi (93%). Perbandingan dibuat dengan Terengganu kerana negeri itu merupakan negeri kedua terkuat PAS selepas Kelantan dan menjadi cita-cita pendukung PAS melebarkan kemenangan Kelantan ke Terengganu. Selain itu, untuk memberikan penekanan bahawa strategi dan pendekatan PAS di Terengganu dan Kedah mungkin berbeza; jadi untuk menyelaraskan dengan keadaan setempat harus ada keseimbangan yang rapi.

Di Kedah juga terdapat 15 kawasan DUN daripada 28 - lebih separuh—yang mempunyai peratusan pengundi Melayu kurang 80 peratus iaitu Derga (57.4%), Alor Setar (53.6%), Alor Merah (72.6%), Kota Darulaman (32.6%), Pengkalan Kundor (79%), Merbuk (59.4%), Gurun (52.8%), Tanjung Dawai (64.4%), Bukit Selambau (66.7%), Pantai Merdeka (62.5%), Tikam Batu (47.6%), Lunas (52.2%), Merbau Pulas (62.4%), Kulim (49.6%), dan Bandar Baharu (71.8%). Lapan dari kawasan itu - hampir satu pertiga dari jumlah kawasan DUN - mempunyai peratusan pengundi Melayu kurang dari 60%.

Dari undi yang PAS perolehi pada 1990, hanya di 10 kerusi DUN yang melebihi 40 peratus, dan kesemuanya, kecuali Pengkalan Kundor, mempunyai lebih 80% pengundi Melayu. Peratusan pengundi Melayu di Pengkalan Kundor pun hanya kurang 1% dari 80% (79%). Jadi apakah tafsiran yang boleh kita buat berdasarkan kedudukan pengundi-pengundi bukan Melayu di Kedah ini? Setiap kawasan DUN di Kedah mempunyai pengundi lebih kurang 25,000 orang. Ini bermakna, sekiranya PAS tidak berjaya berjaya menarik minat pengundi bukan Melayu sehingga membuatkan mereka mengundi PAS, BN mempunyai banyak kelebihan untuk memenangi setiap kali pilihanraya diadakan.

Kita congak mudah: Di kawasan pengundi bukan Melayu 20 peratus, bermakna sokongan awal kepada BN sudah mencapai 5,000 undi. Angka ini cukup banyak. Umpamanya, di Bukit Raya, kawasan Yang Dipertua PAS Pusat sendiri, pengundi bukan Melayu 10%, dan jumlah pemilih ialah 25,340 orang; jadi sekiranya diandaikan semua pengundi bukan Melayu memihak kepada pemerintah, calon BN sudah mempunyai kelebihan undi 2,534 orang di awal-awal kempen lagi. Soalnya, bagaimana harapan PAS pada 15 kawasan DUN (lebih separuh dari 28 kawasan

DUN Kedah) yang mempunyai peratusan pengundi Melayu kurang 80% jika masih tidak digerakkan strategi mendekati pengundi bukan Melayu secara berkesan, berperancangan dan bersungguh-sungguh; bukan setakat masa kempen pilihanraya yang amat singkat itu? Persoalan ini tidak harus dibiarkan begitu sahaja atau hanya menjadi rungutan dan keluhan tanpa usaha menanganinya dengan segera. Ia adalah agenda utama perjuangan PAS Kedah.

Kemampuan PAS memenangi hati pengundi Melayu sekarang, walaupun masih banyak usaha patut diteruskan, tetapi jika diimbangi pendekatan politik yang bijaksana dengan pengundi bukan Melayu, sudah cukup membuatkan Umno Kedah tergugat. Contohnya dalam pilihanraya kecil Jerlun, calon Umno memenangi kerusi tersebut hanya dengan kelebihan 784 undi, sedangkan pengundi bukan Melayu hampir tiga ribu orang. Ini bermakna majoriti pengundi Melayu memihak kepada PAS. Lidah pengarang *Berita Harian*, 21 Disember 1991 mengulas hal ini: "Sesungguhnya Jerlun mulai kelmarin sudah tidak boleh lagi disenaraikan sebagai kawasan DUN yang selamat bagi BN, khususnya Umno, di Kedah apabila menghadapi pilihanraya umum akan datang." Sanusi juga menyifatkan Jerlun sebagai "kubu kuat PAS". Ustaz Abd Halim Arsyat, calon PAS di Jerlun menyimpulkan bahawa kekalahan PAS kerana gagal mendapat undi yang cukup dari pengundi bukan Melayu: "Strategi kita dengan membawa tenaga penerangan berbangsa Cina seramai lapan orang dari Kelantan untuk memberikan gambaran sebenar tentang keadaan masyarakat Cina di bawah pemerintahan PAS, walaupun boleh dikatakan mencapai tahap yang memuaskan, tetapi sekadar cukup memberikan penjelasan mengenai situasi di Kelantan tetapi tidak menarik simpati dan sokongan pengundi bukan Melayu kepada perjuangan PAS secara keseluruhan." Strategi itu hanya dapat diatur di saat-saat akhir dan hanya akan mempamerkan "keghairahan

PAS mendapatkan sokongan pengundi bukan Melayu semata-mata di waktu pilihanraya sahaja”, bukan satu perancangan yang kemas dan dilaksanakan dari masa ke semasa, berasaskan pendekatan dakwah yang bersepadu.

Perbincangan mengenai situasi kemajmukan pengundi di Malaysia bukan tidak menarik perhatian serius pimpinan PAS tetapi rasanya tiada kesimpulan muktamad yang dilakukan sehingga kini terutamanya dari segi hukum-hakam. Selagi PAS tidak menjawab persoalan ini dengan nas yang jelas dan meyakinkan, kemampuannya untuk menguasai negeri-negeri selain Kelantan dan Terengganu amat diragukan. Hubungan dengan parti-parti bukan Islam di pihak pembangkang seperti DAP, PBS dan juga parti-parti komponen BN seperti MCA, Gerakan, MIC hendaklah dipastikan bagaimana bentuknya, sekurang-kurangnya dari segi prinsip Islam.

Untuk mengharapkan pengundi-pengundi bukan Melayu menyokong PAS, berdasarkan situasi politik di Malaysia dan kedudukan masyarakat bukan Melayu itu sendiri, dijangkakan ia tidak dapat mencapai tahap yang memuaskan. Mereka lebih mudah memilih calon-calon dari parti-parti bukan Melayu sendiri. Apatah lagi imej PAS sekarang begitu buruk kepada sesetengah pengundi bukan Melayu, dan usaha memperbaiki imej ini memerlukan tenaga dan usaha yang cukup besar, dan amat sukar PAS melakukannya di waktu ini. Antara yang difikirkan lebih sesuai ialah pendekatan politik persefahaman dengan parti-parti bukan Melayu; bagaimanapun tentunya kita ingin mendengar pandangan Islam dalam hal ini dahulu sebelum membincangkannya dengan lebih lanjut. Mungkin ada yang berpendapat, ia suatu tindakan yang merugikan PAS dari segi sokongan pengundi Melayu sendiri. Dengan tidak menolak kemungkinan tersebut, kita masih merasakan, sekiranya bentuk-bentuk perhubungan itu dijelaskan

dengan tepat berdasarkan ajaran Islam, mengapa diragukan pengundi tradisi PAS, yang sememangnya selama ini menyokong PAS atas komitmen Islamnya, akan menarik balik sokongannya.

Ramai pengkaji sains politik melihat sejarah politik Malaysia telah dikuasai oleh pertimbangan etnik, antaranya Diane K. Mauzy. Oleh itu, tidaklah menghairankan ramai di antara para penyelidik yang mengkaji politik Malaysia menumpukan perhatian terhadap berbagai aspek politik etnik nasional. Menurut Mauzy, "Malaysia merupakan satu daripada kes yang paling rumit berhubung dengan masyarakat yang terbahagi mengikut etnik. Kumpulan-kumpulan etnik yang besar iaitu Melayu, Cina dan India. Mereka terpisah dari segi kebudayaan, bahasa dan agama. Keduanya, kumpulan itu hampir sama jumlahnya. Ketiga, kumpulan-kumpulan tersebut adalah berselerak di seluruh negara."

PAS juga mesti bersedia memberikan jawapan yang tepat kepada persoalan-persoalan yang akan dibangkitkan seperti apakah PAS akan mengekalkan kedudukan dan keistimewaan Bumiputera dan orang-orang Melayu; bagaimana pula nasib pelajaran atau pengajian bahasa-bahasa selain bahasa Melayu dan juga sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan; juga tentang kedudukan orang bukan Islam dalam teraju pemerintahan dan sistem perundangan; dan banyak lagi isu-isu khusus yang ditimbulkan dari masa ke semasa. Cara bagaimana PAS menjawab terserah kepada kebijaksanaan kepimpinan PAS dan beberapa pertimbangan lain. Apa yang penting, persoalan-persoalan itu, walaupun kelihatan remeh-temeh, hendaklah dipandang serius oleh PAS, apatah lagi ia merujuk kepada pandangan Islam.

Jika kita meninjau kawasan-kawasan pilihanraya yang lain, fenomena yang sama akan dihadapi oleh PAS, iaitu

berhadapan dengan faktor undi yang datangnya dari golongan bukan Melayu. Cuba kita tinjau sepintas lalu prestasi calon-calon PAS dalam Pilihanraya Umum 1990, di luar Kelantan, Terengganu dan Kedah, dan hubungkan undi yang diperolehi oleh calon PAS dengan peratusan pengundi bukan Melayu di kawasan itu. Di Perlis PAS bertanding di Oran, Melayu 85%, undi PAS 28.95%; Padang Pauh, Melayu 96%, undi 26.43%; Bintong, Melayu 96%, undi 20.23%; Sena, Melayu 85%, undi 26.21%; Guar Sanji, Melayu 82%, undi 35.66%; Kurung Anai, Melayu 99%, undi 47.45%; Sanglang, Melayu 94%, undi 48.74%; dan kawasan Parlimen Arau, Melayu 85%, undi 38.57%.

Di Pulau Pinang, PAS bertanding di Penaga, Melayu 85.9%, undi PAS 32.17%; Ara Rendang, Melayu 79.9%, undi 26.38%; Sungai Dua, Melayu 75.6%, undi 27.63%; Permatang Pasir, Melayu 76.2%, undi 29.47%; Bayan Lepas, Melayu 55.5%, undi 28.39%; Parlimen Tasek Gelugor, Melayu 75.2%, undi 24.68%; Parlimen Permatang Pauh, Melayu 67.4%, undi 24.31%.

Di negeri Perak, calon-calon PAS bertanding di Temenggor, Melayu 65%, undi PAS 32.55%; Selama, Melayu 82.4%, undi 21.79%; Batu Kurau, Melayu 79.8%, undi 29.18%; Titi Serong, Melayu 77.4%, undi 39.42%; Kuala Kurau, Melayu 57.9%, undi 25.86%; Alor Pongsu, Melayu 61.7%, undi 37.13%; Gunong Semanggol, Melayu 81.9%, undi 45.10%; Changkat Jering, Melayu 66.9%, undi 38.38%; Lubok Merbau, Melayu 71.6%, undi 34.40%; Batu Hampar, Melayu 67.1%, undi 32.05%; Sungai Manik, Melayu 69.4%, undi 38.93%. Di peringkat Parlimen, calon-calon PAS bertanding di Bukit Gantang, Melayu 62.4%, undi 37.65%; Parit, Melayu 67.8%, undi 37.70%; Pasir Salak, Melayu 79.7%, undi 24.68%; Bagan Datoh, Melayu 58%, undi 32.76%.

Di negeri Pahang, calon-calon PAS bertanding di

Jelai, Melayu 76.15%, undi PAS 39.74%; Bukit Bentung, Melayu 79.08%, undi 39.11%; Batu Talam, Melayu 80.02%, undi 37.37%; Tahan, Melayu 97.1%, undi 37.69%; Beserah, Melayu 66.53%, undi 37.89%; Peramu, Melayu 85.29%, undi 31.42%; Jengka, Melayu 97.17%, undi 39.07%; Chenor, Melayu 96.23%, undi 31.59%; Jenderak, Melayu 82.39%, undi 29.95%; Semantan, Melayu 73.54%, undi 38.47%; Bera, Melayu 75.92%, undi 34.63%; Bukit Ibam, Melayu 89.86%, undi 29.60%. Di peringkat Parlimen, PAS meletakkan calon di Jerantut, Melayu 79.21%, undi 40.28%; Maran, Melayu 83.36%, undi 30.90%; Rompin, Melayu 87.79%, 27.26%.

Di negeri Selangor, calon-calon PAS bertanding di Parlimen Sabak Bernam, Melayu 73.9%, undi PAS 22.58%; Tanjung Karang, Melayu 75%, undi 31.74%; di DUN Sungai Tinggi, Melayu 65.86%, undi 25.91%; Selat Klang, Melayu 61.82%, undi 34.75%; Gombak Setia, Melayu 76.6%, undi 23.32%; Batu Tiga, Melayu 61.41%, undi 29.49%; Banting, Melayu 59.01%, undi 32.85%; dan Dengkil, Melayu 66.18%, undi 36.69%.

Bagi Negeri Sembilan, calon-calon PAS bertanding di Gemas, Melayu 76.3%, undi PAS 18.91%; Kota, Melayu 84.0%, undi 10.74% (hilang wang pertaruhan); Seri Menanti, Melayu 92.29%, undi 2.84% (hilang wang pertaruhan - Semangat 46 juga bertanding dan memperolehi 25.48% undi); Sungai Ujong, Melayu 39.98%, undi 8.63%.

Di negeri Melaka, calon-calon PAS bertanding di Masjid Tanah, Melayu 78.26%, undi PAS 13.34% (hilang wang pertaruhan); Kelemak, Melayu 68.02%, undi PAS 12.18% (hilang wang pertaruhan); Kemuning, Melayu 63.01%, undi 23.66%; Ayer Molek, Melayu 60.82%, undi 30.82%; Bandar Hilir, Melayu 38.88%, undi 7.10%; Serkam, Melayu 82.14%,

undi 26.53%.

Di negeri Johor pula, calon-calon PAS bertanding di Endau, Melayu 76%, undi 34.66%; Rengit, Melayu 74.7%, undi 31.67%; Benut, Melayu 77.8%, undi 32.71%.

Bandingkan pula dengan kedudukan calon-calon PAS di negeri Kedah, peringkat Parlimen iaitu Kuala Kedah, Melayu 80.9%, undi PAS 45.95%; Pendang, Melayu 86.6%, undi 45.77%; Jerai, Melayu 88%, undi 41.43%; Baling, Melayu 89%, 37.13%; Kota Setar, Melayu 76.5%, undi 44.91%; dan Padang Serai, Melayu 56.5%, undi 21.36%.

Hubungan PAS dengan CCC (Chinese Consultative Councils) yang bermula pertengahan 1985 adalah satu percubaan yang menarik. Walaupun boleh dikatakan ia tidak begitu berjaya, dan ada pihak yang melihatnya sebagai salah satu punca utama PAS tewas pada tahun 1986, tetapi usaha ini mesti diteruskan, khususnya sebelum menjelang pilihanraya umum, dengan menyedari bahawa usaha mendekati golongan bukan Islam sentiasa mengundang fitnah dan tanggapan buruk parti pemerintah. Barangkali waktu itu PAS sudah berjaya pada satu peringkat tetapi ia tidak dapat dilanjutkan oleh barisan kepimpinan CCC itu sendiri, yang tidak mempunyai imej positif dan meyakinkan pengundi Cina. Penegasan isu Negara Islam dalam kesempatan amat terbatas menjelang kempen pilihanraya dijangka memberi kesan yang patut direnung.

Satu *post-mortem* yang menyeluruh, dengan mendapat pandangan pakar, tentang hubungan PAS dengan masyarakat Cina menjelang Pilihanraya Umum 1986 hendaklah disediakan, dan dari situ barulah dicari langkah terbaik memulakannya kembali. Setakat ini dirasakan tiada analisa yang benar-benar tepat dan jitu mengenai hal ini, menyebabkan PAS begitu berhati-hati menangani masalah

yang ada kaitan dengan bukan Islam, tanpa sebarang tindakan konkrit! Silap mengatur langkah, PAS boleh diserang dari semua penjuru - dari Umno, MCA dan juga DAP - dan jika pertimbangan menawan Terengganu lebih tinggi daripada persiapan mendekati pengundi-pengundi Pantai Barat, maka hal ini akan terus tergantung.

7

BARISAN KEPIMPINAN PAS BELUM AMPUH?

Masalah kepemimpinan merupakan cabaran utama yang harus ditangani segera oleh PAS sekiranya parti itu berhasrat dan bercita-cita memikul amanah kepemimpinan negara ini. Pengikut dan ahli-ahli PAS dikenali sebagai pendukung perjuangan yang mampu berkorban tanpa mengharapkan imbuhan kewangan. Mereka rela meninggalkan anak isteri, kadang-kadang tanpa bekalan yang cukup di rumah, hanya untuk memastikan perjuangan Islam PAS semakin dekat dengan matlamatnya. Meskipun, keahlian PAS belum mencapai angka yang boleh menyaingi kekuatan Umno, tetapi cabaran terpenting PAS, selain meneruskan kempen menambah keahlian mencapai setengah juta menjelang pilihanraya umum akan datang, adalah menampilkan barisan kepemimpinan yang berwibawa, tahan uji dan boleh memenangi hati golongan "Melayu Baru".

Prof. Madya Muhammad Abu Bakar, Jabatan Sejarah
Universiti Malaya membangkitkan cabaran-cabaran yang

harus ditangani oleh kepimpinan PAS: "PAS patut mengada pendakwaan dan tarbiyah yang lebih luas, pembabitan sosial yang lebih menyeluruh, pendedahan-pendedahan yang lebih serata sehingga kepimpinan PAS dapat membincangkan isu-isu yang lebih komprehensif, isu-isu ekonomi, bank, perundangan, antarabangsa dan seumpamanya. Masyarakat pada masa akan datang akan lebih kritis. Problem yang semakin besar menuntut formula yang lebih canggih. Dan untuk itu kepimpinan PAS perlu mempunyai respons yang meyakinkan dan untuk memberi reaksi yang lebih meyakinkan, kepimpinan itu perlu ilmu yang baik, yang mendalam dan organisasi itu perlu memuatkan pelbagai jenis manusia sebagai pemimpinya. Memang berbanding dengan keadaannya dalam tahun 50-an, 60-an dahulu, kepimpinan PAS hari ini dilibati sama oleh golongan-golongan profesional seperti para peguam, ahli-ahli ekonomi dan seumpamanya. Apa yang saya ingin tekankan ialah jumlah seperti ini adalah tidak mencukupi dan ia akan menjadi semakin tidak mencukupi berdasarkan realiti masa depan yang berkembang itu."

Persoalan yang dibangkitkan oleh Muhammad Abu Bakar itu cukup menarik. Meningkatnya bilangan golongan elit Melayu-Islam, yang mempunyai ciri-ciri kehidupan yang berbeza dengan masyarakat Melayu tradisi, khususnya yang mendiami bandar-bandar baru, adalah sasaran dakwah yang belum dilibati sepenuhnya oleh PAS. Katanya lagi: "Antara perkembangan menarik dalam aktiviti pendakwaan kini ialah perkembangan Islam di bandar. Suatu pengulangan sejarah di mana Islam kembali berkembang di kota dan di bandar, setelah diasingkan, dipisahkan dan didesakan. Dan ini adalah sesuatu yang *crucial* kerana di bandar terdapatnya pusat kuasa, penguasa kegiatan ekonomi, penentu program sosial. Di bandar juga terdapat orang-orang Islam yang berpendidikan tinggi, yang mewah, yang berpengaruh dan seumpamanya. Jadi penggabungan bandar mengikut pola

Islam ... akan menjadi faktor yang jauh lebih menentu daripada perubahan Islam di peringkat desa. Perubahan Islam di bandar walaupun masih mengekalkan *rituals* Islam, jauh lebih dramatis dan drastik kerana orang-orang yang menganut Islam adalah golongan yang berilmu, orang-orang yang menerima Islam adalah manusia yang lebih dinamik, serta individu-individu yang berjiwa kritis.”

Fenomena keghairahan untuk menghayati cara hidup Islam di kalangan golongan ini nampaknya tidak diambil kesempatan dengan baik, dengan itu kemampuan PAS untuk berkembang dengan lebih pesat di bandar-bandar tersekat. Kekuatan dan ketrampilan PAS menguasai masyarakat desa, khususnya di kawasan-kawasan pondok dan pengaruh agamanya tinggi, tidak dapat dinafikan oleh sesiapa, tetapi dengan tidak menjejaskan kubu-kubu kuat PAS itu, PAS harus melangkah ke medan sasaran yang baru (tetapi lebih mencabar) dengan pendekatan yang sesuai. Pemimpin PAS harus serius merencanakan pendekatan untuk golongan elit Melayu ini, dan ia hendaklah melibatkan pemimpin PAS yang akrab dengan sosio-budaya golongan ini.

(Wan Abd Rahman Wan Abdul Latif dalam tulisannya, “Asas Perjuangan dan Penerimaan Masyarakat Terhadap Parti-parti Politik di Malaysia”, merakamkan analisis seorang pengkaji, Means, yang membahagikan parti-parti politik berdasarkan status sosio-ekonomi sebahagian besar daripada pengikut parti-parti tersebut, berdasarkan keadaan politik di awal tahun 1960-an: “Kemampuan Perikatan mentadbir negara pada waktu itu banyak bergantung kepada peranannya menduduki *center-stage* dalam arena politik tanahair dan sekali gus berfungsi sebagai pengimbang yang menstabilkan sistem politik. Ini dimungkinkan kerana parti-parti politik yang menganggotai Perikatan iaitu Umno, MCA dan MIC diwakili oleh semua lapisan sosio-ekonomi

(atau kelas) Melayu dan bukan Melayu. Dengan lain-lain perkataan, Umno, misalnya, diwakili oleh Melayu kelas atasan, menengah dan bawahan. Begitulah juga dengan MCA dan MIC. Kelemahan parti-parti pembangkang adalah mereka tidak mampu menarik minat ketiga-tiga kelas untuk menganggotai parti-parti mereka. Sebagai contoh, PAS hanya diwakili oleh golongan bawahan, begitu juga dengan Parti Rakyat. Begitu juga parti pembangkang bukan Melayu, seperti Parti Buruh.”

Status PAS sebagai sebuah parti pembangkang, di mana sukar baginya mendapatkan barisan kepimpinan yang mempunyai kemahiran pelbagai, dengan dukungan para ulama, adalah cabaran yang mesti dihadapi dengan bijaksana oleh pemimpin PAS. Pihak pembangkang, khususnya di negara-negara sedang membangun, memang diketahui menghadapi tekanan dan sekatan oleh parti pemerintah. Bagaimanapun, dengan strategi yang pintar dan sistematik, disertai dengan kesungguhan dan komitmen yang cukup tinggi, kebuntuan itu, dari masa ke semasa akan dapat diatasi. Sementalahan pula PAS berjuang di negara pelbagai kaum, dengan tradisi dan budaya pelbagai aneka, merentasi masyarakat yang disibukkan dengan pertubuhan ekonomi yang membanggakan (sekurang-sekurangnya untuk masa kini), maka cabaran mengisi kepimpinan parti yang sanggup meredah segala halangan ini tidak boleh dipandang ringan.

Diakui bahawa tugas mendekati golongan intelektual, budayawan, usahawan, terutama yang terikat dengan kerajaan, secara langsung atau tidak langsung, bukannya kerja mudah. Rakyat umum sendiri melihat dengan jelas kedudukan bekas pemimpin-pemimpin Umno yang menyebelahi kumpulan Tengku Razaleigh Hamzah; mereka ini ditekan, ditindas, dinafikan hak dan peluang berniaga, hingga akhirnya ramai yang bankrap. Terlalu banyak risiko

yang perlu ditanggung apabila seseorang yang berkedudukan tinggi dihubungkan dengan pembangkang; beliau mungkin akan kehilangan jawatan dan statusnya selama ini. Kehidupan serba selesa yang dikecapi mungkin akan berakhir. Dan ada satu lagi masalah, iaitu golongan ini sememangnya tidak mahu dihubungkan dengan mana-mana parti politik, sama ada yang memerintah ataupun membangkang. Bagaimanapun mereka mahu menyumbangkan sesuatu untuk perkembangan Islam.

Tulisan B Badrul Hisyam, (rujuk *Dunia Islam*, 1990-92) cuba memperihalkan perkara ini: "Perlu disedari bahawa di dalam masyarakat kita hari ini, terdapat satu golongan orang-orang Islam yang mungkin tidak kurang hebatnya cinta mereka terhadap Islam dan komitmen mereka terhadap perjuangan untuk menegakkan hukum-hukum Allah, tetapi golongan ini tidak begitu yakin dengan pendekatan politik PAS mahupun dengan pendekatan politik Umno. Mereka merupakan golongan yang tidak "komited" dengan perjuangan politik berparti, baik parti PAS mahupun parti Umno, walaupun kadang-kadang mereka kelihatan lebih cenderung mengasosiasikan diri dengan golongan Umno. Golongan intelektual dan budayawan amatlah perlu didekati dan dijadikan sahabat sama-sama berjuang, (di samping memelihara dan mengekalkan sahabat-sahabat dan penyokong-penyokong lama). Saya tidak pula bermaksud yang pimpinan dan ahli-ahli PAS kini tidak terdiri atau tidak mempunyai orang-orang yang termasuk dalam golongan intelektual dan budayawan. Apa yang dimaksudkan ialah golongan intelektual dan budayawan di negara ini, khususnya intelektual dan budayawan Melayu-Islam, masih ramai yang tidak cenderung mengasosiasikan atau membabitkan diri dengan kelompok orang-orang PAS mahupun dengan kegiatan-kegiatan PAS. Bahkan wujud satu tanggapan umum bahawa golongan budayawan merupakan golongan yang

tidak disenangi oleh orang-orang PAS, dan golongan intelektual pula adalah golongan sekular yang juga tidak disenangi oleh orang-orang PAS.”

Untuk mengelak risiko sekiranya dibabitkan dengan PAS, maka bukan perkembangan yang mengejutkan apabila golongan intelektual Muslim ini, yang kita anggap ikhlas ingin menyumbangkan sesuatu untuk Islam, tanpa terjejas kepentingan dan kedudukannya selama ini, akan memilih jalan selamat, iaitu mendekati Umno. Apatah lagi, Umno sendiri telah mempamerkan imejnya sebagai parti yang berkembang ke arah Islam. Banyak kumpulan-kumpulan Islam yang semakin terpengaruh dengan imej tersebut dan semakin ramai pula golongan ini yang melahirkan simpati terhadap Umno. Kata mereka, “sekurang-kurangnya untuk tahap ini, kumpulan Islam dalam Umno mesti dibantu.”

Tidak dipastikan apakah PAS ada menjalin hubungan dan kerjasama, melalui cara dan pendekatan tertentu, dengan pelbagai pihak dalam masyarakat di negara ini, dan dalam pelbagai bidang kegiatan kehidupan hari ini. Jika belum, pemimpin PAS harus mulai berfikir dan merancanginya secara bersungguh-sungguh. Sesungguhnya pengaruh golongan ini terhadap pemahaman Islam dan terhadap penghayatan cara dan gaya hidup (baik yang Islamik mahupun yang non-Islamik dan yang anti-Islamik) di kalangan masyarakat Malaysia hari ini amatlah besar (di samping peranan golongan peniaga dan pengusaha). Tanpa bekerjasama dengan golongan ini, PAS akan menghadapi masalah besar dalam usahanya hendak melaksanakan janjinya memimpin rakyat Malaysia “*Maju Bersama Islam*”.

B Badrul Hisyam seterusnya berpendapat: “Kalau kita perhatikan tanpa prasangka membenci, kita akan dapati bahawa salah satu faktor mengapa Umno dapat mempertahankan pengaruhnya sehingga kini, walaupun

ia pernah mengalami perpecahan yang teruk, ialah kerana ia mempunyai jalinan hubungan yang istimewa dengan berbagai-bagai golongan dalam masyarakat, walaupun golongan-golongan tersebut tidak terlibat secara langsung di dalam kegiatan politik berparti (Umno). Sumbangan yang tidak ketara dari golongan-golongan tersebut amat penting dalam membina kekuatan. Dan saya perhatikan hal ini tidak ada pada PAS.

“Setahu saya, kini semakin ramai orang yang ingin kembali kepada cara-cara Islam, termasuk golongan yang telah mencapai kejayaan dalam bidang-bidang perdagangan, perusahaan dan kewangan. Tetapi masalahnya ialah masih terlalu banyak pertanyaan dan kemusykilan mereka yang tidak dapat dicari jawapannya. Banyak masalah-masalah dalam amalan perdagangan dan dalam sistem kewangan moden yang belum diberikan jawapan memuaskan oleh kalangan Islam yang berwibawa. Kenapakah pimpinan PAS tidak memberi perhatian kepada perkara ini? Bukankah ini satu peluang yang baik bagi PAS untuk memimpin golongan tersebut kepada amalan Islam, sekali gus menjadi sahabat sama-sama berjuang bagi mencapai cita-cita perjuangan Islam?”

Beliau mengutarakan cadangan agar pihak pimpinan PAS mengatur program-program yang sesuai bagi memperlihatkan imej baru, bahawa PAS bukan sahaja sebagai sebuah organisasi politik, tetapi juga merupakan sebuah institusi Islam yang peranannya di bidang keilmuan dan kebudayaan diakui dan dihormati oleh para cendekiawan dan budayawan di negara ini. Sesungguhnya masyarakat telah mula menerima bahawa PAS bukanlah semata-mata parti politik. Walaupun ia memang sebuah parti politik, tetapi kewujudan dan kehadirannya di tengah-tengah masyarakat kita telah dilihat dan diterima sebagai sebuah organisasi dan sebuah institusi yang lebih daripada ber-

kepentingan politik.

Justeru itu, PAS harus benar-benar serius menyahut cabaran ini dengan mempunyai strategi pembinaan dan penampilan pimpinan yang berwibawa dan berkesan, kepimpinan yang berpandangan jauh dan luas, dapat membaca dan menganalisa suasana zaman dan lingkungannya, dapat membina dan menggerak seluruh potensi dan tenaga umat secara terarah. Ia tidak akan lahir sendiri, sebaliknya memerlukan skema yang jelas dan menyeluruh, dan tunas-tunas kepimpinan ini mesti dibimbing, ditunjuk-ajar dan didedahkan dengan realiti kepelbagaian masyarakat Malaysia ini.

Pandangan Dr Siddiq Fadhil mengenai cabaran terhadap kepimpinan gerakan Islam, tentunya juga termasuk PAS, baik untuk direnungi: "Sudah sampai waktunya untuk kita menapak maju meninggalkan tahap *'umumiyyat* dan *philosophical framework* menuju tahap penjabaran, pemerincian konkrit dan implementasi praktik; sudah sampai saatnya untuk kita secara serius menyahut cabaran era kebangunan (umat Islam) ini dengan jihad, dengan menggerakkan semua potensi umat, dengan kerahan tenaga ulama dan sarjana, pemuda dan mahasiswa ..."

Dr Hisham Yahya Aitaiib yang membuat kajian tentang "Panduan Latihan Bagi Petugas Islam" menyenaraikan faktor-faktor kepimpinan yang dikehendaki, yang dibuktikan melalui penyelidikan saintifik, iaitu kemampuan mental, minat dan kebolehan yang luas, kemahiran komunikasi, kematangan, kekuatan motivasi, kemahiran sosial dan keupayaan mentadbir. Dr Hisham juga menyenaraikan faktor-faktor kepimpinan yang diambil daripada pengalaman eksekutif. Kualiti: Para pemimpin seharusnya mempunyai sifat-sifat berikut, akhlak yang baik, daya imiginasi, berfikiran sebagai pengurus, sikap adil

kepada semua, minat dalam pelbagai bidang, berfikiran sebagai seorang pendidik, emosi yang matang, berfikiran sebagai perancang, menghormati diri sendiri dan orang lain, tekun, tegas, sifat tersusun rapi, boleh dipercayai, bersemangat, bertenaga, berfikiran sebagai jurulatih, penulisan dan percakapan yang jelas, logikal, berfikiran pantas dan tajam, bertanggungjawab, sifat sebagai seorang yang kaya dengan sumber, sifat sebagai seorang penggerak, kreatif dan berkerja kuat, kesetiaan kepada semua yang patut, dan sifat kemanusiaan.

Menurutnya lagi, seorang pemimpin perlu mempunyai pengetahuan dalam perkara berikut: matlamat, prinsip dan objektif organisasi; struktur dan orientasi organisasi; tugas dan tanggungjawab; polisi, amalan dan peraturan organisasi; asas-asas ekonomi; prinsip dan kaedah pengurusan secara saintifik; hasil, proses dan bidang organisasi; perancangan, penjadualan dan pengawasan; keperluan dan kawalan kos; bidang profesional, kerja dan teknikal; keperluan dan kawalan mutu; asas matematik, bahasa dan sains; undang-undang yang penting; piawaian dalam bidang profesionalnya; keperluan dan kekuatan peribadinya; seni dan sains pemikiran kreatif; prinsip dan kaedah perhubungan sesama manusia; pemilihan dan perletakan alat, kaedah, serta prinsip-prinsip; prinsip-prinsip latihan, bahan dan kaedah; sistem penghargaan dalam organisasi; penjagaan mesin, peralatan dan bahan; fungsi kakitangan dan pelbagai unit; komunikasi; keselamatan di rumah, di tempat kerja, dan semasa rehat; manusia, peralatan, bahan dan kaedah; dan mendapatkan penghasilan yang tinggi, berkualiti dan kos yang murah.

Seterusnya, Dr Hisham Altalib menyenaraikan kemahiran yang perlu kepada seorang pemimpin dalam bidang-bidang: pemikiran kreatif; perancangan, pengurusan, pelaksanaan dan tindakan susulan; pengajaran dan

latihan; mengarahkan kerja; persiapan bahan, peralatan dan bekalan; pemilihan dan penempatan kakitangan; pemakluman kepada kakitangan; penjagaan kualiti; pengurangan atau pembasmian pembaziran; pengawalan kos; keperluan dan penjagaan mutu; pelaksanaan polisi, kontrak dan peraturan; menjaga kebajikan dan amalan pekerja; kerjasama dengan pihak lain; penyimpanan rekod; penguatkuasaan peraturan dan undang-undang; pengendalian kecemasan; penjagaan rumah yang baik; pembelajaran untuk memperbaiki diri secara berterusan; memberikan dan menerima ganjaran setimpal dengan usaha; mengemaskini maklumat; menjadi contoh yang baik; dan memimpin ke arah penghasilan kerja yang tinggi, berkualiti, dan pengurangan kos.

8

MENGAPA JAMAAH-JAMAAH ISLAM MENJAUHI PAS?

Semangat dan kesedaran untuk menghayati Islam dalam kehidupan sepenuhnya telah memberikan warna baru dalam politik Malaysia. Kerajaan terpaksa menukar rentak dengan melaksanakan rancangan penerapan nilai-nilai Islam, kerana jika tidak, kebangkitan semula itu akan menguntungkan PAS dan orang-orang Melayu-Islam akan mempertikai peranan Umno memperjuangkan Islam. Kemasukan Anwar Ibrahim, bekas Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) ke dalam Umno, dan kemudiannya sikap lunak ABIM sendiri terhadap kerajaan adalah satu cabaran baru terhadap PAS. (Perkembangan ABIM dijelaskan dalam tulisan Jomo dan Ahmad Shabery).

Ini bermakna PAS bukan lagi berhadapan dengan golongan nasionalis sekularis semata-mata, tetapi juga bertembung dengan golongan Islamisasi dalam Umno. Sekurang-kurangnya ketika regu Dr Mahathir dan Anwar Ibrahim menerajui kerajaan, semakin ramai individu-

individu yang mempunyai kefahaman Islam, dalam apa jua versi, menyertai Umno. Sebahagian dari mereka berhujah, buat masa ini, "elemen-elemen Islam" dalam Umno perlu didukung dan dimenangkan.

Era kebangkitan semula Islam di Malaysia tidak sepenuhnya mendatangkan manfaat politik kepada PAS; Umno juga beria-ia merebut peluang untuk muncul sebagai parti, paling kurang pun, biarlah dikenali sebagai tidak menentang arus kebangkitan itu. Rancangan penerapan nilai-nilai Islam, meskipun diakui suatu program kosmetik tanpa asas dan pelan bertindak yang kukuh, dapat menyelamatkan Umno dalam Pilihanraya Umum 1982. Lahirnya kesedaran yang agak merata untuk menghayati Islam segera diambil kesempatan oleh Umno, dengan memastikan golongan itu boleh terus mengamalkan gaya hidup Islami, malahan digalakkan, asalkan tidak menyertai dan menyokong PAS. Program qiyamullail bukan lagi perkara asing kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan; kolokium kefahaman Islam juga aktif dijalankan.

Setapak demi setapak, golongan yang satu masa dahulu begitu marah dengan Umno, dan sesetengahnya menentang Umno lebih hebat daripada PAS sendiri, mulai bersikap lunak dengan Umno. Golongan ini melihat kesempatan dan ruang begitu luas terbuka dalam Umno, untuk mengislamkannya, dan peluang itu mesti segera diisi. Jadi, sikap dan pendekatan ini bukan lagi terhad kepada ABIM malahan merebak kepada golongan intelektual, profesional, teknokrat, yang menanggalkan pendekatan konfrontasi (sekiranya ada sebelum ini) dengan Kerajaan Umno.

(Sebenarnya PAS sendiri tidak mengamalkan pendekatan konfrontasi dengan kerajaan, atau dengan kata lain PAS tidak menentang atau membangkang hanya kerana

ingin menentang dan membangkang semata-mata. Segalagalanya berjalan atas prinsip perjuangan Islam).

Kesediaan PAS untuk menghulurkan persahabatan dengan badan-badan atau pertubuhan-pertubuhan lain rupanya gagal menarik minat "badan-badan Islam" ini. PAS berjaya mendekati Semangat 46, Hamim dan Berjasa, dan kemudiannya membentuk Angkatan Perpaduan Ummah, tetapi hubungannya dengan ABIM terus terpisah jauh, begitu juga dengan satu pertubuhan Islam yang pernah mendampinginya. Segala kepincangan, penyelewengan, skandal demi skandal yang dibongkar seperti tidak memberi apa-apa kudis; Umno terus disokong oleh "badan-badan Islam" ini, malah khabarnya dilipatgandakan lagi.

Wajar juga ahli-ahli dan pendukung PAS meneliti hujah-hujah yang dikemukakan oleh "badan-badan Islam" ini, mengapa mereka semakin rapat dengan Umno.

Terdapat pertubuhan Islam yang ingin menguasai PAS dan Umno, dan memandu kedua-dua parti ini ke arah persefahaman bagi memudahkan pelaksanaan Islam di Malaysia. Difahamkan, pada ketika tertentu, kedudukan mereka dalam PAS agak kukuh; mereka diberi kepercayaan menjalankan program parti yang penting. Mereka tidak mahu terhenti setakat PAS, malahan mahu digerakkan hubungan itu dengan Umno, dan kemudiannya parti-parti politik bukan Islam, seperti MCA, DAP, MIC dan lain-lain, selaras dengan perkembangan semasa.

Golongan ini pernah menolak pendekatan politik pilihanraya; hujah mereka, tidak syar'ie. Bagaimanapun ia telah berubah kerana kini mereka berkeyakinan, dalam suasana di Malaysia, bidang politik merupakan bidang utama. Hujah mereka, perjuangan Islam mesti dijadikan

popular. Harakah harus berdamai dengan masyarakat. Masyarakat perlu didampingi. Hasratnya ialah supaya penegakan syariah menjadi tuntutan umum.

Golongan ini melihat Umno bukan parti ideologi; parti itu mengikut kepimpinannya. Ideologi materialisme bukan menjadi ideologi anutan ahli-ahli Umno. Begitu juga faham nasionalisme. Rata-rata anggota Umno adalah orang Islam yang tidak dapat memisahkan diri mereka dari Islam, walau apa pun Islam yang mereka fahami. Ahli-ahli Umno bukan kader ideologi. Pemimpin Umno mempunyai kedudukan yang kuat dan boleh mencorakkan perjuangan Umno. Tanggapan awal dibuat bahawa setiap Presiden Umno mempunyai gaya kepimpinan tersendiri dan berbeza antara satu sama lain. Dr Mahathir Mohamad dianggap mempunyai wawasan kegemilangan Malaysia di dalam politik dan ekonomi antarabangsa. Beliau juga mempunyai kecenderungan tersendiri terhadap Islam.

Satu kesimpulan dibuat tentang suasana orang Melayu: Ketuanan orang Melayu sudah menjadi *status quo* politik Malaysia. Jumlah penduduk Melayu agak terjamin. Tambahan pula dengan sistem persempadanan kawasan-kawasan pilihanraya yang ada. Tetapi ekonomi orang Melayu masih jauh ketinggalan. Perpecahan di kalangan orang Melayu pula melemahkan lagi kedudukan ini. Dari sudut dakwah kepimpinan negara mesti dipastikan tidak terlepas kepada orang bukan Islam.

Ketika mengulas tentang realiti Umno masa kini, pertubuhan Islam ini beranggapan: "Islam atas dasar kesedaran sendiri atau pertimbangan politik tidak pernah ditolak oleh Umno. Malah Islam menduduki tempat yang tersendiri di kalangan anggota Umno. Dengan kebangkitan Islam pula, ia kembali menjadi agenda politik dan pemikiran orang Umno. Malah ada ahli-ahli Umno yang bersemangat

Islam dan ramai yang tidak sanggup memisahkan diri dengan Islam. Islam ada tempat di dalam Umno dan di kalangan ahlinya. Kini wujud kelompok Islam yang mendapat kedudukan dalam kepimpinan Umno. Walaupun kelompok ini lantang, ia belum pasti akan berjaya memimpin Umno. Kelompok lain telah lama bertapak dalam Umno dan jentera kerajaan."

Justeru melihat realiti Umno dan kedudukan orang-orang Melayu, dan pertimbangan dakwah yang lain, mereka menegaskan bahawa "strategi dakwah bagi Malaysia mestilah satu strategi yang bersepadu dengan penglibatan politik merupakan medan untuk perubahan yang utama. Jalan ini lebih damai dan mengikut undang-undang dan perlembagaan. Ia dapat meletakkan perjuangan di kedudukan yang sah di sisi undang-undang, dapat mengurangkan risiko dan menyempitkan ruang campur tangan asing kerana perjuangan didukung oleh majoriti dan sah menurut perlembagaan.

Dalam medan politik sudah ada PAS dan Umno. Kemungkinan satu parti lain juga masih terbuka, tetapi dalam realiti yang ada, menubuhkan satu parti baru tidak bijak, jika ia memecahkan undi orang Islam." (Tentunya kumpulan ini tidak bersetuju dengan Semangat 46)

Jadi yang terbuka ialah memastikan Umno dikuasai oleh kumpulan Islam. Ini memerlukan penglibatan yang aktif, bukan berselindung lagi. Juga digariskan tujuan-tujuan sampingan melibatkan diri dalam Umno. Antaranya ialah memanfaatkan kedudukan dalam parti untuk menjayakan program Islam oleh parti dan kerajaan; memanfaatkan kedudukan dalam parti dan kerajaan untuk menjayakan strategi dakwah; mempengaruhi dasar-dasar parti dan kerajaan supaya menguntungkan Islam; mendapatkan maklumat yang segera dan jitu.

Dari sudut politik, kumpulan ini menegaskan, "Bahawa Umno merupakan teras Barisan Nasional dan kerajaan. Apa yang berlaku kepada Umno mempunyai langsung kepada kerajaan dan masyarakat. Umno juga merupakan tonggak ketuanan orang Melayu, secara tidak langsung ia adalah sumber kekuasaan orang Melayu. Atau lebih tepat, jika Umno lemah tanpa ada alternatif Islam, maka masa depan Islam dan ummah akan turut terjejas. Umno yang kuat pula tidak semestinya bermakna kekuatan kepada Islam. Itu bergantung kepada pendirian Umno sendiri, seperti yang dicorakkan oleh pemimpinnya. Umumnya bolehlah dikatakan bahawa harakah Islam tidak boleh membiarkan Umno lemah selagi tiada alternatif Islam. Tetapi Umno yang kuat pula belum tentu membawa kebaikan kepada Islam kecuali kelompok-Islam memimpin atau menerajui Umno."

Kumpulan ini berhujah, "Pendirian Umno dan oleh itu kerajaan, amat bergantung kepada siapa memimpinnya. Kepimpinan kelompok Islam, umumnya akan membawa kebaikan kepada ummah. Kepimpinan kelompok sekular membawa kesan yang negatif kepada ummah. Sekarang perebutan sedang berlaku. Ia tidak akan berakhir dengan terpilihnya pengganti Dr Mahathir. Malah ia akan berterusan sehingga satu kelompok berjaya menghapuskan sama sekali kelompok yang lain, melalui penyingkiran. Ini tidak akan berlaku dalam jangka pendek. Sebaliknya pasang-surut nasib kelompok-kelompok ini akan menjadi ciri pergolakan dalam Umno. Dan di atasnya pula bergantung turun naik nasib ummah. Oleh itu kelompok Islam perlu dimenangkan dan dibantu dari luar dan dalam."

Kumpulan ini juga berhujah dari sudut keselamatan dakwah. Nampaknya idea ini masih seperti idea lama, antara lain tentang kekurangan maklumat yang segera dan jitu boleh menyebabkan kumpulan itu dikejutkan dengan

kumpulan maut yang membawa kesan sehingga beberapa keturunan. Mereka menyimpulkan bahawa “sumber maklumat besar yang paling baik ialah dari kepimpinan politik”. Dalam kes ini ia dirujuk kepada anggota kabinet. Dengan itu diharapkan kumpulannya dapat mengatur langkah dengan lebih yakin dan dapat memanfaatkan kesempatan yang ada.

Dihujahkan lagi bahawa kerajaan tidak ada sebab untuk berminat dengan Islam jika tidak ada usaha dari luar atau dalam. “Dari luar ia boleh datang dari dua punca. Pertama, jika gerakan Islam mendapat dukungan ramai. Maka kecenderungan kerajaan kepada Islam merupakan helah politik dan tidak bersungguh-sungguh. Jika itu sebabnya, maka kecenderungan itu adalah untuk diperlihatkan. Malah kerajaan akan mencari jalan meleakangkan sokongan itu dari pergerakan Islam. Kedua, usaha dari luar Umno yang meyakinkan kepimpinan akan kebaikan sistem Islam. Ini boleh berlaku jika gerakan Islam mengamalkan pendekatan yang penuh hikmah, tidak menjadikan kerajaan sebagai lawan yang mesti dicincang lumat. Jika kecenderungan itu datang dengan cara ini, maka sudah pasti implikasinya, gerakan Islam perlu membantu kerajaan dalam proses pembaikan itu. Dari dalam pula, ia boleh berlaku jika kelompok Islam berjaya meyakinkan parti, berjaya memimpin atau berjaya meyakinkan kepimpinan tentang kedudukan Islam.”

Sewaktu Anwar Ibrahim mengumumkan “ijihadnya” memasuki Umno, kumpulan ini begitu kuat menentang kaedahnya itu. Boleh dikatakan penentangannya itu lebih hebat dari ahli-ahli PAS yang sayang Anwar. Tetapi menurut mereka, keadaan Anwar masuk Umno tidak sama dengan keadaan sekarang; “ia tidak direstui oleh majlis syura, keadaan semasa Umno, strategi yang tidak jelas dan kedudukan gerakan Islam sendiri di peringkat yang perlu

kepada pendirian yang tegas. Menurut kaedah fatwa, hukum boleh berubah dengan perubahan keadaan dan zuruf. Oleh itu menjilat ludah sendiri tidak timbul.”

Hujah-hujah dan analisa, yang dibuat oleh kumpulan yang pernah cuba menguasai PAS ini, dibentangkan bukan untuk menelanjangi strategi perjuangannya tetapi mendedahkan kepada ahli-ahli PAS bagaimana pihak lain memandang dan menanggapi perjuangan Islam di Malaysia. PAS boleh tidak bersetuju dengan pendekatan itu, tetapi yang lebih penting, PAS dapat melihat “sisi-sisi lain” yang cukup bermanfaat untuknya terus mengorak langkah dan menyusun strategi yang lebih rapi dan berkesan. PAS tidak boleh memandang mudah perkara ini hanya atas alasan kumpulan itu tidak ramai atau hujah-hujah yang diberikan tidak munasabah dan boleh ditolak dengan mudah oleh pemimpin-pemimpin PAS. Bagaimana pula hujah-hujah untuk menyokong Umno, dengan alasan-alasan “Islamik” itu dari kacamata masyarakat umum? Masyarakat tentunya akan memilih kaedah yang paling mudah dan tidak mengundang risiko yang tidak menentu, sekiranya mereka diyakinkan pilihan mereka tidak bercanggah dengan Islam.

Tidak mustahil, dari masa ke semasa, jamaah-jamaah Islam yang lain akan memilih pendekatan terbaik-baik dan “mengggunakan kesempatan dan peluang” dengan kerajaan Umno. Antara alasan lain yang popular ialah faktor keselamatan (dalam banyak hal ia tidak dirujuk kepada kelangsungan dakwah tetapi keselamatan individu-individu tertentu), iaitu mengekalkan anggota-anggota jamaah, khususnya kepimpinan, di sektor awam dan kedudukan penting dalam kementerian-kementerian, juga badan atau lembaga yang rapat dengan kerajaan. Maaf untuk disebutkan bahawa dari kecenderungan yang ada, besar kemungkinan semakin ramai yang ingin turut serta

dalam perjuangan Islam, tetapi dengan syarat tidak ditagih banyak pengorbanan dari mereka. Ini bermakna, aspek jihad dalam perjuangan Islam semakin diketepikan; yang diperbahaskan ialah strategi-strategi dakwah yang tidak membabitkan risiko berat seperti kehilangan jawatan penting, didiskriminasi oleh pihak atasan, dan seumpamanya.

Rasanya ini adalah antara cabaran utama yang mesti dihadapi oleh PAS, cabaran yang datang dari golongan elit Melayu, yang merasai kemewahan dan kesenangan hidup "melalui dasar kerajaan yang mengutamakan orang-orang Melayu". Mereka mungkin tidak menentang gerakan Islam atau PAS sendiri, malah mereka mungkin lebih menyenangi PAS dari Umno, tetapi untuk mereka mendekati PAS terpaksa menempuh "rimba belantara" dan risiko yang besar. Tidak dinafikan ramai dari mereka begitu sayangkan PAS, tetapi "cukuplah PAS sebagai pembangkang, yang akan sentiasa mengkritik dan menegur kerajaan jika kerajaan terpesong dari Islam". Namun itu bukan alasan untuk PAS memandang remeh golongan ini, apatah lagi badan-badan dakwah yang sering dikaitkan dengan golongan intelektual, semakin jauh dari PAS dan perlahan-lahan mendekati Umno.

PAS sebagai gerakan Islam dan parti politik yang ulung di negara ini seharusnya mengadakan hubungan dengan semua sektor masyarakat, termasuk jamaah-jamaah Islam. Tentulah menyedihkan apabila jamaah-jamaah Islam lebih suka mendekati Umno, walau apa pun alasan mereka, dari berbaik-baik dengan PAS. Untuk menuduh PAS tidak bersedia menghulurkan tangan persahabatan dengan pihak lain adalah satu tohmahan melulu tanpa asas. Kesediaan PAS menerima pemimpin-pemimpin jamaah Islam lain dan kemudiannya diberikan tanggungjawab penting dalam parti telah terbukti. Cuma golongan ini ada yang tidak

mempunyai ketahanan yang tinggi – lalu terdapat yang mengundur diri secara terhormat atau kerana merasa tersisih. Tidak dipastikan apakah golongan ini, yang telah membuat komitmen untuk terlibat dalam Umno, mempunyai daya tahan yang tinggi mengharungi perca-turan politik dalam Umno.

Hubungan PAS dengan jamaah-jamaah Islam yang lain mesti jelas dan hendaklah diperjelaskan sekiranya dikaburi keraguan. Secara idealnya, PAS mesti menaungi semua badan-badan Islam ini, dan imej yang dipamerkannya ialah imej bekerjasama dan terbuka kepada sebarang per-bincangan dan perundingan. Biarpun pendirian politik kadang-kadang berbeza, seperti yang ditunjukkan dalam keterangan di atas, tetapi untuk memutuskan terus hu-bungan yang sedia terjalin, terutama di peringkat pimpinan bukanlah langkah yang bijak. Siapa tahu di masa-masa akan datang, pendirian itu boleh berubah. Selagi mana pandangan jamaah-jamaah Islam lain berdasarkan dalil yang jelas dan keikhlasan yang sukar untuk diragui, meski-pun berbeza dengan PAS, sewajarnya ia dihormati. PAS tidak bijaksana jika melahirkan sikap “memperlekehkan” pandangan pihak lain.

Persefahaman PAS dengan parti-parti lain dalam Angkatan Perpaduan Ummah boleh dijadikan bukti bahawa PAS sentiasa menyokong usaha-usaha ke arah perpaduan. Namun sebagai gerakan yang berjiwa besar, patut dilebarkan lagi hubungannya dengan pelbagai sektor dalam masyarakat Malaysia ini. Usaha ini akan berhadapan dengan cabaran yang sengit dan rumit, kerana pertubuhan-pertubuhan itu tentunya mempunyai ciri dan pendekatan yang berbeza dengan PAS, tetapi parti politik yang berwibawa seperti PAS tidak seharusnya lari dari bertembung dengan cabaran dan berusaha menguasainya.

Satu lagi masalah yang melanda PAS ialah sikap mudah melabel dan merujukkan seseorang dengan jamaah-jamaah Islam tertentu atau “kumpulan” tertentu, dengan niat negatif untuk membuktikan seseorang itu tidak ikhlas atau selama ini cuba bertindak merosakkan PAS dari dalam, seterusnya bagi menjatuhkannya. Walaupun ia belum menjadi wabak, tetapi harus diingat, PAS tidak mempunyai banyak masa dan tenaga untuk dihalakan kepada perdebatan dan pertelagahan yang tidak perlu. Ketahanan PAS banyak bergantung kepada komitmen ahli-ahlinya dengan perjuangan Islam; sekiranya suasana dalam PAS tidak lagi “hangat dengan kemesraan”, peluang PAS boleh dijejaskan.

9

ABIM DAN PAS: ADIK YANG MENDERHAKA?

Kebanyakan pemerhati politik mungkin bersetuju bahawa kebangkitan Islam di Malaysia semenjak awal tahun 70-an, telah melalui tiga fasa. Secara umumnya fasa pertama ditandai dengan permulaan kebangkitan Islam pada awal tahun 70-an di kalangan belia Islam yang mendapat latihan dan pendidikan dari sistem sekular Barat. Ini ditambah dengan tuntutan politik oleh kerajaan negara-negara Islam, terutamanya dengan *oil shock* pertama pada tahun 1973 dan pembaharuan minat terhadap agama.

Kemudian pakatan yang ketara antara ABIM dan PAS dan Revolusi Islam pada akhir 70-an telah membangkitkan minat kepada fenomena itu. Paling akhir, rancangan Penerapan Nilai-nilai Islam oleh kerajaan, peralihan sikap bekas pemimpin ABIM, Anwar Ibrahim dan peningkatannya yang cepat dalam Umno serta perubahan secara radikal dalam pucuk pimpinan PAS sejak awal 80-an telah menimbulkan minat dalam hampir keseluruhan kebangkitan



Islam di kalangan orang Melayu dan juga politik Malaysia.

Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) ditubuhkan pada tahun 1971 oleh beberapa bekas anggota Pertubuhan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM). Semenjak penubuhannya, ABIM menerima sokongan kuat belia-belia Islam di institusi pengajian tinggi. Pemimpin ABIM kebanyakannya berpendidikan sekular dan agama atau keduanya dari universiti-universiti tempatan dan luar negara. Hasil gabungan ini membolehkan ABIM mempengaruhi orang ramai dengan meluas. Antara tahun 1974 dan 1982, ABIM dipimpin oleh Anwar Ibrahim. Selain menerajui ABIM pada tahun 1974. Beliau dikenali dengan pelbagai kebolehan terutamanya dalam perhubungan awam dan berpidato. Walaupun ibu bapanya mempunyai hubungan yang rapat dengan Umno (bapanya bekas Ahli Parlimen kerajaan) dan mendapat pendidikan sekular, Anwar berjaya menampakkan reputasi cemerlang dalam keagamaan.

ABIM menjadi berpengaruh selepas tahun 1973 kerana beberapa sebab. Kemasukan PAS ke dalam gabungan Barisan Nasional, meninggalkan kekosongan. Pendirian ABIM yang tidak menyebelahi mana-mana parti politik dan lebih sederhana (berbanding dengan Arqam) dalam pendekatan keagamaan, membolehkannya memasuki sekolah-sekolah, birokrasi kerajaan dan masyarakat yang masih tidak mendapat pengaruh PAS, contohnya di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan. Malahan, ia telah mempengaruhi penyokong PAS yang kecewa dengan tindakan PAS menyertai BN.

Versi Islam ABIM mendapat sokongan daripada organisasi pergerakan Islam terkenal di seberang laut, terutamanya, Jamaat Islami pimpinan Maulana Maududi di Pakistan dan Ikhwanul Muslimin. Adalah tidak memeranjatkan kemudiannya, ABIM telah mengkritik kerajaan

di bawah pimpinan Umno, yang mempertikaikan bahawa polisi kerajaan yang ada ketika itu adalah meneruskan tradisi penjajah dan amalan sekular yang memisahkan agama daripada politik, sosial dan ekonomi. Pemimpin ABIM mempertikaikan status Islam sebagai agama rasmi negara tidak mencukupi; perlembagaan sepatutnya menyatakan dengan jelas bahawa Malaysia adalah Negara Islam dengan undang-undang Islam berdasarkan syariah, mengharamkan riba dalam urusan ekonomi dan sistem zakat menggantikan sistem pungutan cukai. Selanjutnya bersama PKPIM, ABIM mencadangkan penubuhan bank dan universiti Islam sebagai alternatif kepada sistem bank dan universiti yang ada. ABIM juga telah mengkritik Umno yang menjadikan Melayu dan bukannya Islam sebagai dasar perjuangannya.

Tuntutan-tuntutan ABIM adalah lebih tepat berbanding tuntutan PAS yang kabur untuk sebuah Negara Islam. Pada pertengahan 70-an, ABIM begitu kritikal terhadap PAS yang berkompromi dengan kerajaan yang dianggap tidak Islamik. Malahan lebih daripada Arqam, ABIM menekankan kepentingan pendidikan dan cuba meningkatkan latihan keagamaan kepada ahli-ahlinya. Beberapa sekolah swasta telah ditubuhkan oleh aktivis ABIM. Sekolah-sekolah ini menggunakan kurikulum sekolah kerajaan dan dihadiri oleh pelajar-pelajar yang tercicir dari sekolah kerajaan dan ingin mengulang peperiksaan. Selain daripada itu, pelajaran tambahan, iaitu prinsip-prinsip Islam diajar, dengan penekanan aspek-aspek Islam dalam budaya, ekonomi dan politik. Sekolah-sekolah ini juga menjadi tempat latihan kader-kader ABIM, tempat mengadakan aktiviti-aktiviti dan kelengkapan lain. Kebanyakan pelajar-pelajar itu kemudiannya berjaya memasuki institusi pengajian tinggi dan menjadi aktivis pelajar di bawah PKPIM, cawangan ABIM di kampus-kampus. ABIM juga telah menubuhkan tadika Islam dan sekolah rendah Islam.

ABIM juga melancarkan strategi dua hala menekankan dasar perjuangan mereka dengan menganjurkan ceramah, forum, seminar dan menyebarkan risalah, majalah dan buku. ABIM telah mengendalikan usrah dengan program yang teratur, biasanya dimulai dengan bacaan ayat-ayat suci al-Quran. Ia diikuti dengan terjemahan, bermula dari terjemahan klasik dan semasa, biasanya melalui karya-karya Syed Qutb atau Maududi. Kemudian bacaan hadis dan tafsiran hadis, seterusnya teks pilihan, biasanya dari Ikhwanul Muslimin atau Jamaat Islami. Program itu biasanya berakhir dengan perbincangan isu-isu semasa dan laporan aktiviti ABIM di pelbagai peringkat.

Kumpulan usrah ini membentuk teras aktiviti ABIM dan memastikan hubungan yang berterusan antara ketua dan ahlinya, di samping mendalami pemahaman dan komitmen ahli-ahli ABIM terhadap usaha-usaha dan komitmen ABIM dalam isu semasa. Usrah juga menjadi kayu pengukur kepada kejayaan aktiviti ABIM dan alat utama mengawal organisasi ABIM. Penglibatan ABIM secara terang-terangan dalam arena politik bermula pada tahun 1977, bila berlakunya krisis politik di Kelantan, negeri yang dikuasai PAS. Akibat krisis itu, PAS terkeluar dari Barisan Nasional dan pilihanraya peringkat negeri diadakan. ABIM menyokong PAS dalam krisis itu. Pendirian ABIM ialah, sebagai sebuah pertubuhan Islam, ia perlu menjaga maruah Islam daripada dicemarkan oleh Umno. ABIM menggerakkan seluruh pimpinannya berkempen untuk PAS di Kelantan, dan mengarahkan pelajar-pelajar di peringkat unversiti untuk berkempen menyokong PAS. Kekalahan PAS di dalam pilihanraya itu menjadi titik perubahan penting dalam perkembangan ABIM. Dengan mendapat sokongan PAS, ia mula meluaskan pengaruhnya di kawasan luar bandar. Hubungan yang baik antara PAS dan ABIM terbentuk dan kerajaan menjadi takut dengan pakatan baru itu yang bakal menjadi ancaman kepadanya.

Dalam Pilihanraya Umum 1978, sokongan ABIM terhadap PAS menjadi lebih kukuh. Selain melancarkan kempen yang meluas ke seluruh negara untuk menyokong PAS, tiga pemimpin utama ABIM bertanding dalam pilihanraya itu atas tiket PAS. Mereka ialah Ustaz Fadhil Mohd Noor (Timbalan Presiden ABIM), Ustaz Nakhaie Haji Ahmad dan Syed Ibrahim, kesemua mereka adalah pimpinan pusat ABIM. Beberapa pemimpin ABIM peringkat negeri turut serta termasuk Haji Abdul Hadi Awang, ketua ABIM negeri Terengganu yang juga bertanding atas tiket PAS. Selain daripada Ustaz Nakhaie Ahmad, pemimpin ABIM yang lain tewas dalam pilihanraya itu. Tetapi pilihanraya itu telah memberi semangat kepada ABIM kerana semua pemimpinnya kalah dengan perbezaan undi yang kecil. Kejayaan ABIM itu telah diperhatikan oleh pemimpin PAS yang kemudiannya memberi kepercayaan kepada pemimpin ABIM untuk diberi jawatan dalam pimpinan PAS. Ustaz Nakhaie Ahmad menjadi Setiausaha Agung PAS, Ustaz Fadhil Mohd Noor sebagai Naib Presiden dan Syed Ibrahim sebagai Bendahari. ABIM juga mengadakan kem latihan untuk kader-kader PAS dan mengajak ahli-ahli PAS untuk bekerjasama dengannya. Program ABIM di kawasan luar bandar seolah-olah bersinonim dengan program PAS. ABIM menjadi kian rapat dengan PAS dan ramai memandang ABIM sebagai satu tempat peralihan sebelum masuk pilihanraya oleh individu yang terlibat dengan PAS.

Selain peranan ABIM dalam membantu PAS untuk menentang Umno mengenai polisi dan pentadbiran kerajaan yang dikatakan tidak Islamik, ABIM juga cuba mendapatkan sokongan bukan Bumiputera untuk lain-lain polisinya. Pemimpinnya menekankan bahawa masalah utama wujud dalam masyarakat Malaysia adalah akibat fahaman perkauman yang sempit termasuk Dasar Ekonomi Baru (DEB). Menurut pemimpin ABIM, jalan penyele-

saiannya ialah dengan menubuhkan Negara Islam, yang bukan sahaja akan menguntungkan bangsa tertentu. Untuk mencapai maksud ini, ABIM mengisytiharkan Islam sebagai penyelesaian segala masalah dalam masyarakat sebagai tema konvensyen tahunannya pada tahun 1979, dan disifatkan sebagai yang paling berjaya. ABIM terus memperkenalkan tema ini sebagai asas kempen jangka pendeknya menentang fahaman "nasionalisme sempit" dan assabiyah. Kebanyakan orang melihat usaha ini sebagai serangan terhadap Umno. Pada peringkat ini, Anwar juga menerima undangan untuk menyampaikan penerangan kepada pemimpin bukan Islam dari DAP. Sementara itu, di kampus universiti, pertubuhan pelajar Islam di bawah PKPIM telah digerakkan untuk menentang kumpulan pelajar yang berkait dengan Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), yang dikuasai oleh Umno sejak tahun 1970-an.

Antara tahun 1979 dan 1981, ABIM mencapai kemuncak popularitinya. Di kawasan luar bandar, ABIM diterima sebagai "juara ummah", melibatkan diri dalam sebarang isu sosial atau keagamaan. Di kawasan bandar, ABIM bergerak melalui perkumpulan pelajar. ABIM menjadi begitu popular sehingga kerajaan terpaksa mencari jalan untuk membendung pengaruhnya. Di kampus-kampus, program-program yang dianjurkan oleh pelajar dikawal oleh Urusetia Hal Ehwal Pelajar bertujuan untuk membendung pengaruh ABIM. Pada masa yang sama, penyokong-penyokong ABIM di jabatan-jabatan kerajaan, dihukum dengan cara dipindahkan di kawasan-kawasan pedalaman. Di kampung-kampung, kerajaan mengadakan kawalan ketat terhadap sesiapa yang ingin memberi ceramah-ceramah agama di masjid-masjid, iaitu mereka dikehendaki mendapatkan kebenaran daripada bahagian agama negeri, yang biasanya hanya diluluskan kepada individu yang menyokong kerajaan. Di negeri-negeri tertentu, kerajaan menubuhkan yayasan kerajaan negeri

untuk memberi alternatif kepada program ABIM dengan menganjurkan sendiri ceramah, seminar dan kursus keagamaan. Malahan mereka juga menubuhkan sekolah-sekolah swasta dengan mengenakan yuran yang murah daripada yang dikenakan oleh sekolah-sekolah ABIM dan menyediakan guru-guru yang lebih berkualiti.

Pada tahun 1981, rang undang-undang pindaan Akta Pertubuhan telah dibentangkan. Ia telah mewujudkan satu kategori iaitu mengurangkan pertubuhan-pertubuhan politik. Walaupun tidak dinyatakan secara khusus, secara umum difahami bahawa pindaan itu ditujukan kepada ABIM, antara lain kerana sokongannya secara terbuka terhadap PAS dan hubungan antarabangnya dengan pertubuhan-pertubuhan Islam seperti Pertubuhan Belia Islam Sedunia (WAMY), dan Persekutuan Pertubuhan Pelajar Islam Antarabangsa (IIFSO), yang menerima sokongan dari Arab Saudi, Kuwait dan negara-negara Arab lain. Tentangan terhadap pindaan itu diketuai oleh ABIM yang mendapat peluang baru untuk mengetuai pertubuhan kemasyarakatan lain yang terlibat, untuk menjalankan pertubuhan mereka sendiri dan pemimpinnya ialah Anwar Ibrahim. Kempen untuk menentang pindaan itu dijalankan dengan mengadakan forum, perbincangan dan kempen memungut tanda tangan dari seluruh negara. Hasilnya, Anwar berjaya mendapat reaksi orang ramai dan pertubuhan untuk menyuarakan bantahan mereka terhadap kerajaan yang disifatkan ditujukan kepada ABIM dan pergerakan Islam yang lain. Berlainan dengan PAS dan Arqam, ABIM mencapai kejayaan dengan meluaskan lagi pengaruhnya terhadap pergerakan Islam.

Pada pertengahan 1981, Umno mengalami perubahan kepimpinan. Tun Hussein Onn berhenti dari menjadi Presiden parti dan Perdana Menteri atas sebab-sebab kesihatan. Beliau digantikan oleh Timbalan Presiden Umno

dan Timbalan Perdana Menteri, Mahathir Mohamad, yang dilantik sebagai Presiden parti pada Perhimpunan Agung Umno yang ke-32 pada tahun itu. Menteri Pelajaran, Musa Hitam dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri setelah mengalahkan Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah. Pimpinan baru Mahathir-Musa, diperkenalkan oleh akhbar sebagai pimpinan 2M, sebagai permulaan era baru. Kedua-dua mereka menuntut di universiti tempatan dan datang dari keluarga rakyat biasa, tidak seperti Perdana Menteri yang terdahulu yang datang dari keluarga bangsawan atau kerabat diraja, mendapat pendidikan lanjutan di luar negara.

Pemerintahan baru itu telah membebaskan ramai tahanan politik di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) oleh pentadbiran terdahulu. Beberapa perubahan polisi baru diperkenalkan seperti sistem kad perakam waktu, penggunaan lencana tanda nama oleh kakitangan kerajaan, masa yang sama antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan yang utama ialah slogan "bersih, cekap dan amanah" untuk pentadbiran, memberi kesan bahawa pimpinan 2M begitu serius membanteras pecah amanah dan lain-lain penyelewengan, di samping menekankan keberkesanan dan tanggungjawab dalam pentadbiran.

Beberapa bulan selepas pertukaran pucuk pimpinan, kerajaan telah memperkenalkan dua polisi utama, Dasar Pandang ke Timur dan Penerapan Nilai-nilai Islam. Turut diperkenalkan polisi *Buy British Last*, yang ditafsirkan sebagai keputusan supaya tidak lagi menyanjung Barat dan menerima rancangan Penerapan Nilai-nilai Islam. Sementara itu, Dr Mahathir juga mengumumkan rancangan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa dan sebuah Bank Islam, serta menghalang orang Islam dari memasuki kasino di Genting Highlands dan menghidang arak dalam majlis rasmi. Abim mula menyuarakan sokongannya terhadap

cadangan-cadangan ini terutamanya rancangan Penerapan-penerapan Nilai Islam.

Beberapa bulan sebelum Pilihanraya Umum 1982, satu titik perubahan berlaku. ABIM mengumumkan tidak lagi akan menyokong mana-mana parti politik, termasuk PAS. Dalam pertemuannya dengan pemimpin pelajar di bawah PKPIM, Anwar Ibrahim menerangkan bahawa ABIM tidak mahu disamakan lagi dengan PAS tetapi mahu memperbaiki imejnya sebagai sebuah pertubuhan *non-partisan*. Keputusan ini memberi gambaran beberapa perkara dalam perkembangan hubungan PAS-ABIM. Beberapa pemimpin ABIM merasakan hubungan baik mereka lebih menguntungkan PAS dari ABIM. Pemimpin ABIM juga merasakan tekanan kerajaan terhadap hubungan PAS-ABIM mengecewakan perkembangan ABIM sendiri.

Revolusi Islam Iran, disokong oleh ABIM, tetapi disokong lebih kuat oleh pihak PAS berbanding ABIM. Contohnya, PAS menerima konsep pimpinan ulama. Apabila pemimpin-pemimpin muda PAS yang lebih radikal mengambilalih pucuk pimpinan, pemimpin PAS lama (di bawah Datuk Asri) menarik diri. Golongan lama ini mendapat tekanan dari generasi muda (kebanyakannya dari ABIM), yang menyokong pimpinan ulama. Beberapa pemimpin lama (diketuai oleh Asri), kembali kepada Umno di bawah pertubuhan Hamim (Hizbul Muslimin) yang menyokong rancangan Penerapan Nilai-nilai Islam Dr Mahathir. Sambutan revolusi Iran oleh pemimpin muda PAS, merenggangkan lagi hubungan mereka dengan pimpinan ABIM. Ini berlaku bila pemimpin ABIM menyuarakan perasaan tidak senang terhadap perkembangan di Iran, yang kumpulan bukan ulama diketepi atau disingkir. Perhubungan ABIM dengan pergerakan Islam yang berpusat di Arab Saudi dan Kuwait seperti WAMY dan IIFSO, juga mempengaruhi pandangan pimpinan ABIM

dalam isu antarabangsa yang melibatkan Iran.

Apabila hubungan PAS-ABIM mula renggang, populariti pimpinan 2M pula sedang memuncak, Dr Mahathir menjemput Anwar Ibrahim untuk menyertai Umno. Pada 29 Mac, 1982, tidak lama sebelum penamaan calon untuk pilihanraya umum yang diadakan pada bulan April, Anwar mengumumkan keputusannya untuk meninggalkan jawatan sebagai Presiden ABIM dan menyertai Umno. Beliau menentang calon PAS sebagai Ahli Parlimen Permatang Pauh, tempat kelahirannya dan tempat bapanya telah menjadi Ahli Parlimen Umno pada tahun 1960-an. Untuk mengukuhkan kelayakannya sebagai calon yang akan bertanding, Anwar mengatakan ibunya telah mendaftarkan keahliannya dalam Umno tanpa pengetahuannya selama beberapa tahun.

Reaksi dari pemimpin-pemimpin ABIM umumnya memaafkan tindakan Anwar itu, walaupun khabar-khabar angin perpecahan dalam hubungan PAS-ABIM tersebar luas, dan menimbulkan kekeliruan antara pengikut kedua-dua kumpulan Islam ini. Beberapa usaha untuk memulihkan ketidaksefahaman itu gagal. ABIM menyokong Anwar dengan mengatakan Anwar tidak “menjual prinsip” tetapi “mempengaruhi” Umno secara perlahan-lahan – meskipun berada di bawah Mahathir – untuk mengubah dan mengislamkannya, termasuk negeri dan masyarakat amnya. PAS pula menegaskan bahawa Umno diasaskan atas dasar ideologi anti-Islam dan asabiyah, dan perubahan ke arah Islam yang sebenarnya di bawah Umno adalah satu persoalan. Selanjutnya Anwar telah mengetuai kempen Umno untuk menentang PAS, iaitu sebuah parti Islam dan tidak pula parti pembangkang bukan Islam seperti DAP. Kemenangan Barisan Nasional dalam pilihanraya umum pada April 1982, adalah satu kejayaan besar buat Dr Mahathir setelah kejayaannya membawa masuk Anwar ke

dalam Umno. Mereka yang menyokong keputusan Anwar Ibrahim mengaitkannya dengan perkembangan semasa di Pakistan dan Sudan, yang telah mempengaruhi Anwar, walaupun di pihak yang lain mengkritik Anwar. Anwar dan ABIM diketahui tidak bersetuju dengan bekas Setiausaha Agung Umno, Sanusi Junid yang keluar dari ABIM kemudian memasuki Umno pada tahun 1974; pemerhati bertanya, apakah yang telah berubah hingga menyebabkan seolah-olah tindakan Anwar kurang *opportunist* daripada tindakan Sanusi itu.

Anwar juga telah ditahan tanpa bicara selama 22 bulan pada akhir 1974, kerana peranannya dalam demonstrasi pelajar menyokong bantahan petani di Baling Kedah pada bulan November. Dr Mahathir yang kemudiannya menjadi Menteri Pelajaran adalah bertanggungjawab terhadap kekejaman dan penindasan yang berlaku, dan terhadap pindaan terhadap Universiti dan Akta Universiti dan Kolej (AUKU) pada 1975, manakala Sanusi - kemudiannya Timbalan Menteri Dalam Negeri - bertanggungjawab terhadap pindaan kepada Akta Pertubuhan pada tahun 1981, yang dahulunya ditentang oleh Anwar. Malahan pada peringkat awal kerjasama dengan PAS, Anwar menafikan kemungkinan bekerjasama dengan Umno - masih di ingatan rakyat kerana Allahyarham Tun Razak pernah mengundang beliau menyertai Umno. Tetapi Anwar menolak dengan membandingkan Umno sebagai sebuah "tangki najis" bermaksud sesuatu yang tidak mudah untuk dibersihkan.

Malahan kepada mereka yang mempunyai ingatan yang kuat, pemulihan hubungan Anwar-Mahathir hanya memeranjatkan kerana masanya, bukannya hubungan yang terlibat. Anwar mula memperkenalkan dirinya dalam politik kampus Universiti Malaya pada akhir tahun 60-an sebagai Presiden Persatuan Bahasa Malaysia (PBMUM) yang

diletakkan di bawah kawalan PAS, manakala ramai pemimpin ABIM peringkat negeri menyertai PAS atau tidak mahu lagi aktif dalam mana-mana pergerakan Islam. PKPIM hilang kredibiliti sebagai pemimpin pergerakan Islam di kampus. Ia hanya mendapat sedikit sokongan daripada beberapa ahli ABIM yang setia. Beberapa usaha untuk mencabar pimpinan ABIM dari dalam gagal kerana biasanya perlembagaan akan memberi kelebihan kepada calon bertahan.

Dengan sokongan yang semakin berkurangan, kebanyakan pemimpin ABIM berasakan mereka tidak mempunyai banyak pilihan melainkan mengikuti Anwar dalam menerapkan Islam di dalam Umno dan kerajaan. Untuk mencapai tujuan ini, beberapa pemimpin ABIM menyalurkan banyak usaha untuk memastikan kejayaan institusi Islam seperti Universiti Islam Antarabangsa, Bank Islam dan projek lain yang Anwar bertanggungjawab ataupun yang beliau terlibat.

Dengan sokongan Dr Mahathir, Anwar berjaya dengan cepat dalam politik. Tidak lama selepas Pilihanraya Umum 1982, Anwar dilantik sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Tidak lama kemudian pada tahun yang sama, beliau dilantik sebagai Ketua Pemuda Umno, seterusnya dilantik menjadi Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, diikuti Menteri Pertanian, sebelum beliau dilantik sebagai Menteri Pendidikan, satu jawatan kanan dalam Kabinet, pada tahun 1986. Dalam Perhimpunan Agung Umno, April 1987, satu perpecahan kepada dua kem dapat dilihat, Anwar terpilih sebagai salah seorang Naib Presiden parti.

Dalam masa yang singkat, Anwar berjaya menaiki tangga politik dan menjadi bakal pengganti Dr Mahathir yang paling hampir, pada masa yang sama meluaskan

berfahaman Melayu nasionalis. Ketika tragedi 13 Mei 1969, beliau telah bersatu dengan beberapa orang yang berfahaman serupa seperti Dr Mahathir, dari dalam Umno sendiri yang memperjuangkan penyingkiran Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri kerana sikapnya yang terlalu berlembut terhadap isu-isu bangsa, kebudayaan dan bahasa. Tetapi Anwar tidak menolak Tunku terhadap polisinya "menyokong kapitalis dan penjajahan fikiran", satu kritik oleh pihak haluan kiri Persatuan Pelajar Universiti Malaya. Tidak seperti Dr Mahathir, yang menyertai seminar Kissinger di Harvard pada tahun 1966 atas tajaan Yayasan Asia (kemudian didedahkan sebagai alat CIA), Anwar kemudiannya aktif sebagai Presiden Majlis Belia Malaysia, dalam Perhimpunan Belia Sedunia yang didalangi oleh CIA. Kedua-dua mereka melihat diri mereka sebagai nasionalis tulen Dunia Ketiga yang berhati-hati terhadap hasrat Barat. Apa pun pandangan mereka terhadap Islam, kedua-dua mereka adalah modernis dan mencurigai ulama.

Kedua-dua mereka mempunyai darah India-Muslim dan mungkin kesemua sumbangan mereka adalah "kerana Melayu". Kedua-dua mereka mungkin sedar dengan fahaman Melayu yang sempit yang mereka terpaksa terima. Ketika mereka menggunakan Islam untuk menguatkan identiti Melayu, mereka juga berharap modernis Islam boleh membantu menghuraikan jalan buntu fahaman nasionalisme Melayu yang sempit. Professor Ismail Faruqi yang dikenal kerana membawa kedua-dua mereka bersama kembali pada awal 80-an, tentunya melihat potensi pendekatan secara modern terhadap Islam.

Perkembangan-perkembangan ini memberi akibat tidak secara langsung kepada ABIM. Di kampung-kampung, banyak sokongan telah hilang kerana ahli-ahli ABIM menyertai PAS dan menyifatkan tindakan Anwar itu sebagai satu pengkhianatan. Beberapa sekolah swasta ABIM

pengaruhnya dalam Umno dan dalam kerajaan. Dalam memerhatikan kejayaan beliau dalam Umno dan kerajaan, pemimpin-pemimpin ABIM menjadi yakin dengan keputusan yang mereka buat mengenai Anwar pada tahun 1982. Pertubuhan itu kemudian kurang menunjukkan bantahan terhadap polisi kerajaan dan tidak lagi mengkritik secara terbuka terhadap tindakan dan polisi kerajaan. Melalui polisi mereka yang mengeluarkan sokongan secara kritikal terhadap pentadbiran Mahathir terutamanya rancangan Penerapan Nilai-nilai Islam, ABIM secara rasmi telah berubah menjadi kumpulan pendesak yang diterima kerajaan, dengan menggambarkan kepentingan peribadi Anwar, yang mungkin berbeza dengan polisi rasmi. Beberapa pemimpin atasan ABIM yang hampir dengan Anwar menjadi lebih aktif dalam Umno, dengan tajaan Anwar dan sebagai balasannya mengukuhkan lagi kedudukan Anwar sendiri dalam parti dan kerajaan. Dalam ABIM sendiri, sesiapa yang dikenal pasti rapat dengan Anwar terus menguasai sekretariat ABIM.

Semenjak Anwar menyertai Umno pada awal 1982, sikap umum ABIM telah berubah. Sikap ABIM yang berdiam diri terhadap segala isu semasa masyarakat sangat nyata. Sebagai contoh, ia gagal untuk mengambil pendirian terhadap pembunuhan Jalil Ibrahim pada tahun 1983 dan kaitannya terhadap kehilangan \$2.5 juta oleh Bumiputera Malaysia Finance (BMF), bank yang dipunyai oleh kerajaan yang mempunyai cawangan di Hong Kong; penyelewengan Maminco dan Makuwasa; peristiwa Memali yang melibatkan pembunuhan seorang pemimpin PAS negeri, Ibrahim Libya dan pengikut-pengikutnya; penahanan pemimpin-pemimpin PAS tanpa bicara termasuk bekas beberapa aktivis ABIM; lawatan Presiden Israel Chaim Herzog ke Singapura yang telah mencetuskan bantahan secara terbuka rakyat, pindaan Akta Rahsia Rasmi pada Disember 1986 dan kempen menentang penyelewengan dalam penswastan

Lebuhraya Utara Selatan kepada sebuah syarikat yang dimiliki oleh Umno yang tidak mempunyai pengalaman langsung dalam hal pembinaan pada akhir 1987.

Dua isu yang akhir itu telah mencetuskan penyatuan pembangkang berbanding tentangan terhadap pindaan Akta Pertubuhan pada tahun 1981. Pemimpin-pemimpin ABIM yang rapat dengan Anwar mengatakan sekarang adalah masa untuk bergabung, bukan untuk berdemonstrasi, untuk persediaan, bukan bantahan. Kesan paling nyata ialah profil baru ABIM adalah atas arahan untuk menyokong strategi Anwar dalam Umno - menghebatkan lagi sindiran sinis orang ramai bahawa maksud ABIM ialah Anwar Bin Ibrahim Movement.

Semenjak 1982, pendirian politik ABIM telah berubah. Ia tidak lagi menjadi sebuah kumpulan pendesak yang berdikari yang boleh bersuara mengenai penyelewengan dan ketidakadilan dalam masyarakat. Usaha ini telah diambil alih oleh PAS dalam hal-hal berkaitan dengan Islam (termasuk juga isu-isu lain), walaupun dalam peranan ini, PAS mungkin kurang maju atau cekap berbanding Abim. Peranan ABIM dalam bidang sosial dan politik menjadi semakin berkurangan, sama ada dari segi keahlian ataupun sokongan politik. Apa yang lebih nyata ialah kekuatan politik ABIM sebenarnya bergantung kepada kemahiran yang dimiliki oleh Anwar, pertubuhan pelajarnya dan gabungannya dengan PAS, tanpanya ABIM telah lama berkubur.

Dalam meneliti perkembangan dan perubahan corak dalam pergerakan Islam utama di Malaysia, adalah nyata bahawa terdapat pelbagai ciri, kesan dan wawasan. Tabligh menyumbang kepada kebangkitan Islam di Malaysia sekarang dan sukar untuk dikatakan akan menjadi sebuah pertubuhan politik yang mengancam. Manakala Arqam

telah memberi cabaran pada masa lalu dengan menawarkan institusi ekonomi dan sosial yang dicontohi dari Rasulullah s.a.w., bagaimanapun ia telah banyak kali tergendala beberapa tahun kebelakangan ini kerana kontroversi mengenai agama dan melibatkan pemimpinnya. Arqam dan Tabligh terus menggalakkan cara kehidupan mengikut kerohanian. Tetapi mereka tidak menekankan penubuhan sebuah Negara Islam atau memberi ancaman terhadap politik.

ABIM pula telah memperkenalkan reformasi moden terhadap kedudukan politik dan strategi yang diperkenalkan oleh Ikhwan di dunia Arab dan Jamaat di Pakistan. Ia pada awalnya menyokong Revolusi Islam Iran. ABIM juga berjaya mengekalkan hubungan dan mendapat sokongan moral dan material dari masyarakat Islam dengan meluas. Di samping itu ABIM terus memperkenalkan Islam sebagai alternatif kepada kapitalisme dan sosialisme. Secara praktiknya adalah mustahil untuk menilai gabungannya dengan PAS pada masa lalu dan untuk meneruskan sokongannya kepada polisi Dr Mahathir. Malahan ABIM seolah-olah boleh berpuas hati dengan bangunan institusi-institusi Islam yang ada dan lain-lain usaha yang berkaitan dengan Penerapan Nilai-nilai Islam Mahathir kerana kebanyakan daripadanya adalah hasil tuntutan ABIM pada masa lalu.

Tetapi hasilnya masih boleh dipertikai. Sementara itu, pemimpin-pemimpin ABIM yang bercita-cita tinggi lebih suka terlibat dalam aktiviti merancang, melaksana dan mengawal. Untuk kepastian, ABIM dan bekas pemimpin ABIM telah mendapat kedudukan yang strategik dalam banyak projek-projek baru dan kumpulan ABIM ini menyediakan golongan "profesional Islam". Proses "Islamisasi" yang lain terus berjalan terutamanya di dalam bidang pendidikan. Anwar mengekalkan jawatan sebagai

Menteri Pendidikan selepas rombakan kabinet pada tahun 1987. Mengetahui bahawa nasib rancangan Penerapan Nilai-nilai Islam dan pengaruh Anwar (juga ABIM sendiri) banyak bergantung kepada naungan Mahathir, ABIM kini berada pada kedudukan yang canggung. Mereka mesti menyokong tanpa bantahan terhadap Mahathir yang menjalankan Penerapan Nilai-nilai Islam dan bertanggungjawab terhadap pindaan AUKU 1975 (yang mereka sendiri tentang pada masa lalu), beberapa undang-undang dan polisi yang tidak popular dan penyalahgunaan kuasa.

Walaupun tidak memikirkan perkara itu sekarang, beberapa pemimpin ABIM yang berpandangan jauh mengenal pasti had atau batas Penerapan Nilai-nilai Islam dalam konteks Malaysia. Mereka juga mungkin tidak pasti sejauh mana Mahathir akan merentasi batas ini. Sambil menekankan bahawa usaha "Islamisasi" oleh kerajaan adalah lebih kepada simbolik tolak ansur kerajaan kepada Islam, ramai juga yang ragu-ragu sejauhmana proses ini boleh diterima oleh pimpinan PAS. Ramai percaya proses tersebut yang berterusan akan berjaya dengan menyatukan lebih ramai pemimpin-pemimpin Islam yang mempunyai pendapat yang berbeza (termasuk PAS), terutamanya mengenai beberapa perkara tertentu yang menurut pemimpin tertentu ABIM supaya lebih terbuka dan sederhana. (Ramai berpendapat, para ulama tidak akan berpuas hati dengan sebarang tindakan oleh "ahli politik sekular"). Contohnya, idea "perkongsian kuasa" bukanlah mudah untuk dicapai dan bukanlah sesuatu yang dicari-cari oleh Dr Mahathir (juga Anwar) dalam keadaan tertekan. Sebarang perubahan walaupun disemat kukuh sebagai semangat keadilan Islam, tidak dapat dibayangkan oleh Umno, ABIM dan PAS sekarang ini.

Dalam bidang ekonomi, alternatif yang Islamik dibayangkan oleh ABIM dan PAS dalam keadaan yang

lebih mudah, contohnya, pengharaman riba, kutipan dan pembahagian zakat dan sedekah, dan pengwujudan Baitul-mal. Bagaimanapun, melainkan PAS meluaskan kritikan terhadap keadaan semasa dengan cara yang lebih progresif, ia tidak akan dapat menarik masyarakat dengan mencadangkan satu alternatif yang bermakna kepada rakyat Malaysia, orang Islam dan bukan Islam.

Penerimaan masyarakat bukan Islam adalah sesuatu yang sukar di sini, bukan sahaja kerana separuh dari penduduk negara ini terdiri daripada mereka. Lebih satu pertiga penduduk negara ini terdiri daripada masyarakat Cina, satu persepuluh India manakala golongan bukan Islam lain, sebilangan besarnya, di Sabah dan Sarawak. Sementara itu, menurut pemerhati kebangkitan Islam di Malaysia, kebanyakan orang bukan Islam terasa diketepikan dan ditakutkan oleh pergerakan Islam yang menjadi lebih kuat, dan umat Islam yang tidak boleh bertolak ansur. Sementara itu, pihak bukan Islam dalam komponen kerajaan, mungkin terpaksa menerima kempen Penerapan Nilai-nilai Islam oleh kerajaan sebagai sesuatu yang penting untuk menghadapi ancaman PAS khususnya dan kebangkitan Islam amnya. Pihak yang lain memerhatikannya sebagai satu lagi kepastian tentang penurunan status orang bukan Melayu dan bukan Islam dalam kerajaan.

Sebagai kesimpulan, untuk melihat PAS berkembang sebagai satu parti Islamik secara progresif dan mempunyai kedudukan adalah agak sukar, walaupun tidak mustahil. Malahan perselisihan pendapat antara PAS dan Umno sejak akhir 1988, dan pembentukan gabungan pembangkang Islam-Melayu, mungkin sebagai tanda-tanda akan berlaku gabungan pembangkang dari pelbagai bangsa, termasuk DAP. Jika pakatan yang besar itu tidak wujud dan jika Anwar berjaya menjadi Perdana Menteri, proses "Islamisasi" akan terus berkembang, bahkan mungkin terus

memencil dan menghakis suara-suara pembangkang dari pihak Islam, tetapi dalam proses yang sama, ia mendedahkan keterbatasan pelaksanaan Islam yang dikemukakan oleh Umno, ABIM dan juga PAS terutamanya.

(Rencana ini disusun dan diterjemah secara bebas dari tulisan *Malaysia's Islamic Movements* oleh K S Jomo dan Ahmad Shabery Cheek, dari buku *Fragmented Vision; Culture and Politics in Contemporary Malaysia, 1992*, diedit oleh Joel S. Kahn dan Francis Loh Kok Wah, ASAA Southeast Asia Publications Series, khususnya yang menyentuh ABIM. Kedua-dua penulis juga menyorot perkembangan Tabligh, Arqam dan PAS.)

10

PERJUANGAN ISLAM TIDAK BERMUSIM

“**S**esungguhnya orang-orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka tidak ragu-ragu dan mereka berjihad dengan harta dan jiwa mereka pada jalan Allah, mereka itulah orang-orang yang benar.” (*maksud al-Hujuraat:15*)

“Bila manusia diperhambakan dinar dan dirham, mereka berjual beli dengan benda-benda, mereka membuntuti ekor-ekor lembu, meninggalkan jihad pada jalan Allah, Allah akan menimpakan ke atas mereka kehinaan yang tidak akan diangkatkannya, hinggalah mereka rujuk kepada agama mereka.” (*maksud sabda Rasulullah s.a.w.*)

Perjuangan Islam bukan seperti gelombang, yang ada pasang surutnya; ia mesti digerakkan, dikembangkan dan dipertingkatkan, dengan penuh kesungguhan, keimanan

1. PENDAHULUAN

2. PEMBAHASAN

3. PENUTUP

4. DAFTAR PUSTAKA

5. LAMPIRAN

6. GLOSARIUM

7. DAFTAR ISI

8. DAFTAR RUMAH

9. DAFTAR KONTAK

10. DAFTAR LAIN-LAIN

11. DAFTAR LAIN-LAIN

12. DAFTAR LAIN-LAIN

13. DAFTAR LAIN-LAIN

14. DAFTAR LAIN-LAIN

15. DAFTAR LAIN-LAIN

16. DAFTAR LAIN-LAIN

17. DAFTAR LAIN-LAIN

18. DAFTAR LAIN-LAIN

19. DAFTAR LAIN-LAIN

20. DAFTAR LAIN-LAIN

21. DAFTAR LAIN-LAIN

22. DAFTAR LAIN-LAIN

23. DAFTAR LAIN-LAIN

24. DAFTAR LAIN-LAIN

25. DAFTAR LAIN-LAIN

26. DAFTAR LAIN-LAIN

27. DAFTAR LAIN-LAIN

28. DAFTAR LAIN-LAIN

29. DAFTAR LAIN-LAIN

30. DAFTAR LAIN-LAIN

31. DAFTAR LAIN-LAIN

32. DAFTAR LAIN-LAIN

33. DAFTAR LAIN-LAIN

34. DAFTAR LAIN-LAIN

35. DAFTAR LAIN-LAIN

36. DAFTAR LAIN-LAIN

37. DAFTAR LAIN-LAIN

38. DAFTAR LAIN-LAIN

39. DAFTAR LAIN-LAIN

dan ketaqwaan. Perjuangan ini memerlukan dukungan yang mantap dan kebal ketahanannya. Sebarang gugatan, halangan, cabaran, hambatan, rintangan yang tersedia ataupun sengaja diletakkan oleh musuh, mesti diharungi, berpandu dan berbekalkan model generasi al-Quran, generasi yang dibentuk sendiri oleh Rasulullah s.a.w.

“... generasi pertama itu, tidak mendekatkan diri mereka dengan al-Quran, dengan tujuan mencari pelajaran dan bahan bacaan, bukan juga dengan tujuan mencari hiburan dan penglipur lara. Tiada seorang pun antara mereka, yang belajar al-Quran dengan tujuan menambah bekal dan bahan ilmu semata-mata untuk ilmu ... dan mengisi dada mereka sahaja. Bahkan dipelajari al-Quran itu dengan maksud hendak belajar bagaimanakah arahan dan perintah Allah dalam urusan hidup peribadinya dan hidup masyarakat ... Dia belajar untuk dilaksanakan serta merta, seperti seorang perajurit menerima “arahan harian” atau “pekeliling” bagi dilaksanakan serta merta ... Perasaan belajar untuk melaksanakan ini menanamkan al-Quran ke dalam jiwa mereka sehingga ia meresap menjadi panduan dalam gerakan ... menggerakkan aktiviti ... menjadi kenyataan yang melahirkan kesan dan peristiwa yang mengubah garisan hidup.” (Syed Qutb; *Petunjuk Sepanjang Jalan*)

Dr Yusuf al-Qardawi menjelaskan ciri-ciri generasi Islam itu. Pertama, keimanan yang mendalam terhadap risalah Islam, keagungan matlamatnya, kesejahteraan jalannya dan terhadap kemenangannya. Kedua, sifat keimanan yang sanggup berkorban, tidak mementingkan diri, sabar, berani, pemurah, ikhlas, tidak mudah dipengaruhi janji manis manusia, tidak gentar dengan ancaman dan ugutan; dan ini memerlukan pendidikan yang teratur rapi dan jangka panjang, yang mempunyai asas mendalam. Ketiga, kesedaran yang menyeluruh tentang

perjuangan Islam, kesedaran tentang kedudukan diri dan kesedaran tentang situasi. Keempat, ikatan yang teguh berdasarkan perjuangan, yang mengatasi segala ikatan lain seperti keturunan daerah, rantau, kelas atau keluarga. Kelima, dedikasi dalam menjalankan dakwah serta usaha berterusan menyebarkannya. Keenam, memasuki segenap lapisan masyarakat dalam semua lapangan. Ketujuh, mempunyai ahli-ahli fikir dan pemimpin yang cukup, yang mempunyai kemahiran serta kewibawaan.

Adakah itu hanya satu legenda, yang tidak dapat diulangi lagi, dalam pentas dunia masa kini? Sekali direnungkan, mungkin ada benarnya; suasana umat Islam hari terseret dalam suatu fenomena, yang pernah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. "Hampir-hampir seluruh umat mengerumuni kamu seperti perakus-perakus mengerumuni hidangan. Dan Allah akan mencabut perasaan gerun terhadap kamu dari musuh kamu dan Allah akan melontarkan perasaan lemah ke dalam hati kamu." Lantas seorang dari para sahabat bertanya: "Adakah kerana bilangan kami sedikit pada hari itu, ya Rasulullah?" Rasulullah s.a.w. menjawab: "Tidak, sesungguhnya kamu pada waktu itu ramai, tetapi kamu adalah buih, seperti buih banjir." Lantas seorang dari sahabat berkata: "Apakah kelemahan itu, ya Rasulullah." Rasulullah s.a.w. menjawab: "Kasihkan dunia dan bencikan mati."

"Dijadikan indah pada pandangan manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini, iaitu, wanita-wanita, anak-anak, harta yang banyak dari jenis emas, perak, kuda pilihan, binatang-binatang ternak dan sawah ladang. Itulah kesenangan hidup di dunia dan di sisi Allah tempat kembali yang baik." (*maksud ali-Imran: 14*)

Bagaimanapun Allah menawarkan jalan Islam yang lebih indah dan berkekalan: "Katakanlah: Inginkah aku

berikan kepada kamu apa yang lebih dari yang demikian itu, untuk orang-orang yang bertaqwa, di sisi Tuhan mereka ada syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya dan isteri-isteri yang disucikan, di samping keredhan Allah dan Allah Maha Melihat hamba-Nya." (*maksud ali-Imran:15*)

Dr Yusuf al-Qardawi menyimpulkan: "Semua musuh merancang untuk menumpaskan kita dan gerakan kita agar tidak lagi bergerak. Sehingga kalau kita bergerak, bukan atas jalan yang menyampaikan kita kepada tujuan. Apabila kita berjalan, mereka penuhkan dengan batu-bata atau lubang dan ranjau, yang akhirnya melemahkan kekuatan kita, sebelum kita sampai kepada matlamat kita. Soalnya sekarang, sampai bila kita hanya menjadi sasaran musuh mbedilkan perencanaannya? Mengapa tidak kita yang merencana? Bukankah kita juga mempunyai akal seperti mereka? Bukankah kita mempunyai daya dan tenaga yang tidak ada pada mereka; aqidah yang memberi suluhan hidayat. Bukankah kita memiliki sejarah dan peradaban yang memberikan kita kekuatan dan keyakinan bahawa kita mampu memimpin? Yang kurang kepada kita ialah kesungguhan berfikir, bekerja dan sikap. Kita belum mengumpulkan segala kebolehan dan daya untuk secara tenang merenung, berfikir, menimbang, mengambil pelajaran dari sejarah dan realiti. Tanpa fanatik melulu kepada yang lama atau tergoda dengan yang baru semata-mata kerana ia baru."

Sejarah pernah memaparkan bagaimana hinanya umat Islam, terutamanya apabila golongan Tartar menyerang; mereka hidup dalam ketakutan dan tiada lagi keberanian dan harga diri. Diriwatkan, seorang lelaki Tartar menangkap seorang Muslim, tetapi si Tartar itu tidak membawa pedang. Lantas kata si Tartar itu, "Letakkan kepalamu ke atas batu itu, dan jangan bergerak." Lelaki

Muslim itu pun meletakkan kepalanya ke atas batu, sehinggalah datang si Tartar dengan pedangnya, lalu memenggal kepala lelaki itu.

Walhal kita juga menyaksikan rakaman sejarah tentang kehebatan pahlawan-pahlawan Islam. Di zaman pemerintahan Saidina Umar (r.a), panglima tentera Islam, Saad Abi Waqas telah menghantar perutusan, yang diketuai oleh Ruba'i bin Amir, untuk menemui Rustam yang menjadi panglima tentera Parsi. Menjawab pertanyaan Rustam tentang misi kedatangannya, Ruba'i menjawab: "Allah mengutuskan kami untuk mengajak sesiapa yang mahu di kalangan kamu, daripada mengabdikan diri terhadap sesama makhluk, kepada mengabdikan diri kepada Allah, daripada agama zalim kepada keadilan Islam dan daripada dunia yang sempit kepada dunia yang lapang."

"Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya. Dia telah memilih kamu dan Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan. (Ikutlah) agama orang tuamu Ibrahim. Dia (Allah) telah menamai kamu sekalian orang-orang Muslim dari dahulu, dan (begitu pula) dalam (al-Quran) ini, supaya Rasul itu menjadi saksi atas dirimu dan supaya kamu semua menjadi saksi atas segenap manusia, maka dirikanlah sembahyang, tunaikanlah zakat dan berpeganglah kamu pada tali Allah. Dia adalah Pelindungmu, maka Dialah sebaik-baik Pelindung dan sebaik-baik Penolong." (*maksud al-Hajj: 78*)

Dan rahsia kemenangan Islam terungkap melalui pesan Saidina Umar (r.a) kepada Saad Abi Waqas: "Wahai Saad! Aku berpesan kepada kamu agar bertaqwa kepada Allah. Sesungguhnya kamu diberi kemenangan oleh Allah kerana maksiat yang dilakukan oleh musuh. Sekiranya kamu melakukan maksiat seperti musuh, sedang bilangan kamu

tidak sama seperti mereka, ketika itu kekuatan zahiriah yang menentukan kemenangan. Hendaklah kamu yakin, bahawa kemenangan itu terletak di atas pertolongan Allah.”

Sebelum setiap Muslim keluar berjuang dan berperang di medan jihad, dia pada hakikatnya telahpun berhasil mengharungi medan jihad yang amat besar di dalam dirinya sendiri, melawan godaan syaitan di dalam hatinya, menentang nafsu dan syahwah keinginan yang beraneka bentuk, menentang rasa haloba dan tamak, menentang rasa cinta diri, cinta kaum kerabat dan anak bangsa sendiri, dan malah menentang sebarang logo yang bukan logo Islam, menentang sebarang dorongan untuk menyembah dan mematuhi sebarang kuasa yang lain daripada Allah dan sebarang halangan dari terlaksananya kekuasaan dan pemerintahan Allah di muka bumi ini serta mencabar kekuasaan toghut dan syaitan-syaitan ganas yang menyamun kekuasaan Allah.

Penglibatan aktif bersama jamaah Islam tidak hanya memadai dengan ikrar lidah dan pengakuan lisan tanpa pembuktian amal. Pesan Hassan al-Banna: “Medan kata-kata lain dari medan khayal. Medan amal lain dari medan kata-kata. Medan jihad lain dari medan amal. Medan jihad yang haq lain dari medan jihad yang salah. Banyak orang boleh berkhayal tetapi bukan semua khayalan yang terlintas dalam benak manusia mampu digambarkan dengan perkataan. Banyak orang boleh berkata tetapi sedikit sekali mereka yang tetap pendirian dalam beramal. Kebanyakan dari golongan yang sedikit ini mampu beramal, tetapi sedikit sekali mereka yang sanggup memikul tanggungjawab jihad yang berat dan kerja yang kasar. Para mujahidin yang sedikit ini mungkin akan tersalah jalan dan tidak mencapai matlamat sekiranya mereka tidak diselamatkan oleh inayah Allah.”

“Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa dan janganlah kamu mati melainkan di dalam keadaan Islam. Berpegang teguhlah kamu semua dengan tali Allah, jangan kamu berpecah-belah. Ingatlah akan nikmat Allah ke atas kamu; semasa kamu bermusuhan-musuhan lalu Allah melembutkan hati-hati kamu, sehingga dengan nikmat-Nya, kamu menjadi orang-orang yang bersaudara. Ketika kamu berada di jurang api neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu darinya. Demikianlah Allah menjelaskan keterangan-keterangannya sehingga kamu mendapat petunjuk.” (*maksud ali-Imran:102-103*)

“(Iaitu) orang-orang (yang mentaati Allah dan Rasul) yang kepada mereka ada orang mengatakan: ‘Sesungguhnya manusia telah mengumpulkan pasukan untuk menyerang kamu, kerana itu takutlah kepada mereka’, maka perkataan itu menambah keimanan mereka dan mereka menjawab: ‘Cukuplah Allah menjadi Penolong kami dan Allah adalah sebaik-baik pelindung’.” (*maksud ali-Imran:173*)

“Dialah yang telah menurunkan ketenangan ke dalam hati orang-orang mukmin supaya keimanan mereka bertambah di samping keimanan (yang sedia ada); dan kepunyaan Allahlah tentera langit dan bumi dan adalah Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana. Supaya Dia memasukkan orang-orang mukmin laki-laki dan perempuan ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya dan supaya Dia menutupi kesalahan-kesalahan mereka, dan yang demikian itu adalah keberuntungan yang besar di sisi Allah.” (*maksud al-Fath: 4-5*)



11

MENELITI ASAS PERJUANGAN PAS

Perjuangan PAS bukanlah perjuangan yang menjurus hanya ke arah membersihkan kerohanian semata-mata dan menukar seseorang itu menjadi 'abid yang memikirkan hanya dirinya dan tidak memperdulikan persoalan-persoalan lain yang melibatkan ummah. Perjuangan PAS bukan hanya sebagai pertubuhan kebajikan yang bergiat memungut derma untuk membantu mereka yang kemalangan dan kematian. Perjuangan PAS bukan hanya perjuangan pertubuhan ilmiah yang hanya menulis buku, membuat kajian dan mengadakan seminar-seminar ilmiah atau memberikan gelaran-gelaran ilmiah bagi mereka yang mengeluarkan tulisan yang baik. Perjuangan PAS bukanlah perjuangan parti siasah biasa yang hanya berjuang dan bekerja untuk menyertai pilihanraya bagi merebut kekuasaan. Perjuangan PAS bukan perjuangan pertubuhan kebudayaan yang hanya berjuang untuk menukarkan bentuk pakaian, hiasan-hiasan dan adat istiadat sahaja. Perjuangan PAS ialah perjuangan untuk mengubah *waqi'*

atau realiti masyarakat manusia yang ada sekarang ini, yang terkongkong dalam arahan peradaban jahiliyah, menuju ke arah peradaban Islam atau *hadarah Rabbaniyyah*, dengan keupayaan iman, fikrah, ilmu, amal, akhlak dan tanzim yang menyeluruh.

Jangan ada yang cuba menyempitkan PAS hanya menjadi pertubuhan politik biasa, yang hanya bergerak di musim pilihanraya atau hanya bekerja untuk pilihanraya. Jangan ada yang cuba menjadikan PAS satu pertubuhan kerohanian yang hanya menumpukan ke arah pembersihan jiwa rohaniyah diri sendiri dan memberikan seluruh keupayaan dan kekuatan yang ada padanya semata-mata untuk menghafal wirid dan ma'thurat sahaja. Jangan ada yang cuba menjadikan PAS *mujamma' al ilmu* atau gerakan elit intelektual yang menapis dan memilih ahli-ahlinya sehingga tidak boleh terlibat di dalam PAS ini melainkan para ulama dan intelektual sahaja. Jangan ada yang cuba menjadikan PAS sebuah pertubuhan, yang kerana bersikap terlalu pesimis dan terlalu gayat dengan penguasaan jahiliyah, yang menanti kelahiran Imam Mahdi untuk meneruskan perjuangannya. Jangan ada yang terlalu runsing dengan kelemahan iman masyarakat Islam kini sehingga menjadikan PAS hanya *halaqat* Ilmu Tauhid yang membincangkan permasalahan aqidah semata-mata dan membiarkan persekitaran terus dikuasai oleh jahiliyah.

Perjuangan menegakkan Islam adalah perjuangan yang berterusan, perjuangan seumur hidup, perjuangan yang sentiasa meminta pengorbanan dan jihad, perjuangan yang tidak terhenti dengan kekalahan atau kemenangan. "Jika apa yang kamu bawa ini harta benda dunia yang mudah dicapai dan perjalanan yang sederhana jauhnya, nescaya mereka (dengan mudah) akan mengikutimu. Tetapi jarak perjalanan begitu jauh untuk mereka. Dan mereka akan bersumpah dengan nama Allah (dengan

berkata) jika kami berupaya keluar, maka kami akan keluar bersama kamu. Mereka membinasakan diri sendiri dengan sumpah yang dusta dan Allah mengetahui sesungguhnya mereka adalah dusta." (*maksud at-Taubah:42*) Perjuangan yang besar dan perjalanan yang jauh ini, hanya akan dirasakan dekat dan mudah untuk dipikul oleh orang-orang yang beriman dan yakin kepada janji dan pertolongan daripada Allah.

Harakah Islam, bukanlah tindakan *irtijali* atau langkah-langkah spontan yang tidak berencana. Kewujudan tanzim merupakan prasyarat kepada kelahiran suatu harakah yang sah, harakah yang dapat memikul amanah dan tanggungjawab Islami secara sempurna. "Tidak ada harakah tanpa tanzim dan tidak ada tanzim tanpa tarbiyah" (*Syed Qutb*). Setiap orang hendaklah menjadikan hari ini lebih baik daripada semalam dan esok, lebih baik daripada hari ini.

Harakah Islam mesti berperanan di tengah-tengah masyarakat manusia yang menganut berbagai-bagai agama dan mendukung berbagai-bagai ideologi perjuangan, untuk menyelamatkan mereka daripada kongkongan kepalsuan, kezaliman, penindasan dan sebagainya. Ia mesti tampil di dalam masyarakat Malaysia yang majmuk ini, mesti tampil ke hadapan untuk membela nasib dan kepentingan seluruh rakyat berdasarkan keadilan Islam.

Kekuatan harakah Islam mesti ditingkatkan lagi dan ini memerlukan usaha menambahkan keupayaan *syakhsiyyah*, mengukuhkan rangkaian pentadbiran, meluaskan penyusunan dan gunatenaga, mewujudkan suasana persaudaraan dan keislaman di dalam jamaah secara meluas, memperbaiki kualiti dan daya kepemimpinan dan melahirkan tradisi keilmuan yang mampu menyuluh amalan dan tindakan dengan suluhan iman dan taqwa. Mesti

dibentuk saf kepimpinan yang mampu berfikir, yang mampu membuat pengarah dan yang mampu mendidik petugas-petugas harakah supaya memiliki *tasawwur* yang jelas, *fikrah* yang sahih, yang berupaya menjalankan tugas dan menggerakkan jihad dengan sempurna. Tuntutan perjuangan Islam yang besar itu menghendaki usaha penggembalian seluruh kekuatan ummah dan mempengaruhi mereka supaya menyumbangkan tenaga untuk kepentingan Islam.

Untuk menggerakkan perubahan ke arah Islam, sewajarnya ada usaha merubah dan membetulkan corak keimanan dan keyakinan masyarakat terhadap Allah, Rasul dan Kitab-Nya. Hendaklah dibina kembali keimanan itu di atas kefahaman, kesedaran dan *basirah*. Hendaklah ditanggalkan corak dan bentuk keimanan yang hanya berasaskan taqlid semata-mata. Begitu juga corak hubungan masyarakat dengan Allah hendaklah dibina kembali supaya ia benar-benar berasaskan kesedaran yang mendalam terhadap kebenaran Allah, keagungan-Nya yang mutlak: "Hanya orang-orang yang beriman itu ialah mereka yang apabila disebut nama Allah, maka gementarlah hati mereka dan apabila dibacakan ayat-ayat Kami, bertambah kukuh keimanan mereka dan mereka menyerah diri sepenuhnya kepada Allah" (*maksud al-Anfaal:2*).

Jika kita tidak terus menggerakkan perubahan ini dan jika para ulama tidak terus bekerja keras memberikan panduan dan bimbingan serta menyusun dan menentukan program dan manhaj untuk setiap anggota masyarakat bagi melakukan perubahan ini, maka akan kekallah keimanan itu dalam keadaan yang tidak melahirkan kekuatan untuk menjamin kemenangan Islam.

Kekuatan iman yang berada di hati setiap pendukung Islam hendaklah diterjemahkan ke dalam bentuk amalan

dan disalurkan untuk bergerak di dalam masyarakat manusia dengan penuh yakin. Kekuatan iman semata-mata tanpa amal, tidak akan membawa erti yang besar dalam perjuangan. Untuk menterjemahkan keimanan dan keyakinan kepada amalan, mesti dirancang sesuatu yang sesuai dengan keupayaan amali. Keimanan, keikhlasan, kesungguhan, pengorbanan dan semangat yang berkobar-kobar yang ada di kalangan ahli-ahli jamaah perlu diadun menjadi satu sistem kerja yang lebih tersusun dan dapat digunakan.

Untuk menyediakan kekuatan merubah, mestilah mempunyai perencanaan yang rapi dan teliti bagi merubah bentuk dan corak pemikiran masyarakat yang menjadi landasan bagi menentukan sikap dan pendirian di dalam berbagai-bagai perkara dan peristiwa yang ditempuh. Sebenarnya, perubahan pemikiran yang menggerakkan kembali dinamisme keimanan akan dapat dilakukan secara sempurna apabila berupaya membangunkan kembali tradisi keilmuan Islam dan menggerakkan tarbiyah dan pendidikan Islam dengan tenaga yang paling maksima. Program-program pendidikan formal bagi membentuk generasi yang akan datang dan juga para du'at yang bakal memimpin jamaah mesti diberi keutamaan dan dianggap sebagai *awaliyyat* yang tidak dapat tidak mesti dilaksanakan. Para ulama harus lebih giat mengadakan perbincangan dan mewujudkan suasana dan tradisi keilmuan di dalam jamaah.

Jamaah Islam juga memerlukan sekumpulan petugas yang berjihad di medan perancangan dan penyelidikan, yang akan membantu jamaah mengatur langkah perjuangan dan menggerakkannya secara teratur dan tersusun. Jamaah Islam memerlukan lebih ramai petugas yang dapat membantu merancang program-program ekonomi, politik dan kemasyarakatan secara teratur. Amat diperlukan tenaga penyelidik dan pengkaji yang dapat menjelaskan risalah

perjuangan sejelas-jelasnya dan dapat menyesuaikan keutamaan dalam memberi penjelasan dengan masa, tempat dan keadaan. Risalah perjuangan Islam tidak boleh disampaikan dengan sewenang-wenangnya.

Pergerakan di bidang politik pada masa hadapan bukan sahaja menghendaki pemedato-pemedato yang baik, tetapi juga lebih ramai perancang dan aktivis yang pintar dan berpandangan jauh. Tuntutan politik pada masa kini juga memerlukan pentadbiran yang kemas, petugas-petugas politik yang licin dan kesedaran politik yang segar di kalangan ahli dan penyokong. Pendekatan politik mesti cermat tetapi berani dan berupaya bertindak pantas. Asas pendekatan politik seperti ini tidak lain daripada pergerakan politik Rasulullah s.a.w.

Salah satu unsur yang berkesan dalam kegiatan politik Islam ialah simpati dan sokongan orang ramai. Ini adalah kerana politik dan kegiatan politik berhubung-kait dengan sokongan orang ramai. Oleh itu kegiatan politik Islam yang berkesan mestilah menolak idea pengasingan daripada orang ramai. Jika sesuatu jamaah Islam, di dalam kegiatan politiknya mengambil sikap mengasingkan diri daripada orang ramai dan tidak merancang supaya diwujudkan hubungan baik dengan segenap peringkat masyarakat, maka jamaah itu sebenarnya melakukan sesuatu yang berlawanan dengan kaedah politik Islam. Kegiatan politik hendaklah difahami sebagai seni yang mempertemukan orang ramai, seni mempengaruhi orang ramai dan seni menguasai orang ramai dan mengarahkan mereka kepada matlamat perjuangan yang hendak dituju oleh jamaah.

Di samping jamaah memberikan perhatian yang berat kepada masalah perpecahan ummah, hendaklah dipastikan bahawa perpaduan di dalam jamaah hendaklah sentiasa kukuh. Hendaklah dihapuskan gejala-gejala yang membawa

perpecahan dari segi *manhaj* dan *fikrah al amal*. Untuk mengelakkan perpecahan itu, haruslah dipastikan bahawa orang-orang yang hendak diberikan tugas dan tanggungjawab jamaah daripada mereka yang yakin dan berpegang dengan fikrah dan manhaj jamaah. Tidak mungkin dapat dibenarkan anggota jamaah mempunyai berbagai-bagai pendekatan dan manhaj, apatah lagi membawa *trend*/aliran jamaah lain, kerana ini akan membawa kepada perbezaan fikrah dan pendekatan yang membawa perselisihan.

Sumber. Ucapan Dasar Yang Dipertua PAS Pusat; 1986 dan 1987

The first part of the report deals with the general situation in the country. It is noted that the economy is still in a state of depression, and that the government is facing a serious financial crisis. The report then goes on to discuss the various measures that have been taken by the government to deal with the situation. These measures include the introduction of a new currency, the abolition of the gold standard, and the implementation of a series of economic reforms. The report concludes by stating that the government is confident that these measures will lead to a recovery of the economy and a return to stability.

12

KEKUATAN YANG TERTIMBUS

Perbincangan bagi mengungguli peranan gerakan Islam seharusnya menyusuri persoalan dasar, bermula dengan zaman atau era penjajahan, di mana umat Islam mula dihina dan diperbudak. Sejarah telah mengajarkan kepada bangsa Eropah bahawa Islam bukanlah agama yang membelenggu para pengikutnya untuk memencilkan diri di masjid, tanpa menaruh perhatian kepada dunia dan apa yang terjadi di dalamnya, ataupun menyibukkan diri mereka dengan mentera-mentera mistik dan tradisi yang dikeramatkan. Islam adalah agama yang dengan segera melahirkan gerakan, menciptakan kekuatan, menghadirkan kesedaran diri dan tradisi keilmuan, dan menguatkan kepekaan politik dan tanggungjawab sosial yang berkaitan dengan nasib diri sendiri. Agama adalah satu fenomena yang sungguh ajaib, yang memainkan peranan-peranan bertentangan dalam kehidupan. Ia menghancurkan dan menghidupkan kembali, menidurkan dan membangunkan, memperbudak dan membebaskan, mengajarkan kepatuhan

dan revolusi, dan seterusnya.

Sesungguhnya masyarakat Islam cukup kaya dengan peradaban, kekuasaan, kreativiti intelektual, ilmiah dan artistik, kehormatan, kemenangan dan kebebasan. Kebudayaannya penuh dengan sumber-sumber spritual, idealistik, pemberi kehidupan, pelahir gerakan, konstruktif, dan memberi penerangan, serta bernafaskan kebebasan. Ia adalah samudera yang mengandungi gelombang-gelombang dahsyat kekuatan logis, estetis dan sentimental, yang memberikan sumbangan kepada kesucian jiwa dan kesempurnaan akhlak serta kepekaan insani.

Islam bukanlah lilin-lilin dari masjid, melainkan suatu kekuatan yang meningkatkan pemikiran dan mendorong golongan yang tertindas bangun berdada di medan perang, mencetuskan semangat keimanan, harapan dan keberanian. Bagaimana para penjajah Barat dapat menakluki negara umat Islam, menyusup ke dalam jantung masyarakatnya, mengganggu kehidupan para pengikutnya dan organisasi-organisasi tradisional mereka, merampas sumber-sumber mereka, mengubah kota-kota mereka menjadi pasar, membentuk kaum Muslimin menjadi peniru yang naif, dangkal, tidak berharga dan tidak berperikemanusiaan; tanpa ada suatu pertimbangan yang sungguh-sungguh atas "kedahsyatan Islam" yang pernah dialaminya di masa lalu. (Islam telah membangunkan salah satu peradaban terbesar di dunia Eropah sendiri, iaitu Sepanyol). Ia berhasil dengan jalan melenyapkan Islam sampai tuntas melalui para "ulama" atau menyibukkan kaum Muslimin dengan hal-hal yang khayali.

Soalnya apakah umat Islam dan khususnya pendukung Islam, yang ingin mengobarkan suatu revolusi intelektual dan spritual, yang ingin menghidupkan kembali kerangka budayanya yang telah mati, membusuk dan hancur, yang

ingin melahirkan ciri-ciri progresif dan unsur-unsur yang dinamis, telah memiliki keupayaan untuk memikul tanggungjawab tersebut, terutama dalam masyarakat Muslim yang tidak lagi mengenal agamanya dengan sebenar. Keadaan ini menjadi semakin kacau dengan lahirnya "ulama-ulama" upahan dan terlalu fanatik dengan pendapat sendiri, dan golongan cendekiawan yang tidak ambil peduli dengan keadaan dan kemelut masyarakatnya sendiri. Dan masyarakat semakin kacau dan keliru dengan pertelagahan yang tiada hentinya, yang merongkai ikatan persaudaraan Islam. Ia telah menciptakan dua iklim dan kelompok intelektual dan ilmiah yang terpisah dan bahkan bertentangan di dalam masyarakat, dan telah membatasi kelompok masing-masing pada ruang lingkup budaya dan pandangan dunianya sendiri-sendiri.

Dengan itu lahirlah generasi yang terpisah langsung dari seluruh akar budaya dan spritualnya, akar yang memberikan kekuatan selama ini. Generasi hampa tanpa jiwa ini, yang bingung dan hilang pedoman, semestinya diselamatkan dan dapat memasuki pandangan dunia Tauhid yang terbuka, cerah dan melahirkan rasa tanggungjawab. Penjajah Barat telah melancarkan serangan budaya, intelektual, estetis dan moral secara menyeluruh, sehingga setelah menakluki kemampuan-kemampuan spritual dan mental kita, setelah mengosongkan sifat-sifat manusiawi, setelah melumpuhkan kekuatan perlawanan logika serta kemampuan kita untuk mengkritik, memahami, menilai, menguji, memilih dan menemukan – setelah kejatuhan spritual kita – dunia Barat dapat menakluki umat Islam secara ekonomis dan politik.

Bagaimanapun, masih ada golongan yang bercita-cita tinggi, dan berkemampuan untuk memecahkan kebuntuan yang ada. Mereka bukan semata-mata produk dari faktor-faktor sosial, tetapi orang-orang yang membangun dan

membentuk lingkungan mereka. Ada di antara mereka yang terdidik di Barat, Timur Tengah dan tanahair sendiri. Mereka adalah orang-orang yang dapat berfikir sendiri, memahami sendiri, dan akhirnya memilih sendiri; tentunya dengan suluhan iman dan taqwa. Pendukung kebangkitan semula Islam ini akan menyaring dan menyuling kekuatan agama yang sangat besar, yang kini terkubur jauh di dalam masyarakat kita sendiri - kekuatan yang sekarang berbentuk tenaga yang statis dan beku dan terkubur di bawah berlapis-lapisnya kebodohan dan kekurangan - dan mengubahnya menjadi tenaga yang konstruktif dan dinamis. Gerakan ini seharusnya menciptakan suatu revolusi dalam bidang pemahaman agama, budaya, pandangan politik, wawasan sosial, kesusasteraan, sejarah, seni, akhlak, hubungan manusia, dan bahkan cara memandang dan menanggapi kehidupan ini.

Gerakan tersebut bukannya gerakan-gerakan reasioner dan regresif yang hanya ingin memutar waktu untuk mundur ke belakang, malahan ia sentiasa berkembang maju bersama Islam. Ia tidak bererti menolak masa kini, membelakangi masa depan, secara fanatik menolak segala yang baru dan dengan gelisah berpaling ke masa lampau. Ia adalah gerakan untuk menemukan kebenaran yang hilang dan nilai-nilai yang terampas. Ia adalah gerakan untuk berpijak pada akar-akar sendiri dan gerakan untuk mencegah pembicaraan dengan menggunakan lidah orang lain dan melangkah dengan kaki orang lain.

Setiap pendukung kebangkitan semula ini mestilah sentiasa sabar, yang diutus dengan suatu misi di kalangan umat untuk memandu mereka menuju tujuan, kebebasan, dan kesempurnaan manusiawi, dan membantu mereka untuk menyelamatkan diri sendiri dari kebodohan, kemusyrikan dan penindasan. Dia akan berada di tengah massa dan merasa bertanggungjawab di atas nasib umat

yang diperbudakkan dan ditindas. Mereka tidak seperti segelintir orang, yang hidup bersama orang-orang yang mempunyai minat yang sama, terpencil, jauh dari rakyat umum, dan berada pada lingkaran masyarakat mereka sendiri, di gunung-gunung, di biara-biara dan kuil-kuil, kampus-kampus universiti, perpustakaan dan kelab-kelab eksklusif. Mereka seperti seorang rasul, segera setelah menerima tugas, ia melangkah langsung menuju jantung masyarakatnya untuk mencari umat.

Antara wahyu-wahyu awal, memerintahkan Nabi Muhammad untuk keluar dari pengasingan individu, meninggalkan kehidupan peribadi, keluarga dan kelompoknya dan berdiri di tengah umat, memberi mereka harapan, peringatan, menyerang lambang-lambang kepalsuan, kebodohan, dan ketahyulan, menghancurkan tuhan-tuhan palsu yang telah diciptakan sendiri, mengatakan kepada umatnya yang menjadi hamba, papa dan tidak berdaya bahawa ada banyak contoh di mana satu kelompok kecil dapat mengalahkan kelompok besar, menjanjikan kepada kaum yang lemah dan terhina bahawa keputusan Allah Yang Maha Kuasa telah menjamin mereka untuk menjadi pemimpin dan melarang kejahatan, menyelamatkan orang-orang yang diperhambakan dari kekuasaan para penindas Fir'aun, ahli-ahli sihir dan pendeta-pendeta munafik, menuntut mereka menuju kebebasan, tanah yang dijanjikan, kejayaan dan keadilan, dan akhirnya mengajak umat "naik" ke syurga dari kehinaan bumi ini, menyembah Tuhan dan bukan individu-individu dan menerima keadilan Islam sebagai ganti ketidakadilan agama-agama lain.

Menjadi satu dengan umat, bangkit dari kalangan mereka dan bersama-sama dengan mereka, itulah salah satu makna dari kata *ummi* (Nabi yang tidak dapat menulis dan membaca). Menjadi satu dengan umatnya merupakan

ciri khas nabi dan pewaris para nabi. Dengan demikian, mereka tidak boleh hidup terpendil, tersembunyi dari rakyat, sebagaimana dikatakan oleh orang-orang Eropah, berada dalam menara gading, atau seperti dinyatakan dalam al-Quran, terbungkus dalam selimut mereka dan menyelesaikan urusan mereka sendiri.

Seperti Plato, yang menutup taman akademisnya bagi rakyat, dan menyatakan bahawa "barangsiapa tidak mengetahui tentang geometri dilarang memasuki taman ini", berbincang-bincang hanya dengan beberapa ilmuan genius yang memahami geometri dan memikirkan hanya tentang republik, utopia, puisi, kebenaran, kepalsuan, moral, keadilan dan keberanian. Plato boleh mengabaikan kenyataan bahawa di Athens, beberapa ribu hamba telah menggantikan tenaga kaldai-kaldai bagi 30 keluarga bangsawan. Ramai orang bersifat seperti ini, tanpa menaruh perhatian pada apa yang terjadi di dunia, dapat menguburkan dirinya dalam pekerjaannya di sudut pejabat, kampus, makmal atau di ruang sembahyang di rumahnya sendiri.

Sebaliknya Nabi Muhammad tidak berbuat begitu. Ia menjalani awal kehidupannya sendirian di padang pasir sebagai gembala, di rumah isterinya, Khadijah atau di gua Hira' untuk bersemadi. Tetapi, segera setelah dipilih sebagai Rasul, dari ketinggian gunung yang sepi dan lengang, cepat-cepat ia turun dan menuju jantung kota Makkah. Baginda menyampaikan pesannya di puncak bukit Safa, di hadapan *dar al-nadwah* yang merupakan tempat pertemuan para bangsawan, dan menentang keras tuhan-tuhan palsu sembah masyarakatnya.

Muhammad Iqbal, umpamanya, setelah menerima anugerah Ph.D tidak dapat membungkus dirinya dengan pakaian sebagai seorang ahli falsafah universal, menerima

kedudukan tinggi di universiti dan mengumpulkan murid-muridnya dan para ilmunan-elit lainnya di sekelilingnya, menempati satu sudut di bawah bayang-bayang gelap imperialisme Inggeris ke atas India dan mengabaikan masalah-masalah sosial dalam masyarakatnya.

Seseorang pendukung kebangkitan mulia ini harus menyedari bahawa ia telah diutuskan dengan sebuah misi untuk masyarakatnya. Semangat revolusionerlah yang ingin dihembuskannya ke dalam kerangka masyarakatnya. Perubahan intelektual tidak pernah dapat dibatasi pada kedudukan kaum cerdik pandai yang sempit dan tertutup. Ia harus turun dari "menara gading" dan bergabung dengan massa, kerana berbicara tentang massa tanpa adanya mereka sama saja dengan suatu pembohongan. Orang-orang yang berbicara tentang rakyat, masyarakat, penjajahan, kemiskinan, penjajahan, dunia ketiga, dan sebagainya, sementara mereka duduk di restoren mewah dan kelab eksklusif yang mewah, boleh menyebutkan dirinya ahli sosiologi, ahli politik, ilmunan, ahli falsafah, penulis, seniman, dan sebagainya, tetapi mereka bukan pendukung kebangkitan semula kebenaran dan keadilan ini.

Peranan ini begitu rumit kerana suasana yang dihadapi bukanlah suatu lingkungan yang kosong dari Islam, tetapi penuh dengan Islam yang keliru dan diselewengkan. Mereka, yang berbekal al-Quran di tangan, harus memerangi orang-orang yang memasang al-Quran di atas panji-panji; mereka harus menghadapi orang-orang yang dari kubunya terdengar bagaikan sarang lebah suara doa dan pembacaan ayat-ayat al-Quran.

Kita harus melihat, menanggapi dan menangani masalah yang kita tempuh dari kacamata kita sendiri, iaitu Islam. Selama ini dunia Barat telah menafsirkan dan melukiskan berbagai hal kepada kita dengan cara yang sesuai

dengan pemikirannya dan seperti yang diinginkannya untuk kita fikirkan. Seheinggakan agama, sejarah, kesusasteraan, seni, tokoh-tokoh sejarah dan nilai-nilai kemanusiaan kita sendiri telah cuba, dan sebahagiannya berjaya, dipesongkan oleh Barat. Dalam banyak hal kita amat mengharapkan Barat memberikan penerangan terhadap hal kita sendiri, sehingga ramai cendekiawan kita hanya menduplikasikan dan menterjemahkan karya-karya Barat.

Kita harus memahami secara tepat dunia, peradaban moden, kebudayaan Barat, penjajahan bentuk baru, dan hubungan yang nyata dan tersembunyi antara dunia Timur dan Barat. Kita harus membahs semua persoalan intelektual, aliran-aliran pemikiran dan ideologi-ideologi yang entah kita sukai atau tidak telah mempengaruhi pemikiran dan perasaan kita. Kita juga harus memahami realiti-realiti internasional yang objektif, faktor-faktor dan kekuatan-kekuatan yang terlibat, sumber-sumber daya yang tersedia dan suasana yang ada. Dunia media massa dan komunikasi menghadapi ledakan dengan meluas dan cepat, benteng-benteng tradisional yang selama ini tertutup telah runtuh. Sesungguhnya cabaran mendatang semakin sengit dan canggih.

Justeru itu umat Islam harus "kembali kepada diri sendiri", untuk menemukan keperibadian dan sifat kita, keyakinan dan sejarah kita, dan menghidupkan kembali jiwa kreatif dan nilai-nilai spritual yang suci. Kita mesti menemukan semangat sejati kita yang berkesinambungan, yang, meskipun terkubur di bawah puing-puing, tragedi-tragedi, dan kisah-kisah dalam sejarah - dan meskipun tertutup oleh beban masa lampau dan kesulitan-kesulitan masa kini - memiliki suatu "gerakan yang tak terbandung" yang sesuai dengan zaman ini.

Sumber. Membangun Masa Depan Islam; Dr Ali Syari'ati

13

KEMANTAPAN SUMBER KEWANGAN DAN PENINGKATAN PRESTASI PARTI

Antara faktor utama kekuatan Umno untuk terus menerajui kerajaan ialah penguasaan mutlaknya terhadap jentera kerajaan, media massa dan juga kemampuan kewangan yang mencukupi untuk menampung segala kegiatan parti dan “membeli” undi di waktu pilihanraya. Sementara PAS pula dilihat sebagai parti orang-orang miskin, yang mana “wang PAS berada dalam poket ahli-ahli PAS”; apabila dikehendaki oleh parti maka penyokong-penyokongnya akan menghulurkan sumbangan sekadar termampu dengan penuh keikhlasan. Dan satu-satunya kekuatan yang ada pada PAS tetapi tidak ada pada parti-parti lain, khususnya Umno, ialah komitmen tenaga sukarelanya, yang sentiasa berusaha tanpa putus asa bagi memastikan kemajuan dan peningkatan prestasi PAS atau mempertahankannya dari serangan lawan, tanpa mengharapkan sebarang imbalan kebendaan.

Pendukung PAS ini sanggup meninggalkan anak isteri,

kadang-kadang tanpa bekalan yang cukup, terutamanya semasa kempen pilihanraya kecil yang di luar daerahnya, dengan menggunakan wang perbelanjaan sendiri. Terdapat juga pemimpin-pemimpin PAS yang sanggup meletakkan jawatan yang menawarkan gaji lumayan untuk bertanding dalam pilihanraya, yang selalunya berakhir dengan kekalahan! Tidak dinafikan bahawa dalam keadaan yang ada sekarang, PAS masih mampu menyusun dan melaksanakan program-program parti dengan baik; tetapi salahkah untuk kepimpinan PAS memikirkan dengan serius usaha memperbaiki dan meningkatkan sumber kewangan PAS yang tidak menentu ini? Bukan pula hasrat kita merendah-rendahkan kekebalan semangat dan komitmen daya juang ahli-ahli PAS untuk terus menghidupkan parti tidak sama sekali. Bukan juga cita-cita kita untuk menjadikan PAS seperti Umno, yang memberi upah kepada hampir semua kerja-kerja parti – tidak sekali-kali. Memang, sekurang-kurangnya untuk masa ini, PAS tidak perlu lagi bimbang memikirkan sumber kewangan untuk menampung kegiatan parti, sekiranya hanya untuk mempertahankan prestasi PAS yang ada. Bagaimanapun pemimpin-pemimpin tertinggi PAS secara jujur harus menjawab; apakah selama ini tidak ada masalah yang timbul dalam perancangan dan penyusunannya untuk meningkatkan prestasi parti kerana kekurangan sumber kewangan, dan bukan sebab-sebab yang lain?

Dalam kesederhanaan PAS yang ada sekarang, parti itu dikira mampu mengorak langkah perjuangannya ke hadapan, tetapi persoalannya, apabila berhadapan dengan Umno, yang mempunyai berbagai-bagai kemudahan hasil kekuatan kewangannya (dan juga penyalahgunaan kuasa), mampukah PAS memberikan tentangan yang berkesan di semua kawasan? Apakah masalah kewangan tidak timbul? Apakah PAS menghadapi masalah kewangan untuk menggajikan petugas-petugas sepenuh masa yang cekap

dan berkesan? Apakah PAS menghadapi masalah kewangan ketika merancang program-program besar, di peringkat kebangsaan dan antarabangsa? (Sekarang PAS mempunyai peranan tersendiri di peringkat antarabangsa, khususnya selepas Perang Teluk). Tidak berhasratkah PAS untuk memberikan "tanda mata" kepada petugas-petugas PAS, umpamanya, selepas melaksanakan projek-projek parti? Apakah hasrat itu pernah tertunda kerana masalah kewangan? PAS tentunya ingin berbakti kepada golongan yang tidak bernasib baik, contohnya, menjelang hari raya; apakah pernah keinginan itu terpaksa dibataskan kerana masalah kewangan? Dan banyak lagi contoh-contoh keterbatasan PAS untuk menampilkan parti itu sebagai gerakan politik yang berwibawa, sekurang-kurangnya untuk menyaingi Umno, apatah lagi ahli-ahli dan pendukung-pendukungnya sentiasa dianaktirikan dari mendapat kemudahan seperti orang-orang lain.

Wajar juga rasanya jika ditinjau bagaimana Umno menangani masalah kewangan parti, menurut caranya, yang dirumuskan dari buku *Politik dalam Perniagaan: Pelaburan Korporat Umno*, karya Edmund Terence Gomez. Dari itu kita dapat menggambarkan bahawa Umno terpaksa membelanjakan wang yang begitu besar, yang diperolehinya kerana kedudukannya sebagai parti pemerintah, bagi mengekalkan kuasanya. Kita akui wang tidak boleh membeli segala-galanya, termasuk undi, tetapi pertimbangan yang dibuat oleh PAS tidak seperti pertimbangan Umno. Tentunya sebagai saingan terdekat, PAS patut meneliti hal ini dan mengolahnya mengikut pendekatan Islam, dengan tidak melupakan keperluan menyediakan sumber kewangan yang mantap untuk parti. Dan untuk meneruskan "konsep perlindungan" juga Umno terpaksa menguasai kekayaan negara untuk dibahagi-bahagikan, khususnya kepada golongan menengah Melayu yang terbabit dengan Umno, bagi memastikan mereka tidak berpindah kepada parti

pembangkok. Walaupun di peringkat awal usaha-usaha itu untuk membantu Bumiputera dan meneguhkan parti, tetapi akhirnya keuntungan terbesar akan dimiliki oleh individu tertentu.

Oleh kerana kuasa politik ada pada Umno, lesen kerajaan, kontrak, kewangan serta konsesi lain dengan mudah diberikan kepada individu yang sealiran dengan kerajaan ataupun dengan cara yang menguntungkan Umno. Jentera kerajaan juga dapat digunakan untuk memperolehi pendapatan, bukan sahaja untuk parti, tetapi juga untuk kepentingan peribadi, di samping menyediakan tapak bagi usaha pengumpulan kekayaan oleh golongan elit yang memerintah.

Sebenarnya, penglibatan parti politik dalam perniagaan di Malaysia ditandai dengan operasi loteri kebajikan pada akhir tahun 1949, oleh MCA. Walaupun hasil pendapatan daripada loteri ini, yang hanya boleh disertai oleh ahli-ahli MCA sahaja, telah digunakan untuk meningkatkan kebajikan setinggan Cina di kampung-kampung baru bagi memutuskan perhubungan mereka dengan pihak komunis, namun usaha ini telah banyak menguatkan MCA. Kejayaannya dapat dilihat dengan jelas ketika cabutan pertama loteri itu pada bulan Februari 1950, apabila keahlian MCA telah meningkat hampir 50%. Dalam tempoh tiga tahun sahaja (diharamkan oleh British pada 1953), MCA telah berjaya mengutip berjuta-juta ringgit, dengan \$4 juta untuk kerja kebajikan. Pada satu ketika, pucuk pimpinan Umno telah menimbangankan cadangan untuk memperkenalkan satu loteri tetapi ditolak, bukan kerana agama, tetapi menurut Tunku Abdul Rahman, kerana ahli-ahli Umno tidak mempunyai wang untuk membeli loteri, dan Umno tidak mempunyai kemampuan dari segi organisasi dan kepakaran untuk menjalankan projek itu secara besar-besaran demi memastikan kejayaannya.

Bagaimanapun Umno mendapat faedah dari loteri MCA melalui satu perjanjian yang bersifat tolak ansur antara kedua-dua parti tersebut apabila MCA bersetuju memberi sumbangan kewangan untuk memenangi pilihanraya perbandaran Kuala Lumpur dengan syarat Umno tidak bertanding secara langsung dengan calon-calon MCA. Kemasukan Umno dalam dunia perniagaan di peringkat awal ialah untuk mengelakkan dari terus bergantung kepada masyarakat Cina dalam usaha mendapat sumber kewangan untuk membiayai aktivitinya. Di samping itu, keinginan yang kuat untuk mengawal sebuah syarikat penerbitan media tempatan, yang pada masa itu dikawal oleh firma asing, turut menjadi sebab penglibatan Umno dalam bidang perniagaan. (Sebelum itu, pada tahun 1961, Umno telah mengambil alih kawalan terhadap akhbar *Utusan Melayu* dan ini telah mencetuskan satu mogok oleh para wartawan yang merasakan peranan mereka sebagai "pemegang amanah kepada bahasa Melayu dan suara kepada semangat kebangsaan" telah terjejas). Sumber kewangan juga diperlukan untuk menjayakan pembinaan ibu pejabat baru Umno.

Dan dalam perkembangan yang berkaitan, ahli perniagaan dan ahli politik bukan lagi bertentangan antara satu sama lain, dan juga tidak lagi merupakan golongan yang kepentingan yang berbeza, tetapi mereka telah menjadi rakan kongsi. Semenjak pertengahan tahun 1970-an, terdapat hubungan kuat antara pengarah syarikat Melayu yang mempunyai latar belakang politik dan perkhidmatan awam. Seorang pengkaji yang membuat kajian ke atas seratus buah syarikat terbesar di Malaysia telah mendapati bahawa kesemua pengarah Melayu yang mempunyai hubungan dengan politik adalah ahli Umno.

Antara yang digunakan oleh Umno untuk mengesahkan usaha perniagaan parti ialah melantik sese-

orang sebagai pemegang amanah sebagai ganjaran kesetiaan kepadanya. Mereka yang menjadi pemegang amanah semakin bergantung kepada naungan kerajaan demi memastikan kejayaan perniagaan dan perlindungan daripada persaingan ekonomi yang mungkin akan menghalang pertumbuhan pelaburan parti. Umno juga memperalatkan dasar penswastaaan dengan memberikan lesen-lesen dan kontrak-kontrak besar ini, seperti lesen rangkaian televisyen yang sangat menguntungkan serta projek Lebuhraya Utara Selatan, kepada syarikat-syarikat milik Umno. Projek lebuhraya bernilai \$3.4 ribu juta ini diberikan kepada United Engineers Malaysia (UEM), yang mana Hatibudi, syarikat yang ditubuhkan oleh Umno, mengawalnya.

Penglibatan Umno dalam bidang perniagaan yang besar bermula pada tahun 1972 dengan tertubuhnya Fleet Holdings. Selepas itu penglibatan Umno dalam sektor korporat telah menghasilkan konglomerat yang besar dengan pelaburan dalam bidang-bidang tertentu, antaranya penerbitan, pembinaan, industri bank, industri insurans, hartanah, perhotelan, perkilangan dan industri peruncitan makanan. Bagaimanapun asset Umno itu dipegang secara tidak langsung melalui pemegang-pemegang amanah atau nomini yang dilantik oleh pemimpin parti. Umno terlibat secara aktif dalam perniagaan di zaman Dr Mahathir menjadi Presidennya dan Daim Zainuddin sebagai Bendahari. Dr Mahathir sebenarnya mempunyai latar belakang perniagaan yang agak baik. Selepas kembali ke dalam Umno pada tahun 1972, beliau dilantik menjadi pengarah dalam Kumpulan FIMA (Food Industries of Malaysia Bhd), yang terlibat dalam industri pemprosesan makanan. Sebagai pengarah dan kemudiannya pengerusi Kumpulan FIMA, Dr Mahathir juga telah dilantik menjadi pengarah kepada beberapa buah anak syarikatnya termasuk Malaysian Can Company dan Ayam FIMA Sendirian Berhad. Kemungkinan besar, semasa beliau menjadi pengarah

dalam syarikat ini, beliau mendapat pengalaman dalam penggunaan proses undang-undang dan rangkaian untuk tujuan pengambilalihan syarikat-syarikat di bawah DEB. Dr Mahathir juga pernah menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Apatah lagi dengan latar belakang Tengku Razaleigh, bekas Bendahari Umno yang pernah mengendalikan Fleet Holdings. Di bawahnya, Fleet Holdings telah memperolehi saham majoriti dalam syarikat The New Straits Times Press (NSTP), yang kemudiannya menyediakan asas kewangan yang kukuh untuk Fleet Holdings. Dana yang digunakan untuk membeli NSTP terdiri dari pinjaman yang diberikan oleh Bank Bumiputera, yang pada masa itu diketuai oleh Tengku Razaleigh. Idea untuk menguasai The New Straits Times ini bermula sejak zaman Tun Razak lagi, setelah mendapat kritikan dari Ketua Pemuda Umno, Harun Idris.

Penubuhan Hatibudi dikatakan berdasarkan keputusan pucuk pimpinan Umno semata-mata; ahli-ahli Umno secara keseluruhan langsung tidak mengetahui bahawa Umno sedang giat melakukan aktiviti perniagaan melalui syarikat ini. Kes ini seperti yang berlaku di zaman Tun Razak di mana telah diwujudkan satu "tabung khas" yang kerap kali disumbang oleh syarikat-syarikat besar dan jutaan-jutawan tempatan untuk kepentingan parti seperti membiayai kempen pilihanraya. Tabung sedemikian digunakan oleh beberapa pemimpin parti tanpa diketahui oleh sebilangan besar pemimpin-pemimpin lain serta ahli-ahli biasa.

Datuk Seri Samy Vellu (1987) pernah mengesahkan dalam Parlimen bahawa Hatibudi adalah sebuah syarikat milik Umno yang ditubuhkan "untuk memastikan bahawa dasar kerajaan seperti penyertaan Bumiputera dalam industri pembinaan berjaya". Beliau juga mengesahkan

bahawa Presiden Umno, Dr Mahatir Mohamad, Timbalan Presiden, Ghafar Baba, Setiausaha Agung, Sanusi Junid dan Bendahari, Daim Zainuddin adalah pemegang-pemegang amanah Hatibudi kerana jawatan mereka dalam parti. Ini kemudiannya disahkan oleh Halim Saad, pengarah Hatibudi yang menyatakan bahawa beliau memegang saham dalam Hatibudi "sebagai pemegang amanah kepada pemiliknya yang mutlak, iaitu Umno." Bagaimanapun dengan menggunakan syarikat-syarikat nomini dan proksi (Halim Saad bertindak sebagai proksi bagi kepimpinan Umno), ia jelas menolong meminimumkan pendedahan tahap pemilihan Umno terhadap syarikat-syarikat perniagaan di negara ini.

Cuma Koperasi Usaha Bersatu Berhad (KUB) sahaja yang telah diakui secara terbuka sebagai satu projek parti; ini agak berbeza dengan kes Fleet Holdings dan Hatibudi. Koperasi ini dilancarkan oleh Presiden Umno, yang juga Perdana Menteri, Tun Hussein Onn di Dewan Bahasa dan Pustaka bersempena ulang tahun ke-31 Umno, pada 1977. Sebab utama KUB ditubuhkan oleh Umno ialah untuk mengumpulkan sumber ahli-ahlinya dan menggunakan jentera parti untuk mengumpulkan wang sebagai modal, mungkin idea ini dicetuskan selepas menyaksikan kejayaan Koperasi Serbaguna Masyarakat (KSM) yang telah ditubuhkan oleh MCA. Struktur KUB sama dengan struktur Umno.

Kesimpulannya, Umno memperolehi sumber kewangan melalui kedudukannya menerajui kerajaan dan mengeksploitasi dasar-dasar kerajaan seperti DEB, penswastan dan seumpamanya untuk menumpukkan kekayaan sesama individu yang berpengaruh di dalamnya. Di samping itu ia dapat terus mengikat golongan elit Melayu, khususnya, para usahawan dengan Umno kerana tanpa hubungan dengan Umno amat sukar sekali mendapatkan

projek-projek kerajaan dan yang berkaitan dengannya. Walaupun terdapat salah urus yang ketara dalam perniagaan milik Umno ini, serta banyak juga yang ditimpa kerugian, tetapi yang pasti Umno, secara langsung atau tidak langsung, akan mendapat sumber kewangan yang mencukupi untuk terus mencengkam rakyat. Sudahlah Umno mempergunakan semaksima mungkin jentera-jentera kerajaan dan media massa utama yang di bawah kawalannya itu, pengundi-pengundi pula akan diumpan dengan wang dan subsidi yang bersesuaian.

Cabaran ini mesti ditangani dengan bijaksana dan bervisi oleh PAS, tambahan pula rakyat kebanyakannya telah dihanyutkan oleh arus kebendaan. Ini tidak bermakna PAS juga akan terperangkap dengan "lingkaran ganas politik wang"; yang penting ialah memenuhi tuntutan keperluan kewangan menampung program parti dengan berkesan. Ia juga dapat melicinkan pengurusan parti yang ditadbir secara profesional dan cekap, yang juga memerlukan tenaga-tenaga penggerak yang cukup berkemampuan. Memang untuk menggerakkan program ekonomi PAS akan berhadapan dengan banyak masalah, dan sekiranya tidak diuruskan dengan betul, silap perkiraan, boleh mendatangkan masalah yang lebih besar lagi. Dalam hal ini PAS mempunyai sedikit sebanyak pengalaman. Bagaimanapun segala pengalaman pahit itu, dengan diketahui sebab-musababnya, bukan satu alasan untuk PAS bersikap pasif mengembangkan aktiviti ekonominya. Mungkin beberapa pengajaran boleh dijadikan sempadan bagi menyusun semula perancangan ekonomi yang lebih mantap.

Sampai bila PAS harus berbangga dengan aliran kewangannya yang bermula dari bawah ke atas (dari poket ahli-ahlinya), tidak seperti Umno, dari atas ke bawah (dari poket pemimpin-pemimpinnya)? "Tentunya tradisi jihad PAS tidak tergunat sekiranya setiap petugas parti,

penceramah dan tenaga kerja PAS, apatah lagi petugas sepenuh masa, diberikan sagu hati kewangan yang dikira sesuai dengan kemampuan parti.”

14

PERSIAPAN MENGHADAPI CABARAN

Pendakwah semasa menjalankan tugasnya hendaklah memberikan tumpuan utama di kawasan setempat dan negaranya. Dia mesti mengetahui dan memahami setiap aspek kehidupan masyarakat di negaranya. Dia mesti mengetahui keadaan geografi, sejarah, demografi, dan sebagainya. Dia mesti mengetahui sumber utama negara, pembahagian penduduk dari sudut agama, mazhab dalam agama, keturunan, nisbah lelaki-perempuan, dan sebagainya. Dia juga mesti mengetahui sumber ekonomi, import, eksport, industri, hasil pertanian, dan seumpamanya.

Pendakwah juga perlu mempunyai kefahaman yang jelas tentang sistem politik di negaranya, termasuklah parti-parti politik, media massa, proses membuat keputusan, dan perkara-perkara yang berhubung dengan persoalan "siapa", "apa", dan "bagaimana" dalam proses politik. Apakah suratkhbar dan majalah utama? Siapakah tokoh

pemimpin, ilmuwan, penulis, ahli sains, dan ulama? Pendakwah tidak dapat memahami orang lain tanpa pengetahuan asas tentang sejarah dan hubungannya dengan masyarakat di negara lain, terutama negara jiran. Ringkasnya, pendakwah mesti mempunyai pengetahuan yang baik tentang keadaan sosial, ekonomi, pendidikan, politik, dan agama di negara tempat ia tinggal dan bekerja.

Pendakwah mesti mengambil berat tentang masalah masyarakatnya dan bertindak sebagai seorang doktor. Walaupun dia tidak mempunyai penawar sebenar bagi penyakit, tetapi dia dapat mengurangkan kesakitan dan keperitan pesakitnya. Kita tidak pernah mendengar seorang doktor mengolok-olok dan menyalahkan pesakitnya. Dia sentiasa mencuba memperbaiki keadaan dengan semangat ihsan. Seseorang pendakwah mesti mengenal pasti, dan menganalisa masalah serta menyediakan penyelesaian secara Islam terhadap apa sahaja masalah yang dihadapinya.

Sesetengah pendakwah menyangka Islam sebagai bunga-bunga indah yang boleh ditanam di mana-mana negara di dunia ini. Bagaimanapun hal ini tidak sedemikian dalam kehidupan yang sebenarnya. Islam adalah seumpama suatu set bunga-bunga yang unik, yang boleh dikedukakan pada tiap-tiap negara dalam pelbagai gubahan. Setiap jenis tanah dan iklim mempunyai suatu set bunga-bunga khusus yang sesuai dengan negara tersebut. Gabungan negara-negara inilah yang menjadikan ummah Islam berwarna-warni, penuh dengan sumber, dan menarik. Semasa menggambarkan sifat-sifat khusus yang utama hasil daripada kepercayaan kepada ciri ghaib, syumul, dan alami yang terdapat dalam Islam, pendakwah juga perlu menunjukkan kesesuaian dengan adat resam tempatan, citarasa, pakaian, bahasa, dan kebudayaan negaranya sendiri.

Menarik juga untuk diteliti kenyataan ini bagi renungan bersama: "Barat mempunyai produk yang kurang baik, tetapi jurujual yang lebih baik, manakala kita pula mempunyai produk yang lebih baik, tetapi jurujual yang kurang baik. Walaupun sistem buatan mereka adalah salah, ahli-ahli sekular tidak berusaha memperbetulkannya dan memperbaikinya. Mereka seolah-olah memandu kereta yang selalu rosak, tetapi penumpangnya adalah jurutera-jurutera dan mekanik-mekanik yang boleh membaikinya selalu. Kita pula seperti memandu kereta baru yang diimport tanpa mempunyai pengetahuan mengenainya. Sese kali kereta itu rosak, kita terhenti di situ selama-lamanya." Cabaran kita sekarang ialah membuktikan keunggulan iman, memastikan (menetapkan) ketinggian pemikiran Islam dalam pelbagai disiplin, menunjukkan (mempamerkan) model yang praktikal bagi alternatif yang Islamik.

1. Semangat Berkumpulan

Program Islam telah berjaya menghasilkan individu-individu yang cemerlang melalui program-program tarbiyah. Bagaimanapun, masalah ini timbul apabila individu-individu ini diminta untuk bekerja dalam kumpulan. Pergerakan tersebut digerakkan oleh segelintir individu-individu, bukannya oleh pasukan yang terdiri daripada beberapa orang ahli, dengan tidak menyedari bahawa bekerja secara berpasukan akan membawa hasil yang lebih banyak daripada bekerja secara bersendirian. Pendekatan ini boleh dilihat dalam persekitaran yang mundur yang terdapat "sistem pengurusan yang berteraskan seorang manusia sahaja" dalam setiap bidang kehidupan. Dalam sebuah keluarga, bapa menguasai segala-galanya. Begitu juga halnya dengan sekolah-sekolah, kerajaan, tentera, dan parti-parti politik.

Sistem ini menggambarkan, satu petanda kemunduran yang terdapat di kebanyakan institusi kita. Jika kita menganalisa keadaan dunia, kita akan mendapati bahawa Eropah merintis jalan ke arah kebebasan dan penubuhan negara nasional. Amerika mendahului Eropah dengan mengamalkan teori penjelmaan satu bangsa daripada berbagai-bagai bangsa. Jepun pula mengalahkan Amerika dengan meningkatkan semangat berpasukan dan kesetiaan kepada tradisi dan kepercayaan asal mereka. Gambarkan kegiatan Islam sebagai satu pasukan bolasepak. Jika anda mengumpul semua pemain yang terbaik dalam satu pasukan, tetapi mereka enggan mengamalkan semangat berpasukan, mereka akan kalah di tangan satu pasukan yang kurang mahir tetapi mempunyai semangat berpasukan yang tinggi.

2. Ketiadaan Institusi

Pergerakan mengharapkan seorang individu untuk memikul pelbagai tanggungjawab. Oleh itu, semua fungsi organisasi di bahunya dan menyebabkan perubahan operasi organisasi tidak stabil. Jika ada pun, hanya segelintir organisasi sahaja. Walaupun beberapa institusi dibentuk, tetapi institusi itu tidak mempunyai perancangan, semangat berpasukan, dan organisasi yang betul. Pergerakan tidak melaksanakan prinsip dan objektifnya melalui institusi. Seseengah daripada mereka menjadi beban daripada membantu. Walaupun ramai ahli yang telah berjaya dalam projek peribadi, tetapi mereka gagal apabila bekerja secara berkumpulan.

3. Wanita dan Kanak-kanak Terabai

Satu kepincangan diperhatikan wujud dalam golongan wanita dan kanak-kanak. Manakala kita hampir berjaya dengan golongan lelaki, kita gagal dengan golongan

yang lain. Kita tidak dapat melatih, menggerakkan, dan menubuhkan satu pergerakan wanita yang berkesan. Dengan beberapa pengecualian, wanita Islam masih lagi belum berupaya untuk menyusun satu organisasi di kalangan mereka dan mendorong orang lain. Sebahagian besar dari mereka tidak dapat berkomunikasi dengan baik dan membahaskan isu-isu kemasyarakatan. Manakala parti-parti yang bersifat nasionalis dan berhaluan kiri pula mengeksploitasi golongan wanita untuk kepentingan politik mereka.

Oleh itu kita tidak memperoleh manfaat daripada potensi-potensi yang begitu besar dari kalangan wanita kita. Kecuali dalam kes-kes tertentu, kebanyakan daripada mereka tidak aktif, tidak berkesan, dan tidak dapat memberikan sumbangan kepada pergerakan Islam. Walaupun kita mengatakan bahawa merekalah yang akan melahirkan pemimpin umat, kita tidak mengambil langkah-langkah yang positif untuk melibatkan, melatih, dan menyokong mereka. Hal ini terus menjadi satu paradoks dalam pergerakan Islam. Secara realistiknya, kita tidak akan memenangi perjuangan ini jika 50% daripada kekuatan kita terlindung dan tersisih.

Sehubungan itu, hanya sedikit usaha dicurahkan untuk membangunkan kanak-kanak. Sebagai contoh, tidak sampai lima peratus daripada karya-karya Islam ditujukan kepada mereka. Kita mengharapkan agar mereka membaca karya-karya untuk orang dewasa dan menerima kebenaran-kebenarannya. Pendidikan kanak-kanak dan belia adalah satu bidang yang khusus, dan memerlukan bentuk penerbitan yang tersendiri. Pergerakan Islam telah banyak mengalami kerugian dengan mengabaikan bidang ini.

4. Masih Terperangkap dengan Semangat Kedaerahan

Secara teori, gerakan yakin dengan kesatuan dan keuniversalan ummah. Tetapi dalam praktik, kualiti-kualiti

tersebut tidak dicernakan (dilaksanakan) dengan sepenuhnya. Tingkah laku kita mempamerkan sikap dan semangat kedaerahan dan kebangsaan (nasionalis). Gambaran yang jelas tentang kelemahan ini dapat dilihat di majlis-majlis umum, Muslim dan Muslimah hanya bergaul sesama sendiri. Mereka jarang-jarang bergaul dengan orang lain. Pada peringkat pimpinan, kita masih tidak mempunyai forum antara kawasan dan antarabangsa yang berkala untuk pemimpin-pemimpin dari berbagai negara. Walaupun majlis muzakarah bukanlah wajib, tetapi sangat penting untuk pertukaran (penyebaran) maklumat, perundingan, menggariskan strategi, dan kordinasi.

5. Kelemahan Perancangan

Pergerakan tidak seharusnya berjuang untuk hidup dalam perjuangan yang serta-merta (pendek), di mana buah fikirannya jarang-jarang dicurahkan untuk perancangan lima tahun atau 10 tahun, kerja-kerjanya dikendalikan mengikut krisis dan penjagaan berkala menjadi operasi kecemasan (segera). Ketiadaan perancangan awal menyebabkan kekaburan matlamat, peruntukan sumber-sumber dengan tidak betul, kesilapan meletakkan keutamaan dan kehilangan arah dan tujuan. Pada saat-saat tertentu, kita tidak tahu di mana kita berada, jarak kita dengan matlamat atau bagaimanakah kita menilai aktiviti-aktiviti kita. Dengan itu kita terus bergerak tanpa mengetahui manfaat dan nilainya. Ini adalah masa yang sesuai untuk kita kembali kepada perancangan yang teratur, dan berpindah daripada melakukan apa yang boleh kita lakukan kepada apa yang mesti dilakukan!

6. Mesti Pentingkan Masyarakat Bukan Diri Sendiri

Pergerakan juga tidak seharusnya sibuk dengan diri sendiri daripada dengan masyarakat. Analisa statistik secara

kasar menunjukkan lebih kurang 70% daripada masa, wang dan tenaga ahli digunakan khusus pada urusan (hal-ehwal) dalaman gerakan dan mungkin hanya 30% sahaja dipe-runtukkan kepada masyarakat luar. Peruntukan yang baik sepatutnya 70% untuk masyarakat dan 30% untuk gerakan. Pergerakan akan dianggap sebagai kumpulan istimewa yang mengambil berat tentang ahli-ahlinya sahaja dan tidak mempunyai tugas dalam masyarakat keseluruhan, seperti kelab-kelab sukan atau pertubuhan koperatif. Inilah sebabnya apabila malapetaka politik menimpa kumpulan ini, orang-orang awam tidak mengendahnya.

7. Kepimpinan Yang Berkesinambungan

Dalam sesetengah kes, pergerakan telah mengikuti model kepimpinan dalam bentuk "Syeikh". Mereka memilih pemimpin seperti seorang bidadari, seorang wira yang mengetahui dan melakukan segala-galanya. Dia akan mengetuai organisasi sepanjang hayatnya. Semasa memegang teraju pemerintahan, dia menjadi kronik, ketua yang tidak boleh diberhentikan daripada jawatannya, dan pergerakan tergendala kerana dia tidak mengendahkan apa yang dilakukannya. Walaupun dia tidak berada dalam negara untuk jangka masa yang lama, dia masih menyelaraskan organisasi dengan alat kawalan jauh. Apabila dia berada dalam mesyuarat, dia menguasai keseluruhan agenda; dia bercakap apabila dia mahu dan selama yang diinginkannya. Perkara yang dibincangkan tidak berkaitan langsung dengannya kerana dia tidak bersedia, tidak menulis atau mencatat nota pendek untuk mesyuarat. Dia dapat bercakap dalam setiap perkara tanpa persediaan. Dia perlu dihormati dan diberikan kedudukan yang pertama, tanpa memperdulikan keistimewaan yang diperlukan bagi kedudukannya.

Persoalan yang timbul ialah siapakah yang akan

menggantikannya? Setiap ahli di sekelilingnya berfikir bahawa diri mereka adalah kerdil sebab mereka telah dididik untuk berfikir dalam cara tersebut dalam kehidupan mereka. Mereka menganggap bahawa merendahkan diri merupakan keperluan dalam Islam. Mereka tidak pernah dilatih dengan kepimpinan secara kolektif dalam penglibatan syura. Perasaan hormatnya kepada "syeikh" menghalang mereka daripada menentang atau memegang tanggungjawab "syeikh", atau menyolanya.

8. Ahli Bertanggungjawab Kepada Pemimpin; Pemimpin Bagaimana?

Norma dalam gerakan ialah ahli-ahli bertanggungjawab kepada pemimpin. Pemimpin mahukan ketaatan yang tidak berbelah bagi daripada ahli-ahli pada ketika senang dan susah. Walau bagaimanapun, keperluan kepada pertanggungjawaban pemimpin tidak diberikan penjelasan yang memuaskan, tidak tersusun, diformalkan, dan dipraktikkan. Apabila pemimpin membuat laporan kepada ahli-ahli, pemimpin memberikannya dalam bentuk kenyataan umum, seperti "situasi di bawah kawalan", "sedang meningkat", "masa depan untuk Islam adalah cerah", "kemenangan adalah dekat", "kamu mesti meningkatkan iman", "berikan pengorbanan", "bersabar" dan sebagainya.

Pokoknya tidak ada statistik, tidak ada fakta dan angka, tidak ada analisa yang kuantitatif dan kualitatif terhadap keahlian, penerbitan-penerbitan, kewangan, pungutan pendapat umum, penilaian institusi dan penilaian tahap pencapaian yang wajar dan sebagainya. Kadang-kadang pemimpin tidak mahu menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dengan alasan bahawa maklumat itu sulit. Gerakan menjadi tidak sihat, melainkan memper-tanggungjawabkan pemimpin-pemimpinnya. Pemimpin harus menghadapi cabaran yang sebenar dan meningkatkan

tahap pencapaian mereka dalam melaksanakan tugas, yang amat penting ialah tanggungjawab dalam soal kewangan. Gerakan mestilah mempunyai laporan-laporan dan kenyataan-kenyataan kewangan secara berkala dan diaudit.

9. Utamakan Kebenaran, Suburkan Kritikan Membina

Setiap ahli pergerakan mestilah mendahulukan dan mengutamakan kebenaran daripada semangat kekitaan. Jika pergerakan lebih didahulukan, maka dia menjadi seorang yang emosional dan menilai kebenaran melalui orang (individu), bukannya menilai individu melalui kebenaran yang dibawanya. Dengan kata lain, dia tidak diajar untuk berfikir dengan bebas tetapi dia dibelenggu oleh pendapat dan pandangan yang berprasangka. Hal ini mengakibatkan dia susah untuk berurusan dengan orang lain, terutama orang di luar pergerakannya. Dia menghadapi kesukaran untuk berbincang dengan ulama-ulama kerana dia tidak dilatih untuk mengkaji isu-isu secara objektif. Dia juga mempunyai masalah yang sama untuk berbincang dengan orang yang tidak mempunyai fikiran yang Islamik.

Terdapat pergerakan yang tidak menggalakkan kritikan terhadap diri sendiri dan tidak mempunyai satu sistem yang formal untuk menyalurkan pendapat atau pandangan ahli terhadap pemimpin. Kritikan tidak digalakkan, kadang-kadang sesiapa yang berani mengkritik dituduh sebagai orang yang mempunyai niat yang jahat (buruk) dan motif-motif yang tersembunyi. Reaksi terhadap kritikan ialah menyerang peribadi, bukannya membincangkan dalil-dalil daripada pendapat yang diberikan. Tujuannya bukanlah mengenai apa yang dikatakan, tetapi siapakah yang menyatakannya hingga menghilangkan objektif yang sebenarnya.

10. Kecekapan dan Keutamaan

“Kecekapan” menjadi pedoman ke arah melakukan perkara yang betul, manakala “keutamaan” menjadi untuk melakukan perkara yang betul. Terdapat banyak perbezaan di antara kedua-duanya, bagaimanapun kedua-duanya adalah penting. Kita berkemungkinan sungguh cekap dalam melaksanakan pekerjaan (tugas) yang salah. Dengan itu, keutamaan perlu didahulukan, walaupun terdapat lebih banyak kerja dan keperluan daripada sumber-sumber yang ada. Oleh yang demikian, meletakkan keutamaan adalah penting, dan ini akan memberikan hak kepada sumber-sumber yang bernilai dan yang tidak mencukupi, manusia dan material. Selagi masa terus beredar, semuanya berlaku dengan cepat dan keperluan kepada keutamaan menjadi semakin penting. Keutamaan tidaklah mencukupi dengan hanya melakukan perkara-perkara yang penting, tetapi kita perlu melakukan perkara yang lebih penting terlebih dahulu.

11. Manfaatkan Maklum Balas

Fungsi pengurusan tidak seharusnya seperti satu sistem gelung terbuka di mana maklumat *feedback* yang kolektif tidak dituntut atau tidak digunakan. Sebahagian daripada ahli hanya bermatlamat untuk menyampaikan risalah tanpa mengawasi kesan-kesannya. Pada pandangannya, Muslim akan mendapat ganjaran daripada Allah di akhirat nanti sekiranya mereka tidak mendapatnya di dunia ini, telah keliru dengan meninggalkan usaha untuk mencapai kejayaan. Konsep yang menjadi kelaziman ialah kerja atau tugas menjadi tanggungjawab kita, manakala keputusannya di tangan Allah. Konsep ini telah disalahguna dan menyebabkan kurangnya penekanan terhadap tahap pencapaian dan kejayaan. Masanya sudah tiba bagi pergerakan menggalakkan pakar-pakarnya yang paling baik dalam bidang psikologi, sosiologi, komunikasi, pertubuhan,

masa, sains politik dan perhubungan awam untuk menganalisa kerja dan kesannya terhadap orang ramai. Bagaimanakan reaksi mereka? *Feedback* ini mesti digunakan untuk mengubah dan memperbaiki pendekatan dan interaksi dengan orang ramai.

Sumber: Panduan Latihan Bagi Petugas Islam; Dr Hisham Yahya Altalib

PHILOSOPHY 301: THE HISTORY OF PHILOSOPHY

LECTURE 1: THE PRE-SOCRATICS

LECTURE 2: SOCRATES AND PLATO

LECTURE 3: ARISTOTLE

LECTURE 4: THE STOICS

LECTURE 5: THE EPICUREANS

LECTURE 6: THE SKEPTICS

LECTURE 7: THE MIDDLE PLATO

LECTURE 8: THE NEW PLATO

LECTURE 9: THE RENAISSANCE

LECTURE 10: THE ENLIGHTENMENT

LECTURE 11: THE ROMANTICISM

LECTURE 12: THE VICTORIAN AGE

LECTURE 13: THE TWENTIETH CENTURY

LECTURE 14: THE FUTURE

LECTURE 15: THE CONCLUSION

LECTURE 16: THE APPENDIX

LECTURE 17: THE BIBLIOGRAPHY

LECTURE 18: THE INDEX

LECTURE 19: THE GLOSSARY

LECTURE 20: THE NOTES

LECTURE 21: THE REFERENCES

LECTURE 22: THE SUBJECT INDEX

LECTURE 23: THE AUTHOR INDEX

LECTURE 24: THE PERIODICALS INDEX

LECTURE 25: THE SERIALS INDEX

LECTURE 26: THE BOOKS INDEX

LECTURE 27: THE DOCUMENTS INDEX

LECTURE 28: THE ARCHIVES INDEX

LECTURE 29: THE MANUSCRIPTS INDEX

LECTURE 30: THE PRINTING INDEX

LECTURE 31: THE PUBLICATIONS INDEX

LECTURE 32: THE DISTRIBUTION INDEX

LECTURE 33: THE SALES INDEX

LECTURE 34: THE CATALOGS INDEX

LECTURE 35: THE BIBLIOGRAPHY INDEX

LECTURE 36: THE INDEX INDEX

15

PERJUANGAN PAS TIDAK HARAPKAN KEMENANGAN?

“Adakah PAS akan dapat menubuhkan Negara Islam di Malaysia?” Ini merupakan satu soalan yang sering dijawab dengan “tidak”, bukan saja oleh mereka yang menentang Islam tetapi juga oleh pendukung-pendukung PAS sendiri. Mengapakah begitu? Ini kerana mereka tidak yakin pada kemampuan Islam, Negara Islam, umat Islam, gerakan Islam atau kepada PAS itu sendiri. Bagi pendukung PAS, mereka yakin dengan kemampuan Islam, Negara Islam, umat Islam dan gerakan Islam. Cuma terdapat segolongan yang tidak yakin dengan kemampuan PAS untuk menubuhkan Negara Islam di Malaysia. Dan seringkali perkara ini berlaku kerana mereka tidak yakin yang PAS boleh menang pilihanraya umum. (Setengahnya dengan sinis menunjukkan kes di Algeria sebagai bukti Islam tidak akan dibenarkan berkuasa melalui pilihanraya, dan membisikkan: “kita mesti turun ke jalan-jalan raya dan jika perlu, mengangkat senjata.”)

Dalam keadaan ini, mereka berpuas hati untuk terus berjuang sebagai pihak pembangkang (atau hanya menerajui satu atau dua kerajaan negeri) dan menjadi pengkritik pihak kerajaan tanpa memikirkan masalah-masalah kemungkinan PAS akan berjaya memerintah negara. Lebih berat lagi apabila difikirkan masalah-masalah yang akan dihadapi oleh pihak PAS sekiranya parti ini berjaya menjadi kerajaan dan cuba memerintah untuk mewujudkan sebuah Negara Islam. Apabila Angkatan memenangi Kelantan, dalam kegembiraan mereka merasa bimbang kalau-kalau parti mereka ini tidak berjaya hendak memerintah secara Islam. Dalam hati mereka terdetak juga, alangkah lebih mudah dengan terus menjadi pembangkang. Dan apabila berhadapan dengan kekalahan demi kekalahan, dirasakan amat sukar bagi partinya hendak mencapai kejayaan melalui pilihanraya. Lebih-lebih lagi apabila melihat telatah dan tindak-tanduk pihak kerajaan yang tidak menghormati keadilan dalam persaingan. Maka tidak jarang para pendukung PAS mengeluh dan merasakan bahawa perjuangan mereka tidak akan mencapai "kejayaan dunia" dalam jangka waktu yang dekat.

Walaupun mereka bekerja keras dalam pilihanraya dan kerja-kerja parti, tetapi umumnya mereka tidak begitu peduli dengan kemenangan, seolah-olah mereka rasa mereka akan terus mengalami kekalahan. Mereka hanya terus bekerja kerana PAS adalah parti Islam dan segala tugas mereka, insya-Allah akan dinilai sebagai amal soleh. Tetapi ini tentunya tidak bermakna bahawa mencari keredhaan Allah itu adalah dengan mengharungi kekalahan demi kekalahan tanpa sebarang cita-cita kemenangan. Adalah tidak wajar untuk terus berjuang tanpa bermatlamatkan kemenangan. Dan lebih malang, dengan anggapan sebegitu, mereka tidak banyak mengambil pengajaran dari kekalahan sendiri; pengalaman harakah terdahulu hanya dipendamkan di sebalik lipatan sejarah,

dan selepas itu mengulangi ranjau-ranjau kependihan yang membawa kekecewaan semata. Strategi musuh, terutama di saat-saat akhir kempen, jarang dapat ditangkis dengan tangkas, cekap dan berkesan, kerana antara lain kurang persiapan dan sikap mengambil mudah. Jarang difikirkan tindakan susulan yang bijaksana dan bervisi. Mereka tidak begitu khuatir dengan tercacirnya pendukung PAS di tengah perjuangan sama ada akibat kurang stamina atau lambaian kehidupan lain yang lebih sejahtera; alasannya "ada sesuatu yang tidak beres dalam diri individu tersebut" atau "mereka yang tercacir itu boleh memebersihkan parti". Dengan itu banyak kesempatan yang muncul tidak dapat dimanfaatkan dengan baik, seperti hancurnya kesatuan Umno atau banyak isu-isu penyelewengan pihak berkuasa yang didedahkan. Terkeliru dengan tipu daya musuh akibat terlalu jujur dan mudah mempercayai juga punca terbantutnya buah kemenangan dipetik. Akhirnya kesimpulan mudah dibuat: "PAS hanya akan menang dengan kekuatan sendiri bukan berdasarkan kelemahan musuh!"

Dan tidak mustahil bagi PAS mencapai kemenangan; Allah maha kuasa dan Ia boleh memberi bila-bila saja kemenangan, dan seterusnya kemampuan kepada PAS mentadbir Malaysia ini. Yang penting, ahli-ahli PAS mesti bersemangat waja, berjiwa besar, tidak mudah putus asa dan sentiasa kreatif mencari pendekatan yang sesuai dengan sasaran dakwah. Sekali gagal tidak bermakna pintu kejayaan tertutup buat selamanya. Memang kita tidak mengharapkan kemenangan dengan cepat, tetapi tidak pula menyebabkan segala kerja dan usaha dilakukan "asal buat sahaja". Antara jalannya ialah mencari seramai mungkin ahli baru atau penyokong-penyokong. Setiap ahli PAS di peringkat cawangan mesti berusaha mengenali anasir-anasir yang berpotensi ini. Ini bermakna, ahli-ahli PAS hendaklah banyak bergaul dan menganjurkan program yang boleh menghimpunkan penyokongnya. Mendapatkan ahli adalah

satu soal dan memelihara serta meningkatkan potensi ahli adalah hal yang lain pula. Dengan itu program tarbiyah hendaklah dijalankan secara kemas di semua peringkat, secara profesional sesuai dengan keperluan gerak kerja parti. Untuk ini Markaz Tarbiyah PAS Pusat hendaklah menjalankan fungsi sebenarnya sebagai markaz pendidikan haraki, begitu juga di peringkat negeri, kawasan dan cawangan. Banyak lagi tempat-tempat yang asing dengan PAS; kawasan seumpama itu tidak harus dibiarkan sunyi dari seruan PAS. PAS bukan parti untuk Pantai Timur dan negeri-negeri di utara sahaja. PAS adalah alternatif kepada Umno dari segi politik orang Melayu. Sekurang-kurangnya, di setiap negeri, PAS mempunyai kubu yang kuat dan kukuh, sebagai platform melancarkan gerakannya.

Dari kacamata umum, PAS selalu akan dinilai berbanding dengan Umno. Bagi menguasai politik Malaysia PAS tidak ada jalan lain melainkan mesti mengalahkan Umno. Bagaimanakah hendak mengalahkan Umno? Jawabnya, secara mudah, PAS mestilah memperlihatkan kemampuannya untuk memimpin Malaysia. Janganlah meminta rakyat Malaysia memilihnya terlebih dahulu, sesudah itu baharu hendak memperlihatkan kemampuannya. Itu bukan strategi politik yang baik. Dan dalam struktur dan sistem nilai masyarakat Malaysia, masyarakat Islamnya akan cenderung untuk memilih perjuangan PAS daripada Umno, sekiranya pimpinan PAS dapat menyusun strategi yang berkesan bagi melahirkan kemampuan kepimpinannya. Peluang memimpin Kelantan adalah kesempatan terbaik membuktikan kemampuan PAS menerajui sebuah negeri. Di tempat yang PAS tewas sekalipun, amat banyak bentuk-bentuk tindakan (yang dibenarkan oleh undang-undang) yang boleh dibuat oleh PAS, baik di peringkat nasional mahupun di peringkat daerah, dalam semua sektor kehidupan seperti bidang pendidikan dan ekonomi. Setiap penyelewengan, salah guna kuasa, rasuah, pemborosan

dan pembaziran, juga pengabaian kerajaan terhadap golongan bawahan hendaklah ditangani dengan serius, bukan semata-mata untuk memancing undi menjelang pilihanraya.

16

MENGGUBAL DASAR YANG KONKRIT

Dalam menilai sumbangan PAS kepada masyarakat Malaysia, saya akan membahagikan perjuangan PAS kepada empat fasa. Fasa pertama, dari penubuhannya, pada 1951 sehingga 1957, iaitu zaman sebelum merdeka. Dalam fasa ini, sumbangan PAS kepada perjuangan kemerdekaan tanahair tidak dapat dinafikan oleh mana-mana pihak. Nama-nama seperti Abu Bakar al-Baqir, Ahmad Fuad dan Dr. Burhanuddin al-Helmi, telah mengharumkan perjuangan PAS. Dr Burhanuddin terutamanya, telah memainkan peranan penting dalam memperjuangkan kemerdekaan. Beliau cuba menggariskan ideologi yang sesuai bagi Malaya sebagai sebuah negara merdeka dan berusaha mewujudkan kerjasama antara masyarakat Melayu dan bukan Melayu melalui gabungan PUTERA-AMCJA.

Dalam fasa kedua, iaitu 1957 sehingga 1973, PAS lebih menumpukan perhatiannya kepada soal kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi

dan isu-isu lain yang berkaitan dengan kebudayaan dan kesejahteraan masyarakat Melayu. Perjuangan PAS dalam bidang bahasa boleh dianggap sebagai satu sumbangan kepada usaha membentuk keperibadian Malaya dan Malaysia. Tetapi dalam fasa kedua ini, PAS gagal dalam satu hal. Ia gagal membuktikan ketulenan dan keistimewaan Islam sebagai satu fahaman sejagat. Ideologi Islam dicampuradukkan dengan unsur-unsur kemelayuan yang kadangkalanya membawa kepada satu bentuk perkauman. Oleh kerana perjuangan kaum diletak sebagai ideologi parti, di samping perjuangan Islamnya, PAS dapat digodai oleh Umno.

